

Jilid I
Bil. 102



Hari Jumaat
4hb Disember, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Jimatkan Masa Membahas Rang Undang-undang [Ruangan 16709]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 16709]

RANGUNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) [Ruangan 16753]

Rang Undang-undang Polis (Pindaan) [Ruangan 16774]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 16789-16844]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., p.i.s. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIR, D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., p.p.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH Aziz, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, s.i.M.p., P.N.B.S., j.B.s. (Santubong).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Bella dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN No CHENG KIAT (Klang).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., p.i.s., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., s.M.j. (Segamat).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.p. (Alor Setar).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.p., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSU BIN MOHD. GHAZALI. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LORE YUEN YOW, A.M.p. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titivangsa).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah tian Kemajuan Wiyayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.p., P.J.K., (Sungai Petani).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM Hov, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Belong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.O.O.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
 TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
 TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
 PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
 TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
 TUAN MAIOOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
 TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
 TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
 TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
 TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
 TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
 TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang),
 DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N.", P.J.M. (Balik Pulau).
 TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
 DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
 TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
 TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
 TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
 TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
 DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., s.s.u., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
 TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
 TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
 TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
 TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
 DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
 TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
 DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
 TUAN P. PATTO (Ipoh).
 TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
 DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., p.c., K.M.N.,
 A.M.N. (Saratok).
 TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
 „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
 „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
 S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
 DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
 „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, O.K., P.S.M.,
 S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
 „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.p., A.M.N.,
 P.J.K. (Tasik Chenderoh).
 „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
 TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
 DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., p.i.s. (Johor Bahru).
 PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
 S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
 TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
 TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
 TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
 „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
 TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
 DR TAN SENG GIAW (Kepong).
 TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
 „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
 TUAN TIEU SUNG SENG *alias* Tiu SUNG SENG (Sibu).
 TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
 DR TING CHEW PEH (Gopeng).
 TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
 TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir
 Puteh).
 DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
 „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.p. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julian binti A warn.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Nairn.

BENTARA MESYUARAT

Me jar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 4hb Disember, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUAJIMATKAN MASA MEMBAHAS
RANG UNDANG-UNDANG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita belum lagi habis membahas Akta Mesin Cetak dan Penerbitan pada hari kelmarin dan kita ada hanya dua hari sahaja di hadapan kita. Saya berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu kami di atas Kerusi ini untuk menjimatkan masa supaya kesemua urusan dapat diselesaikan. Seelok-eloknya ucapan hendaklah terus kepada point yang hendak dituju dan janganlah membuang masa dengan perkataan-perkataan yang tidak bersangkutan. Selain dari itu, saya berharap setelah satu point itu telah diucapkan oleh mana-mana Ahli-ahli yang lain, janganlah Ahli-ahli yang lain pula membangkitkan perkara itu semula, dengan cara ini kita dapat menjimatkan masa.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANHUBUNGAN MALAYSIA DENGAN
BLOK KOMUNIS

1. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Luar Negeri menyatakan

apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula hubungan Malaysia dengan negara-negara blok Komunis dan Taiwan berdasarkan perubahan sikap pemimpin-pemimpin mereka "Sejak akhir-akhir ini terhadap negara membangun yang lebih positif.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengamalkan dasar sedia mengadakan hubungan yang baik dan berfaedah dengan semua negara di dunia ini, tidak kira apa sistem kepercayaan atau ideologi negara-negara tersebut, kecuali Afrika Selatan dan Israel kerana sebab-sebab tertentu. Malaysia akan bersahabat dengan mana-mana negara berasaskan kepada semangat saling mengerti dan hormat menghormati antara satu sama lain dan bekerjasama untuk faedah bersama.

Malaysia mernang sudahpun mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan dengan negara-negara blok komunis, misalnya Soviet Union, Republik Rakyat China, Cuba dan negara-negara sosialis di Eropah Timur. Sekiranya negara-negara seperti ini mengamalkan sikap yang lebih positif bukan sahaja terhadap negara-negara membangun termasuk Malaysia, malah juga terhadap isu-isu keselamatan, politik dan ekonomi antarabangsa yang kita anggap penting, Malaysia sedia bekerjasama dengan lebih rapat lagi dengan mereka untuk memajukan kepentingan bersama. Yang penting bagi kita ialah supaya kerjasama tersebut akan

memberi faedah kepada kita dan tidak menjejaskan kestabilan dan keselamatan negara ini. Kita memang mengalu-alukan sikap yang saksama dan adil yang diambil oleh mana-mana negara pun, sama ada dari komunis, sosialis ataupun negara kapitalis.

Mengenai Taiwan, seperti Dewan ini sedia maklum, Malaysia mengiktiraf serta mempunyai hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China, dan menganggap Taiwan sebagai sebahagian dari Wilayah China. Hubungan kita dengan Taiwan di bidang-bidang tertentu seperti perdagangan, pelancongan, pertanian akan terus dibina atau dipertingkatkan bagi kepentingan dan faedah rakyat kita.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri. Sebagaimana apa Yang Berhormat terangkan tadi bahawa hubungan kita di antara setengah-setengah negeri di blok komunis telah pun dijalinkan, maka hari ini adakah telah dibebaskan rakyat Malaysia pergi ke negara-negara blok komunis ini dengan tanpa syarat, sebagaimana syarat-syarat yang telah kita adakan di masa-masa yang lalu.

Yang kedua, adakah hari ini pihak rakyat negara blok komunis telah mengunjungi negara kita sebagai kunjungan pelancongan ataupun perdagangan sebagaimana negara-negara lain juga ataupun masih berkurangan. Sekiranya masih berkurangan, apakah usaha-usaha Kementerian Luar Negeri untuk orang-orang daripada negara komunis akan datang melancong atau membuat perdagangan bebas sebagaimana orang-orang dari negara-negara lain juga.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, Kerajaan Malaysia

sebenarnya tidak membebaskan sepenuhnya rakyat Malaysia untuk melawat ke negara-negara komunis tanpa sebab-sebab yang tertentu. Walau bagaimanapun, permohonan boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk rakyat Malaysia melawat negara-negara yang berkenaan dengan tujuan seperti untuk perdagangan ataupun sebab-sebab lain yang tertentu.

Yang kedua, ialah dari masa ke semasa oleh sebab dasar liberal ataupun dasar terbuka negara Malaysia tentang semua negara dalam dunia telah pun terdapat bahawasanya pelawat-pelawat dan pedagang-pedagang daripada blok komunis telah pun bertambah masuk datang ke Malaysia untuk tujuan mencari perdagangan dan mempereratkan lagi perubungan dua hala ke negara kita. Kita percaya dari masa ke semasa pedagang-pedagang terutamanya daripada blok komunis, tak kira di Timur atau di Barat telah dan akan datang dengan lebih ramai lagi seperti jelas kita lihat contohnya daripada Negeri China yang mana telah pun dapat menghantarkan banyak rombongan perdagangan ke negara Malaysia pada akhir-akhir ini.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini adakah Kementerian Luar Negeri berpuas hati dengan urusan perdagangan kita dengan negara blok komunis dan apakah perkembangan dalam soal-soal eksport seperti kacang soya, kelapa sawit, getah, tin dan sebagainya yang diterima oleh negara-negara blok komunis.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzi bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini perdagangan di antara Malaysia dengan blok komunis agak dalam paras puas dari segi jumlah perdagangan antara dua negara, tetapi kita masih perlu memperbaiki lagi oleh kerana kebanyakan negara-negara ini mendapat bahan-bahan

Malaysia melalui negara ketiga dan tidak secara terus-menerus. Kita cuba sekarang ini untuk membuat perdagangan secara terus supaya tidaklah orang tengah atau orang ketiga dapat faedah daripada perdagangan antara Malaysia dengan blok-blok yang berkenaan.

Berkenaan dengan eksport Malaysia kita mendapati bahawasanya negara blok komunis agak bertambah pengimportan mereka ataupun daripada segi jumlah import mereka barang-barang yang dikeluarkan oleh Malaysia dan kita tidak menghadapi banyak masalah seperti yang terdapat berkenaan dengan kelapa sawit di negara-negara Barat terutamanya Amerika yang cuba menekan eksport kelapa sawit ke negara-negara, terutamanya ke negara barat walhal negara blok komunis pula nampaknya tak sebegitu protective, dengan izin, pada bahan-bahan yang dikeluarkan oleh Malaysia dan Malaysia tentunya mengambil kesempatan ini untuk mengeksport lebih banyak lagi bahan-bahan tempatan yang ada di Malaysia ke negara-negara tersebut.

INDUSTRI MOTOR TEMPATAN (CKD)—INSENTIF

2. Tuan Jimbun Anak Pungga minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menolong Industri Motor bagi mengurangkan Duti Import kereta penumpang dan kenderaan perdagangan yang dipasang siap dalam negeri (C.K.D.) supaya dapat mengurangkan harga kereta yang terlalu tinggi di masa ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk mengurangkan duti atau cukai atas kereta penumpang atau kenderaan perdagangan yang dipasang di dalam negara ini.

Cukai semasa ke atas kereta sama ada dipasang di negara ini ataupun diimport siap telah berkuatkuasa sejak 19hb Oktober, 1984. Struktur cukai itu adalah selari dengan dasar Kerajaan untuk melindungi industri tempatan di samping menggalakkan syarikat-syarikat tempatan menjalankan kegiatan pengilangan kereta dan tidak hanya menumpukan kepada kegiatan pemasangan sahaja.

Masalah yang dihadapi oleh industri kereta tempatan pada masa ini adalah* disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia dan kenaikan mata wang Yen. Ini telah membawa kesan kepada semua industri.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan berpendapat bahawa kemerosotan yang dihadapi oleh industri kereta tempatan bukan disebabkan oleh struktur cukai sahaja dan oleh itu struktur cukai asas atas kereta tidak perlu disemak sekarang.

PERDAGANGAN TUKAR BARANG SELATAN FILIPINA—LABUAN

3. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan bagi menggalak dan memajukan perdagangan tukar barang di antara peniaga-peniaga dan Selatan Filipina dan Labuan yang semakin berkurangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perniagaan perdagangan, nilai perdagangan tukar barang di antara peniaga-peniaga dari Selatan Filipina dan Labuan tidaklah semakin berkurangan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, sebaliknya ia telah meningkat daripada \$38 juta dalam tahun 1983 kepada \$53 juta dalam tahun 1986. Manakala bagi tempoh Januari-September, 1987 jumlah perdagangan yang telah dicatatkan adalah sebanyak \$60 juta.

Memandangkan perdagangan tukar barang ini adalah merupakan satu kegiatan ekonomi yang boleh membantu ekonomi Labuan, Kerajaan sentiasa berusaha menggalakkannya. Di antara usaha-usaha yang telah dijalankan termasuklah memperbaiki kemudahan-kemudahan di pelabuhan Labuan bagi memudahkan kegiatan perniagaan tersebut, mengadakan perbincangan dengan Ahli-ahli Dewan Perniagaan Labuan bagi mengetahui dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga tersebut.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Cawangan Negeri Sabah mengeluarkan lesen import berhubung dengan aktiviti ini dan juga membuat lawatan ke Labuan bagi tujuan memproses dan meluluskan permohonan lesen-lesen import bagi perniagaan yang berkenaan.

Tuan Abdul Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perniagaan timbal-balas atau barter-trade adalah merupakan nadi ekonomi bagi peniaga-peniaga di Labuan dan saya ingin bertanya adakah Kementerian Yang Berhormat mempunyai rancangan atau akan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki kedudukan Labuan supaya kita dapat menarik semula dan minat peniaga-peniaga dari kepulauan Selatan Filipina ini yang kini lebih cenderung berurusan dengan Singapura supaya beralih balik ke Labuan.

Soalan yang kedua, adakah Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk mewujudkan zon perdagangan timbal-balas atau barter-trade zon di Labuan pada masa akan datang.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki perdagangan tukar barang seperti yang

saya sebutkan tadi ada beberapa langkah sedang dijalankan.

Soalan yang kedua, perkara itu Kerajaan boleh timbangkan.

INDUSTRI KAMPUNG— PEMBUKAAN

4. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memandangkan ramai mudamudi menganggur di kawasan Gopeng, adakah Kerajaan bercadang:

- (a) membuka industri kecil untuk menampung mereka; dan
- (b) membuka tanah lombong terbiar untuk dikerjakan oleh golongan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, pembukaan industri kecil yang ditumpukan oleh Kementerian adalah industri kampung dan pembukaan industri kampung bergantung kepada beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut:

- (i) industri-industri yang menghasilkan barangan yang mempunyai potensi untuk dipasarkan. Jenis-jenis industri yang digalakkan itu akan dapat ditentukan dari permintaan pasaran dan prestasi jualan barang-barang berkenaan dari masa ke semasa;
- (ii) industri-industri yang menggunakan bahan-bahan mentah semulajadi tempatan sebagai asas perusahaannya. Bahan-bahan mentah semulajadi itu hendaklah daripada jenis-jenis yang sedia ada dan mudah diperolehi;
- (iii) industri-industri kampung menggunakan kemahiran-kemahiran tradisional yang

sedia ada di kalangan masyarakat kampung seperti senikraf; dan

- (iv) industri-industri kampung yang kos pengeluarannya rendah dan sederhana, selaras dengan dasar dan strategi Kerajaan untuk menggalakkan perusahaan-perusahaan kecil yang diuruskan sendiri oleh masyarakat kampung.

Selain daripada pertimbangan-pertimbangan di atas, projek industri kampung diasaskan kepada kesanggupan dan kemampuan masyarakat kampung bagi mengusahakannya. Kesediaan dan kesanggupan masyarakat kampung merupakan satu rintisan untuk kejayaan projek industri kampung. Jadi, belia-belia di kawasan Gopeng bolehlah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan bantuan pembangunan industri kampung. Mereka boleh mendapatkan borang-borang permohonan dan keterangan 1 an jut daripada Penyelia KEMAS kawasan Parlimen Gopeng.

Bagi menjawab soalan bahagian (b), tanah adalah hak Kerajaan Negeri dan bagi mendapatkan kelulusan untuk mengerjakan tanah lombong terbiar, mereka bolehlah menghubungi Kerajaan Negeri Perak.

SISWAZAH PERUBATAN MENJALANI HOUSEMANSHIP

5. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jawatan kosong masih ada untuk siswazah-siswazah perubatan menjalani "housemanship" dan berikan bilangan mereka yang ada dalam senarai simpanan:

- (a) universiti-universiti tempatan;
(b) universiti-universiti luar negeri;

adakah benar keutamaan diberikan kepada siswazah-siswazah keluaran tempatan sedangkan siswazah-

siswazah dari luar negeri masih belum diambil sebagai "houseman" dan apakah langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah yang tersebut. Nyatakan juga sama ada profesion perubatan adalah "overcrowded" dan jika benar, apakah langkah-langkah akan diambil mengawal pengambilan mahasiswa-mahasiswa perubatan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 470 tempat latihan siswazah (housemanship). Namun begitu pengambilan siswazah-siswazah perubatan adalah juga bergantung kepada bilangan jawatan yang kosong pada satu-satu masa.

Untuk pengambilan yang akan datang ini, kekosongan jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa bagi menempatkan Pegawai Perubatan Siswazah adalah sebanyak 225 jawatan. Pada masa ini bilangan calon-calon yang telah pun mendaftar dan akan ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada bulan Disember iaitu minggu depan adalah seperti berikut:

(a) Calon-calon lulusan universiti tempatan	64orang
(b) Calon-calon lulusan universiti luar negeri	42 orang

Jumlah .. 106 orang

Siswazah tempatan dan luar negeri dari universiti-universiti yang diiktiraf diberikan layanan yang sama. Ini terbukti dari amalan-amalan pengambilan yang dilakukan selama hari ini. Bagi tahun 1987, sebagai contoh, calon-calon yang dilantik sebagai doktor latihan siswazah adalah seperti berikut:

Lulusan Universiti-universiti Tempatan	322 orang
Lulusan Universiti Luar Negeri	144 orang

Jumlah .. 466 orang

Dari segi "overcrowded", dengan izin, jika Ahli Yang Berhormat bermaksud lulusan profesion perubatan sudah berlebihan, sukalah saya memaklumkan di Dewan ini bahawa Kementerian Kesihatan tidak menganggap lulusan profesion perubatan sudah sampai ke taraf yang berlebihan di negara kita.

Persoalan atau masalah yang dihadapi pada masa kemelesetan ekonomi ini adalah untuk mendapatkan tambahan jawatan Pegawai pegawai Perubatan dari agensi pusat bagi memenuhi keperluan-keperluan perkhidmatan rawatan perubatan dan kesifiatan kita yang terus meningkat dan berkembang. Kementerian sedang berusaha terus untuk mendapatkan tambahan jawatan yang perlu.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Sungguhpun tidak ada masalah untuk memberi jawatan-jawatan kepada graduan-graduan baru yang hendak menjalankan housemanship tetapi untuk jawatan Medical Officer, saya rasa ini sangat kekurangan dan saya mintadi sini ada berapa orang houseman yang sudah habis tempoh latihan dan ada tunggu untuk masuk menjadi Medical Officer.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, mengenai jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa yang menunggu pada masa ini, saya tidak ada angka-angka yang lengkap. Tetapi seperti yang saya katakan tadi ada 225 jawatan pada masa ini, cukup untuk mengisi yang memohon sampai pertengahan tahun hadapan.

KHIDMAT NASIHAT PENGEKSORT GETAH ASH

6. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan fungsi Perkhidmatan Nasihat Pengeksporth-pengeksport yang dilancarkan dalam tahun 1984. Adakah badan ini berkesan setakat ini dalam menggalakkan lebih banyak getah asli

Malaysia dieksport secara terus. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang diambil untuk membaiki kelemahan. Apakah langkah positif diambil untuk menentukan kos pengeluaran tidak meningkat dan mutu getah asli kita tinggi daripada pengeluaran-pengeluaran lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

Khidmat Nasihat Pengeksporth-pengeksport Getah Asli dilancarkan pada tahun 1984 dengan tujuan memberi nasihat dan maklumat penting kepada pengeksporth-pengeksport atau peniaga-peniaga getah asli Malaysia tentang negara-negara pengimport supaya meningkatkan lagi jumlah eksport mereka.

Dengan adanya Khidmat Nasihat Pengeksporth-pengeksport ini, minat pengeksporth-pengeksport Malaysia untuk mengeksport getah secara terus telah bertambah.

Eksport getah asli Malaysia yang melalui negara ketiga telah berkurangan dari 13% dalam tahun 1984 kepada 9% dalam tahun 1986. Oleh itu penubuhan Khidmat Nasihat Pengeksporth-pengeksport Getah ini telah memberi kesan yang baik ke atas pengeksporth-pengeksportan getah secara terus ke luar negeri.

Mengenai langkah-langkah yang diambil untuk menentukan kos pengeluaran tidak meningkat dan mutu getah asli Malaysia lebih tinggi daripada getah yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar lain, usaha-usaha telah dan sedang dibuat bagi memperkenalkan sistem penorehan dan amalan agronomik yang maju serta klon-klon baru yang berprestasi tinggi dan ini secara tidak langsung akan mengurangkan kos pengeluaran.

Usaha juga sentiasa dijalankan bagi memperbaiki cara-cara pemerosesan susu getah (latex) supaya dapat mengeluarkan getah yang lebih bermutu tinggi di samping mengurangkan kos pengeluaran melalui penggunaan tenaga buruh secara yang lebih cekap dan efisien.

Penyelidikan juga dijalankan bagi mengeluarkan getah-getah bentuk baru yang lebih sesuai untuk pengeluaran product getah yang spesifik.

Langkah selanjutnya ialah dengan menggalakkan pemeliharaan ternakan terutamanya biri-biridi ladang-ladang. Dengan cara ini iaitu dengan adanya kerjasama biri-biri itu kos membersihkan ladang menjadi kurang dan juga pada - suatu masa mendatangkan pendapatan hasil jualan ternakan tersebut.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat ada menyatakan terdapat klon-klon yang baru. Jadi, saya ingin bertanya apakah jenis klon-klon" yang terbaru sekali dan perbezaan tambahan hasil daripada klon-klon yang sudah sedia ada.

Dan yang kedua, Yang Berhormat ada menyentuh kambing biri-biri. Masalah kambing biri-biri dalam kawasan kebun getah kerana ladang getah ini seialu diracun, kambing biri-biri ini dengan tidak sengaja meragut tanaman beracun dan banyak tempat yang saya ketahui lehih-lebih lagi dalam kawasan RISDA yang membeIa , kambing biri-biri banyak terdapat kematian disebabkan racun. Kerana usaha meracun ini adalah dikontrakkan. Jadi, saya pohon penjelasan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan iaitu mengenai klon. Maaf-maaf cakap, kalau hendak tahu klon yang baru, saya hendakkan notis. Apa yang saya tahu, klon ini bukan bendanya yang

berlaku tiap-tiap satu. Tetapi 20, 30 atau 40 tahun.

Apa yang penting daripada klon ini ialah ianya menghasilkan ENR atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, epoxidised natural rubber iaitu untuk membuat product yang tertentu, dengan menggunakan klon tertentu bagi maksud final product, dengan izin, seperti tyre truck, landasan highway, pelapik bangunan, bola tenis, bola golf dan macam-macam bola lagi.

Berkaitan dengan soalan kedua, iaitu tentang biri-biri kena racun kerana ladang diracun. Saya menasihatkan supaya memelihara biri-biri di mana tidak ada racun.

Tuan Hashim bin Safln: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam usaha untuk meningkatkan pengeksportan getah secara terus, satu peranan yang dimainkan di peringkat awal atau peringkat sementara oleh koperasi-koperasi pekebun kecil daerah atau kalau di Kelantan "Jajahan", kemudian koperasi-koperasi pekebun-pekebun kecil peringkat kebangsaan atau NARSCO. Kadang-kadang ada sedikit perancangan dengan persatuan-persatuan pengeksport getah yang agak bimbang dengan kemajuan koperasi-koperasi ini.

Soalannya apakah peranan Kementerian Perusahaan Utama dan dalam kaitan yang sama barangkali Yang Berhormat selaku Setiausaha Parlimen di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menjamin bahawa Koperasi-koperasi Pekebun-pekebun Kecil ini suatu hari akan menjadi pengeksport getah terus dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah bersangkutan dengan soalan asal? Saya rasa tidak bersangkutan langsung.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, tadi dinyatakan bahawa pihak Kementerian telah berjaya menghasilkan getah bentuk baru. Saya ingin tahu, apakah perkembangan dan bentuk getah yang dapat ataupun yang baru dihasilkan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata tidak tahu lagi. Dia boleh beritahu di luar Dewan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Soalan yang kedua, juga dinyatakan bahawa pihak Kementerian telah berjaya mengadakan satu bentuk sistem penorehan yang baru yang boleh membanyakkan lagi hasil getah ataupun hasil susu ini. Saya mohon bertanya, sejauh manakah kejayaan ini jika dibandingkan dengan alat-alat ataupun dengan kaedah yang lama dan bagaimanakah ianya digunakan secara agak meluas dalam bentuk komersial yang lebih hebat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh buat demonstrasi-kah? (*Ketawa*)

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, cara baru ini lebih commercial, dengan izin, berbanding dengan cara lama. Ianya berbentuk besar, pakai bateri dan kena charge. Walaupun harga permulaan agak tinggi berbanding dengan alat lama tetapi ia mempunyai penghasilan ataupun produktiviti yang jauh lebih tinggi daripada cara lama. Jadi, kalau saya hendak demonstrate, benda itu tidak ada di tangan saya, tetapi benda itu sebesar ini agak 12 inci, pegang macam ini, pakai bateri dan charge mungkin seminggu sekali ataupun 10 hari sekali. Jadi, kalau hendak tahu lagi, harap datang ke Sungai Buluh ataupun di Kementerian.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Celah sedikit. Boleh tahu nama alat itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam soal jawab, tidak pernah ada, macam itu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa fungsi perkhidmatan nasihat pengeksporth-pengeksporth yang dilakukan pada tahun 1984 telah berjaya menggalakkan pengeksporthan.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini berapakah jumlah stok penimbal yang masih ada lagi, stockpile getah yang masih ada lagi dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ataupun Kerajaan untuk menentukan bahawa getah asli kita dapat pasaran yang lebih besar lagi kerana memandangkan ada persaingan dengan getah tiruan ataupun synthetic rubber.

Yang ketiga, saya ingin tahu jika benar pengeksporthan getah kita berjaya, mengapakah pula harga getah masih rendah lagi?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, tentang stockpile ini, saya harap Yang Berhormat dapat memberikan notis supaya kita boleh bercerita kemudian. Tetapi saya ingin memberi maklumat yang lebih relevant, iaitu hasil daripada khidmat nasihat itu, kita telah berjaya mengurangkan eksport menerusi negara ketiga daripada 13% kepada nilai eksport 1984 kepada 9% daripada jumlah nilai eksport getah pada tahun 1986. Beratnya 206,777 tan tahun 1984 dan 136,518 tan pada tahun 1986, Nilai tahun 1984 ialah \$466 juta dan pada tahun 1986 kira-kira \$285 juta.

Tentang soalan tambahan yang kedua iaitu untuk menentukan menjamin bagaimana kita boleh mengekalkan demand ataupun

permintaan yang baik, sebagaimana yang saya jawab di dalam jawapan saya yang asal tadi, ialah kita berusaha meningkatkan mutu getah dan juga kita berusaha supaya kegunaan getah itu lebih versatile, ataupun lebih merupakan serbaguna. Dan yang ketiganya ialah kita memastikan getah-getah tertentu untuk maksud dan product tertentu. Yang ketiga, tentang harga getah. Sepertimana prinsip ekonomi yang asas, ianya bergantung kepada supply and demand, dengan izin.

...

JALAN KAMPUNG DI LUAR BANDAR

7. **Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada sedar bahawa masih banyak jalan-jalan kampung di luar-luar bandar yang belum dibina atau masih lagi jalan tanah liat. Dan adakah Kementerian sedar bahawa jalan-jalan tersebut sebagai nadi kepada penduduk-penduduk kampung atau petani-petani, membawa hasil pertaniannya, jika sedar, adakah Kementerian akan melaksanakan pembinaan jalan tersebut dan bila akan dilaksanakan. Jika tidak, mengapa.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan kemudahan asas yang sempurna seperti menaikkan taraf jalan kampung yang dapat memberi munafaat kepada penduduk-penduduk kampung, khususnya petani-petani bagi membawa hasil pertaniannya. Malah program menaikkan taraf jalan kampung yang telah dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sejak 1981 adalah memenuhi hasrat tersebut.

Kerajaan memang menyedari masih terdapat jalan-jalan kampung yang

masih belum dinaikkan tarafnya. Namun begitu, Kerajaan tidak mampu menyediakan kemudahan-kemudahan itu sekaligus kerana ia bergantung kepada kewangan negara.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, bila bangun saya tahulah hendak kemukakan soalan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kita tahu Kerajaan begitu sibuk merancang untuk jalan-jalan kampung dan jalan luar bandar dan sudah banyak usaha Kerajaan dilakukan dengan mengambil tanah-tanah, termasuk dalam kawasan saya sendiri dan peristiwa ini hingga berlaku perbalahan antara orang-orang kampung kerana dua perkara, pertama orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat beri penerangan itu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Maklumat dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan kepada pertanyaan. Pertanyaan mengikut Peraturan Mesyuarat hendaklah pendek dan kepada pointnya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bolehlah, kalau hendak pendek pun boleh tetapi fasal kawan-kawan saya panjang sangat, jadi saya cuba turut panjang. *(Ketawa)* Maksud saya begini sahaja. Jadi, kita terima kasih usaha Kerajaan membuka jalan merata-rata negeri, merata-rata daerah dan kawasan saya pun terlibat juga. Tetapi yang saya mahu bertanya, kerana satu daripada kawasan saya telah diambil tanah dan telah dibayar dan sebelum diambil, rakyat berkelahi kerana buah tanaman mereka

terpaksa hilang hasil seperti durian, rambutan dan sebagainya. Dan juga kerana tidak berlaga nilai harga antara pihak Kerajaan dengan itu. Jadi, bila tanah diambil dibayar, rakyat tidak dapat hasil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah dia soalnya?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Nak "tobit" lah soalan. (*Ketawa*) Tak apa saya hendak ringkas.

Tuan Yang di-Pertua: Tak "tobit" pun lagi. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jadi, saya hendak tahu mengapakah jalan ini dibiarkan sampai bertahun-tahun. Adakah Kerajaan telah membatalkan jalan itu ataupun Kerajaan akan membina. Kalau Kerajaan akan bina, bilakah Kerajaan boleh beri jaminan dalam Dewan yang mulia ini supaya hasil rakyat yang terbuang itu dapat dinikmati dengan jalan yang dibina oleh Kerajaan? Satu lagi, ialah projek jalan keretapi ke Pantai Timur. Rakyat kawasan saya sedang terhayal-hayal hari ini untuk melihat jalan keretapi melalui Pantai Timur dan terlibat dalam kawasan saya, tetapi hari ini hilang langsung, cerita pun tidak ada, saya mahu tahu..

Tuan Yang di-Pertua: Yang ditanya ini jalan-jalan kampung luar bandar.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan jalan keretapi. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itu saya misal.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jawab soalan kampung sudahlah (*Ketawa*).

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu dari Kelantan, saya dari Perak, lebih jelas kalau beliau boleh berbahasa dalam Bahasa Malaysia. Bagaimanapun, perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi adalah satu perkara yang spesifik, jalan di mana tanah telah diambil dan tidak dilaksanakan pembinaannya, Saya tidak berapa mengetahui di manakah kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Di kampung mana?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Di kampung mana, di mana?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kampung Pulau Belanga.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Oh, Pulau Belanga.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Menghubungi Bachok dan menembusi Padang Tembak.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Saya akan siasat perkara itu. Yang keduanya, jalan keretapi itu. Yang keduanya, jalan keretapi tidak termasuk dalam Kementerian saya. (*Ketawa*)

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak berapa lama dahulu Kementerian ini ada melancarkan satu usaha untuk menggunakan simen bagi jalan-jalan kampung di luar bandar. Adakah usaha ini diteruskan ataupun sudah diberhentikan? Kalau diberhentikan, apa sebabnya? (*Ketawa*)

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian kami masih meneruskan pembinaan jalan simen tetapi pada hari ini kita ingin memastikan bahawa hanya 30% daripada jalan-jalan kampung yang akan diperbuat itu daripada simen.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Soalan tambahan. Kita tidak menafikan jalan-jalan luar bandar ada diberi perhatian tetapi jika dibina pun hanya setakat taraf 'C' dan paling kuat satu-satu kampung boleh dapat setakat 1 1/2 kilometer sahaja, sedangkan satu-satu kampung itu panjangnya lebihkurang 10 kilometer ataupun tebih, dan dalam satu tahun hanya 5 kampung sahaja yang diberi peluang untuk menikmati jalan taraf 'C' ini dan ini hanya akan menimbulkan perselisihan dan perpecahan kerana berebut-rebut, ada yang dapat dan ada yang tidak dapat. Jadi, adakah Kementerian sudah mengatur di masa akan datang apakala hendak bina satu-satu jalan kampung itu, biarlah selesai, kalau 5 kilometer itu kasi habis 5 kilometer, jangan buat satu kampung itu dapat hanya 1 kilometer, dan bukan untuk menghampakan harapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu bertanya, jangan buat jalan sekerat-sekerat. (*Ketawa*)

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, taraf jalan kampung, saya tidak tahulah ada taraf 'C'. Yang sebenarnya taraf minimum JKR adalah 01 dan maksimumnya 03, ada spesifikasinya. Sama ada peruntukan yang diberikan itu mencukupi ataupun tidak untuk menyelesaikan keseluruhan jalan yang harus dibina, saya kira adalah terpulang kepada Mesyuarat Tindakan Daerah di kawasan masing-masing yang memajukan ke peringkat Kementerian, sama ada peruntukan yang dipohon itu mencukupi ataupun tidak. Kadangkala kita beri peruntukan yang mencukupi tetapi apabila ia ditender, ia merupakan harga yang lebih tinggi, jadi peruntukan yang kita berikan itu tidak mencukupi untuk menghabiskan walaupun dari segi estimate ataupun anggaran asal ia mencukupi.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila kita bandingkan lebuh raya di negara kita yang bertaraf antarabangsa dengan jalan-jalan di luar bandar, jalan-jalan di luar bandar adalah jauh dari memuaskan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi keutamaan untuk membina atau memperbaiki seberapa banyak jalan yang boleh dan seberapa kerap yang mampu supaya penduduk-penduduk luar bandar juga dapat menikmati sedikit sebanyak hasil kemajuan dan pembangunan? Kalau ya, bilakah penduduk-penduduk di luar bandar di seluruh Malaysia akan menikmati menggunakan jalan-jalan yang bertaraf, dengan izin, up to standard?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Hasrat Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah serupa seperti hasrat Yang Berhormat dari Kluang, tetapi kita juga mempunyai constraint kewangan untuk melaksanakan keseluruhan jalan-jalan kampung seperti yang telah saya nyatakan tadi. Walaupun taraf jalan kampung pada hari ini kalau dibandingkan dengan jalan-jalan besar (main road), memang jauh bezanya tetapi baru-baru ini kita sedang meluluskan satu spesifikasi yang baru untuk menaikkan taraf jalan supaya ianya boleh dilalui oleh kereta-kereta yang lebih besar dan tidak rosak seperti pada hari ini yang kita dapati apabila jalan-jalan itu sekiranya dilalui oleh kenderaan berat, ia menjadi rosak semula. Jadi, kita sedang mengulangkaji spesifikasi baru supaya ianya dapat tahan dilalui oleh kereta-kereta yang besar tetapi seperti yang saya nyatakan, kita hanya manipu melaksanakan mengikut fasa-fasa yang sedang dijadualkan.

GERAKAN PENDAFTARAN DI RUMAH PANJANG

8. Dr Nicholas Munong Ibau minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah peruntukan wang yang tidak

mencukupi menghalang pasukan dari Pejabat Pendaftaran Negara membuat "National Registration Drive" ke luar bandar dan rumah panjang di Sarawak. Jika ya, bolehkah Menteri membenarkan penduduk-penduduk di rumah-rumah panjang mengumpul wang dan menjemput dan juga membayar elaun pegawai pendaftaran yang membuat pendaftaran ke rumah panjang.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kewangan adalah mencukupi bagi urusan Gerakan Pendaftaran di kawasan-kawasan tersebut. Oleh kerana negeri Sarawak mempunyai kawasan yang luas dan kampung pendalaman yang banyak, Jabatan ini tidak dapat memberikan kemudahan tersebut dalam jangka masa yang singkat. Namun demikian, langkah tersebut akan diambil sebagai aktiviti Jabatan secara berterusan.

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang hendak melantik pembantu-pembantu yang mungkin tidak bergaji daripada penduduk-penduduk kampung supaya pendaftaran ini dapat berjalan dengan licin dan memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di tempat yang terpencil? Jika tidak, mengapa?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan yang sebegitu. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan ini, lawatan-lawatan ke luar bandar sering diadakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak bagi mengatasi masalah ini dan ada satu

lagi gerakan yang dipanggil Gerakan Pendaftaran di kawasan pendalaman Sarawak ini secara besar-besaran iaitu dilawati oleh Pegawai-pegawai Pendaftaran ini untuk mendaftarkan penduduk-penduduk di kawasan pendalaman.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan saya sebahagiannya telah ditanya oleh Yang Berhormat dari Serian, tetapi ada satu lagi yang dia lupa tanya. Tuan Yang di-Pertua, ada yang saya hampir terlupa, saya hendak tanya juga sekarang. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperuntukkan negeri-negeri berasaskan kepada keluasan kawasan, Pegawai-pegawai Pendaftaran Negara ini? Misal kata, Kuala Lumpur kecil, beri sedikit; Sarawak besar, beri ramai, Sabah kecil sedikit dari Sarawak, beri kurang sedikit. (*Ketawa*) Jadi macam mana, adakah Kerajaan bercadang macam mana juga kita cadangkan kepada Jabatan Kerjaraya, bukan capitation grant tetapi grant berasaskan kepada keluasan kawasan, dan begitu juga jalan raya tadi yang saya hendak tanya. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab tadi bahawa dari segi peruntukan kewangan tidak menjadi masalah. Bukan itu masalahnya. Tetapi di sini adalah masalah yang berkaitan dengan kawasan yang begitu luas dan penduduknya bertaburan. Selain daripada itu masalah keadaan cuaca ataupun kesukaran menghubungi kawasan pendalaman itu. Itu yang menjadi masalah, bukan kewangan.

PENERAPAN NILAI ISLAM DALAM KEBUDAYAAN

9. Tuan Haji Ibrahim bin Hassan minta Perdana Menteri menyatakan dulu-dulunya sungguh rancak tentang

penerapan nilai-nilai Islam diserapkan dalam perkembangan kebudayaan dan kesusukunan bagaimanakah sekarang ini adakah perkembangan penerapan nilai-nilai Islam masih lagi ditumpukan. Jika ya, apakah kesan-kesan baik yang dapat dibanggakan dari sejak lama ini dan apakah perkembangan tentang kemajuan belianiaga yang telah dipupukkan sejak selama ini dan apakah hasil-hasil kemajuan yang telah dicapai hingga ke hiasa kini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini mencakupi dua Kementerian yang berbeza.

• Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penerapan nilai-nilai Islam dalam perkembangan kebudayaan dan kesukunan adalah satu-proses yang berterusan dan masih lagi dilaksanakan oleh Kerajaan sehingga kini.

Dari segi kebudayaan, Islam adalah menjadi salah satu prinsip utama pembentukan Dasar kebudayaan kebangsaan. Oleh yang demikian, nilai-nilai murni yang terdapat di dalam ajaran Islam seperti peningkatan produktiviti, daya tahan, menghormati ibu-bapa dan keluarga, patriotism, nilai-nilai ilmu, bersih, cekap dan amanah, berhudi mulia, taat setia dan rajin bekerja merupakan nilai-nilai universal yang akan terus diterapkan di kalangan rakyat supaya ianya berkembang menjadi nilai umum rakyat Malaysia dan seterusnya membentuk kebudayaan kebangsaan negara ini.

Berhubung dengan kesan penerapan nilai-nilai Islam dalam bidang kebudayaan, ianya tidak dapat diukur secara kuantitatif kerana perubahan budaya atau cara hidup adalah sesuatu yang subjektif dan mengambil masa yang panjang. Walau bagaimanapun, daripada minat dan sambutan yang ditunjukkan oleh

orang ramai terhadap program-program penerapan nilai-nilai Islam, bolehlah disimpulkan bahawa telah timbul kecenderungan di kalangan rakyat untuk mengamalkan nilai-nilai yang baik seperti yang dianjurkan oleh ajaran Islam.

Berkaitan dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam bidang kesukunan pula, adalah dimaklumkan bahawa nilai-nilai tersebut sentiasa diambil kira dan menjadi landas kepada projek-projek yang akan dilaksanakan Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, nilai-nilai kesihatan dan melakukan riadah ataupun senaman pada setiap hari sememangnya dianggap sebagai unsur-unsur yang sejajar dengan nilai-nilai Islam. Dengan menceburi diri dan aktif dalam bidang sukan, kesan yang paling nyata ialah ianya akan dapat membentuk masyarakat yang cergas dan dapat mengelakkan golongan-golongan masyarakat tertentu dari terjerumus ke dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan membahayakan seperti penyalahgunaan najis dadah dan lain-lain jenayah yang dilarang oleh agama Islam.

Berhubung dengan Rancangan Belianiaga, semenjak 1976 sehingga sekarang ianya telah dapat mewujudkan sebanyak 2,525 projek iaitu 1,313 projek Belianiaga dan 1,212 projek Rancangan Peniaga Kecil. Kebanyakan peserta adalah dari kawasan luar bandar.

Kemajuan yang dicapai adalah amat menggalakkan terutama dari segi sambutan di kalangan belia termasuk para belia luar bandar, manakala dari segi prestasi projek terdapat banyak projek-projek yang berkembang dan mencapai kejayaan yang membanggakan di samping dapat mengurangkan pengangguran di kalangan belia di negara ini.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana

penerapan nilai-nilai Islam ini berjalan sebelum daripada wujudnya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, nampaknya sejak akhir-akhir ini dalam usaha untuk menarik pelancongan daripada luar negeri telah memaparkan ataupun menghidupkan secara tidak sedar beberapa unsur budaya yang berasal daripada. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila tanya. (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak bertanya ini. Apakah oleh kerana hendak mengembalikan budaya yang berasal dari nilai-nilai Hindu secara tidak sedar ataupun mungkin secara sedar, misalnya seperti menjunjung nasi kunyit di atas kepala dengan telur merah dan sebagainya. Ini cuba dipopularkan kembali oleh Kementerian Kebudayaan dan Sukan sedangkan kita ada di satu pihak yang lain penerapan nilai-nilai Islam yang dijalankan oleh Jabatan Perdana Menteri. Apakah cara dan usaha yang dijalankan oleh Jabatan Perdana Menteri supaya tidak wujud pertentangan. Di sebelah kita hendak buat nilai-nilai Islam, sebelah lagi kita cuba menghidupkan budaya Hindu dan ini cuba dapat diselaraskan. Apakah cara-cara dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang?

Tuan Othman bin Abdul: Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih atas teguran Ahli Yang Berhormat. Dalam perkara ini Kerajaan akan sentiasa menimbangkan pandangan-pandangan dan akan merumuskan serta member! pandangan kepada Kementerian Kebudayaan. Pihak Hal Ehwal Jabatan Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri akan menyampaikan pandangan ini setelah dikaji mengenai kegiatan-kegiatan

yang dianggap boleh melanggar cita-cita Kerajaan dalam usaha menjalankan penerapan nilai-nilai Islam di kalangan masyarakat di negara ini.

Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya mengenai penerapan nilai-nilai Islam dalam bidang sukan. Soalan saya ialah, pernahkah pihak Kementerian mengeluarkan satu garis panduan bagi menentukan pakaian pemain-pemain sukan itu menurut pandangan Islam selama ini.

Tuan Othman bin Abdul: Untuk penerangan kepada Ahli Yang Berhormat, setakat ini kita belum lagi mengeluarkan satu arahan, tetapi sebagai seorang Islam yang tahu segala hukum-hukum itu sudah pasti akan mengelakkan daripada melakukan kesalahan-kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam dan nilai-nilai Islam.

KEMALANGAN KAPALTERBANG MAS DI KUCHING—PAMPASAN

10. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pengangkutan menyata-

- (i) apakah keputusan telah dicapai dalam menyasiatkan sebab-sebab bagi suatu kemalangan yang mana sebuah kapalterbang F27 jatuh di Lapanganterbang Antarabangsa Kuching pada 31 Ogos, 1987;
- (ii) adakah seorang pegawai yang terkorban dalam kemalangan itu iaitu Khalid Mohamad, dibayar wang gantirugi yang sesuai dan jika ya, berapakah telah dibayar; dan
- (iii) apakah tindakan lanjut telah dilakukan selepas peristiwa tersebut, untuk mengelakkan serta mencegahkan

kemalangan sama ada dari berlakunya pada masa hadapan, khususnya dengan kapalterbang F27.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan yang telah dijalankan ke atas kemalangan yang mana sebuah kapalterbang F27 terjatuh di Lapanganterbang Antarabangsa Kuching pada 31 Ogos, 1987 menunjukkan bahawa kejadian tersebut telah berlaku oleh kerana peraturan-peraturan keselamatan yang ditetapkan tidak dipatuhi semasa kerja penyelenggaraan dijalankan ke atas pesawat berkenaan.

- (ii) Setakat ini keluarga Allah-yarham pegawai yang terkorban telah dibayar wang gantirugi sebanyak \$3,600. Dalam hal ini, pihak MAS telah pun juga mengemukakan tuntutan kepada pihak insurans dan SOCSO untuk pembayaran gantirugi sepenuhnya.
- (iii) Kakitangan penyelenggaraan sememangnya adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi peraturan-peraturan keselamatan yang telah ditetapkan apabila mereka menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas pesawat-pesawat. Berhubung dengan ini tindakan yang serius telah diambil terhadap kakitangan-kakitangan yang telah melakukan kecuaiian tersebut dan langkah-langkah telah diambil bagi menentukan bahawa peraturan-peraturan keselamatan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi dengan sepenuhnya.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya satu soalan. Apabila Kerajaan menjalan-

kan siasatan, adakah ditimbangkan berkenaan dengan life-span pesawat terbang F27 dan saya hendak bertanya bilakah F27 sudah dibeli dan berapa tahun lagikah ianya selamat digunakan oleh penumpang-penumpang?.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, khususnya dalam kemalangan ini keadaan kapalterbang tersebut bukanlah menyebabkan kemalangan itu berlaku. Kalau kapalterbang tersebut masih lagi air-worthy, dengan ini, dan memang seperti yang telah saya jawab juga soalan dalam dewan ini bahawa pihak MAS mempunyai rancangan menambah dan menukar kapalterbang-kapalterbang daripada F27 kepada F50 iaitu mulai tahun 1989.

PEMBELIAN PADI OLEH LPN

11. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan sedar tentang sungutan para petani terhadap perkhidmatan pembelian padi oleh Lembaga Padi dan Beras Negara di Sabah atas masalah-masalah berikut ini:

- (i) kerap-kali bayaran subsidi tidak dapat dibayar terus kepada penjual padi. Mereka terpaksa menunggu berbulan-bulan lamanya untuk menerima bayaran tersebut;
- (ii) potongan berat timbangan padi yang dijual kepada LPN terlalu tinggi iaitu sehingga 10 kilo dan kadangkala juga meningkat kepada 20 kilo;
- (iii) kerap-kali wakil-wakil LPN tidak mempunyai wang tunai dalam tangan untuk pembeli padi-padi yang dibawa terus ke kilang mereka untuk dijual menyebabkan para penjual padi berkenaan terpaksa membawa padi mereka balik ke rumah. Kejadian seperti ini

adalah amat mendukacitakan kerana ianya tidak pernah terjadi sejak zaman berzaman sebelum ini. Jika tidak sedar, apakah Kerajaan akan membuat penyiasatan ke atas perkara ini dan kiranya didapati benar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, sememangnya diakui bahawa bayaran subsidi mengalami kelewatan hanya di daerah Kota Belud sahaja terutama di musim belian padi yang memuncak. Ini disebabkan wang peruntukan sebanyak \$9,999.99 bagi masa satu minggu daripada Bendahari Kecil Daerah di Kota Belud tidak dapat menampung pembayaran yang tinggi pada masa tersebut. Pihak LPN Kota Belud terpaksa memohon kepada Bendahari Negeri tiap-tiap minggu dan pembayaran kepada petani hanya dapat dijelaskan sebaik sahaja wang peruntukan diterima.

Walau bagaimanapun, pihak LPN Negeri Sabah telahpun mengambil tindakan agar peruntukan bagi satu minggu tersebut ditambah sesuai untuk menampung jumlah padi yang dibeli.

Buat masa sekarang, kelewatan ini telah dapat diatasi di mana Pegawai LPN dari Kota Kinabalu menghantar wang yang dikehendaki itu ke LPN Kota Belud.

Padi yang dipasarkan oleh petani biasanya bercampur dengan benda asing seperti hampa, jerami, daun padi dan lain-lain, juga wap basah. Semasa belian, berat asing itu ditentukan dan kemudian ditolak dari berat kasar padi. Kandungan benda asing dan wap basah ini kadangkala tinggi sehingga melebihi 20%. Oleh itu padi yang dibeli oleh LPN hanya berasas kepada berat bersih sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat, setelah meneliti rekod belian padi LPN Sabah, terutama bagi daerah Kota Belud, adalah didapati bahawa purata kadar kandungan berat asing di dalam padi yang dipasarkan oleh petani adalah sehingga 8% atau 8 kilogram bagi 100 kilogram yang dipasarkan.

LEBUHRAYA GURUN-BUTTERWORTH

12. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah dari Gurun ke Butterworth akan dilaksanakan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menjawab bagi pihak Kementerian Kerjaraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebuhraya dari Gurun ke Butterworth adalah termasuk dalam 'package' bagi penswastaaan Lebuhraya Tol Utara—Selatan. Projek ini dijangka akan dilaksanakan sebaik sahaja selepas perjanjian untuk penswastaaan Lebuhraya Tol Utara—Selatan itu ditandatangani.

LAPORAN JAWATANKUASA ANTARA KERAJAAN 1962

13. Tuan Gerard Math Lee Min minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sama ada Yang Berhormat membenarkan pembentukan sebuah badan bebas menyemak laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (Inter-Governmental Committee Report) yang menggariskan dasar-dasar dan syarat-syarat kemasukan Negeri Sabah dan Sarawak dalam Malaysia supaya segala persetujuan dan kuasa serta tanggungjawab pihak yang berkenaan dapat dipulihkan semula seperti yang asal serta tanggungjawab

pihak yang berkenaan dapat dipulihkan semula seperti yang asal (status quo); dan

(ii) jika tidak, mengapa.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang menubuhkan sebuah badan bebas untuk menyemak semula Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (Inter-Governmental Committee Report) 1962 bagi tujuan seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Ini adalah kerana laporan itu telah disediakan, dipersetujui dan ditandatangani bersama oleh wakil-wakil Kerajaan-kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah-Borneo Utara pada ketika itu dan Sarawak.

Di samping itu, laporan tersebut, sebenarnya telah pun dikaji semula setelah 10 tahun pelaksanaannya atas arahan Kerajaan, di mana Jawatankuasa-jawatankuasa Peringkat Menteri dan Peringkat Pegawai yang ditubuhkan bagi menjalankan kajian. Jawatankuasa berkenaan telah menyiapkan satu laporan dan telah dibincangkan di satu mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan Peringkat Menteri Persekutuan, Sabah dan Sarawak pada 4hb Disember, 1975. Keputusan-keputusan yang dicapai di mesyuarat itu adalah dilaksanakan dari semasa ke semasa sehingga sekarang oleh Kerajaan Persekutuan, Sabah dan juga Sarawak.

Kerajaan berpuas hati dengan pelaksanaan keputusan-keputusan tersebut sehingga sekarang dan segala masalah yang berbangkit sentiasa dirundingkan bersama dari semasa ke semasa antara Kerajaan-kerajaan Persekutuan, Sabah dan Sarawak.

MAS—JUMLAH PENUMPANG

14. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis
minta Menteri Pengangkutan

menyatakan:

- (a) berapakah jumlah penumpang yang menggunakan MAS dari di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak pada tahun-tahun 1985, 1986 dan 1987 (hingga Ogos, 1987);
- (b) berapakah jumlah keuntungan yang diperolehi dari sektor-sektor ini dalam masa yang disebut dalam (a);
- (c) adakah benar bahawa sektor-sektor ini memberi paling banyak keuntungan kepada MAS dibanding dengan sektor-sektor lain. Kalau tidak sektor manakah yang paling banyak memberi keuntungan kepada MAS; dan
- (d) adakah penerbangan MAS ke Los Angeles telah mendapat untung yang banyak semenjak sektor KL-Los Angeles beroperasi. Adakah MAS bercadang hendak menambah penerbangannya ke Los Angeles lagi.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan,

- (a) Jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan MAS bagi perjalanan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya bagi tahun-tahun yang diminta oleh Yang Berhormat adalah seperti berikut:

Bagi	tahun	—	486,916
1985			penumpang
Bagi	tahun	—	506,501
1986			penumpang
Bagi	lapan	—	347,831
	bulan pertama		penumpang
	tahun 1987		

- (b) Kedudukan pendapatan yang telah dicatat oleh MAS bagi

perkhidmatannya dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya bagi tahun-tahun yang diminta oleh Yang Berhormat adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1985	—	Hasil (operating surplus) sebanyak \$18.603 juta
Bagi tahun 1986	—	Hasil sebanyak \$14.433 juta

Butir-butir mengenai kedudukan pendapatan MAS atas sektor berkenaan bagi bulan Januari hingga Ogos 1987 tidak dapat diberi oleh kerana akaun kewangan MAS bagi tempoh tersebut belum lagi diaudit.

- (c) Kedudukan pendapatan MAS bagi sektor-sektor dalam negeri adalah bergantung kepada berbagai faktor dan secara amnya kedudukan tersebut akan berubah dari tahun ke tahun. Memandangkan itu adalah tidak begitu tepat untuk mengatakan bahawa sesuatu sektor tertentu merupakan sektor yang paling menguntungkan. Ini adalah kerana sesuatu sektor yang telah mencapai pendapatan besar pada sesuatu tahun, disebabkan faktor-faktor tertentu, boleh mengalami kerugian pula ataupun mengalami kekurangan pendapatan pada tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun, ingin saya menjelaskan bahawa secara keseluruhannya hasil yang diperolehi oleh MAS bagi perkhidmatannya dalam negeri termasuk di antara Semenanjung dan Sabah/Sarawak adalah kecil berbanding dengan hasil yang diperolehi dari perkhidmatan antarabangsanya. Dalam hal ini

dengan cara "cross-subsidization", dengan izin, MAS dapat menampung sektor-sektor tertentu dalam negeri yang mengalami kerugian.

- (d) Bagi tempoh semenjak memulakan operasinya dari Kuata Lumpur ke Los Angeles pada bulan Julai 1986 sehingga bulan Disember 1986, MAS telah mencatatkan kerugian sebanyak \$12,166 di atas sektor tersebut. Maklumat mengenai akaun kewangan MAS bagi sektor tersebut dari bulan Januari hingga bulan Ogos 1987 tidak dapat diberi oleh kerana akaunnya belum diaudit. Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat mengenai rancangan MAS untuk menambah penerbangannya ke Los Angeles, ingin saya memaklumkan bahawa pada masa ini MAS telah pun mengadakan 3 penerbangan seminggu di antara Kuala Lumpur ke Los Angeles melalui Tokyo pergi balik dengan menggunakan pesawat Boeing 747 dan DC 10. Adalah memang menjadi hasrat MAS untuk mengadakan perkhidmatan harian ke Los Angeles menjelang tahun 1995 tertakluk kepada pemberian hak mendarat oleh Kerajaan-kerajaan Jepun dan Amerika Syarikat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor di antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah dalam musim cuti sekolah sekarang contohnya, adalah amat sukar untuk mendapat tiket MAS sehingga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak, Sabah mahu balik ke rumah selepas persidangan ini pun susah sedikit, kena tunggu lama-lama untuk kekosongan. Ini wujud setiap tahun dan ini merupakan satu masalah yang lama wujud. Adakah

pihak Kementerian berkenaan bertujuan untuk mengadakan satu kajian semula supaya menambah pesawat-pesawat berkenaan serta untuk mengurangkan tambang tiket kerana sekarang tiket mahal, walaupun saya tahu pihak Kerajaan pun memberi subsidi tetapi masih mahal. Adakah pihak Kementerian berkenaan bertujuan untuk mengurangkan tambang, cuba sejauh yang mana boleh supaya semua orang dari Semenanjung Malaysia boleh pergi ke Sarawak, melawat Sarawak dan menikmati banyak keindahan di negeri Sarawak itu.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya saya telah banyak kali menjawab soalan-soalan mengenai mengurangkan tambang ini. Seperti yang telah saya sebutkan beberapa kali, ada beberapa jenis tambang yang telah diadakan oleh pihak MAS untuk menggalakkan pelancong-pelancong ke Sabah dan Sarawak dan juga memberikan diskaun sehingga 50%.

Dan bagi musim cuti Yang Berhormat mengatakan tadi susah hendak dapat tiket hendak pergi balik. Nampaknya perkara itu terpaksa dikaji dengan teliti kerana kalau atas satu laporan sahaja mengatakan tak dapat tempat duduk atau tak dapat tiket dan kemudian kita adakan pula satu kapalterbang, mungkin kita akan mengalami kerugian yang besar. Jadi, terpaksalah dikaji dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 23 adalah diberi di bawah ini),

PEMBUNUHAN RAKYAT MALAYSIA DI SELATAN FILIPINA

15. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil

penyiasatan kematian Tiga (3) orang rakyat Malaysia di Selatan Filipina dan apakah tindakan susulan yang dibuat oleh Kerajaan Filipina terhadap orang yang bertanggungjawab di atas pembunuhan itu dan apakah pendirian Kerajaan Malaysia berhubung dengan pembunuhan itu setelah kajian dibuat terhadap laporan siasatan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan: Mengenai kejadian pembunuhan 2 orang pendakwah Malaysia di Selatan Filipina, Kerajaan Filipina telah mengambil tindakan yang segera dan tegas kepada mereka dalam insiden tersebut dengan menukar pegawai dan pasukan Tentera yang terlibat. Walau bagaimanapun Mahkamah Tentera Filipina masih sedang menyediakan maklumat-maklumat untuk membicarakan mereka yang terlibat bagi maksud mendapat keputusan Mahkamah Tentera. Buat masa ini Kerajaan Malaysia masih sedang menunggu keputusan Mahkamah Tentera Filipina.

WALKATHON KANAK-KANAK SEKOLAH

16. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) jumlah wang yang dipungut oleh 'kanak-kanak sekolah rendah bagi walkathon yang telah diadakan pada 12-9-1987 anjuran Jawatankuasa Kempen Bahasa Malaysia SRJK Cina dan Tamil, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang;
- (ii) kenapakah kanak-kanak sekolah disuruh mengutip derma dan bukan Kementerian Pendidikan memberi peruntukan kewangan bagi kempen ini; dan
- (iii) butir-butir program kempen ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (i) Jumlah wang yang telah dipungut melalui program walkathon yang dikelolakan oleh Jawatankuasa Kempen Bahasa Malaysia SRJK (Cina) dan SRJK (Tamil) negeri Pulau Pinang ialah sebanyak \$136,000.00
- (ii) Kempen ini adalah satu program yang dibiayai dan dikelolakan sendiri oleh Persatuan Guru-guru Besar Sekolah Cina untuk menggalakkan penggunaan dan peningkatan Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid SRJK (Cina) dan SRJK (Tamil).

Pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri menyokong dan menghargai hasrat murni persatuan tersebut dan memberi nasihat, bimbingan dan penyelesaian aktiviti pertandingan.

Kutipan yang dijalankan oleh persatuan ini untuk membiayai perbelanjaannya adalah melalui ibu bapa dan anggota masyarakat. Kanak-kanak sekolah tidak dikerah untuk membuat kutipan derma. Tetapi oleh kerana kegigihan dan keinginan ibu bapa membantu persatuan ini mengutip derma dan seterusnya untuk memastikan kejayaan program ini, ada ibu bapa yang telah meminta anak-anak mereka menolong mengutip derma.

Kementerian Pendidikan, Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah-sekolah tidak mengarahkan kanak-kanak sekolah mengutip derma.

- (iii) Butir-butir kempen ini adalah seperti berikut;

<i>Tarikh</i>	<i>Acara</i>
3.10.1987	Ujian bertulis peringkat daerah
10.10.1987	Pertandingan syarahan peringkat negeri
21.10.1987	Pertandingan syarahan peringkat kebangsaan.

(Soalan No. 17. Sila lihat jawapan No. 27 pada 26-10-87)

LOOK EAST POLICY

18. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedang menimbangkan untuk menggantikan "Look East Policy" dengan suatu dasar yang lebih berkesan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Dasar Pandang Ke Timur merupakan satu dasar bagi orang Malaysia mencontohi dan mengamalkan etika kerja orang-orang Timur terutamanya negara-negara timur yang maju seperti Jepun dan Korea ke arah peningkatan mutu kerja dan produktiviti pekerja-pekerja kita. Saya tidak nampak sebab-sebab mengapa dasar yang menekankan ciri-ciri yang positif ini patut dikaji semula dan diganti dengan suatu dasar lain.

INDUSTRI PELANCONGAN— MEMAJUKAN

19. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memajukan industri pelancongan di negara ini terutama untuk membawa lebih ramai pelancong luar negeri datang ke Malaysia. Adakah pihak Kementerian telah membekalkan filem-filem dokumenteri yang menggambarkan keindahan negara Malaysia, penduduk berbilang kaum dan bangsa tempat-tempat perangan

dan perkelahan, bangunan-bangunan yang indah, cara hidup rakyat pekan dan desa dan jalan-jalan raya dan sebagainya, juga melalui majallah-majallah untuk dibekatkan di kedutaan kita di luar negeri serta di dalam kapal terbang-kapal terbang selain daripada MAS yang singgah mengambil penumpang dan menurunkan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, agar dapat mereka mengenal lebih dekat melalui filem dan juga majallah akan negara Malaysia.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Setakat ini banyak langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk memajukan industri pelancongan di negara ini dengan tujuan khusus untuk menarik lebih ramai para pelancong luar negeri melawat negara ini. Antara langkah-langkah utama yang telah dilaksanakan ialah:

- (a) Dengan menggalakkan aktiviti-aktiviti penggalakan bagi mendedahkan segala tarikan-tarikan yang terdapat di Malaysia.
- (b) Dengan menggalakkan pengusaha-pengusaha pelancongan yang menjual destinasi-destinasi rantau Asia supaya memberi lebih tekanan kepada Malaysia.
- (c) Dengan mengadakan kerjasama dengan negara-negara jiran terutama Singapura, Thailand dan Hong Kong dengan menggalakkan program percutian pelbagai destinasi.
- (d) Mempergiatkan promosi di bidang pasaran konvensyen, dengan tujuan menimbulkan kesedaran di kalangan pengelola konvensyen terhadap keupayaan Malaysia menganjurkan konvensyen-konvensyen antarabangsa.

Langkah-langkah penggalakan dan memperkenalkan Malaysia di luar negeri telah dilaksanakan dengan pesatnya "melalui iklan-iklan antara bangsa yang telah didasarkan atas slogan-slogan tertentu seperti slogan "Hanya Malaysia" (Only Malaysia). Iklan-iklan ini juga telah dibuat menerusi kombinasi media letronik dan media cetak. Di samping itu Kementerian ini juga telah mengambil langkah mempertingkatkan kemajuan pembangunan pusat-pusat pelancongan di negara ini, dan juga meningkatkan kemudahan-kemudahan pengangkutan dan penginapan bagi para pelancong. Kempen-kempen dalam negeri juga telah dibuat umpamanya melalui Pesta Malaysia 87, Pesta-pesta pelancongan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seperti Kanival Melaka dan sebagainya. Semua pesta-pesta dan acara-acara Kebudayaan semua kaum di negara ini telah pun dimasukkan ke dalam kalender peristiwa-peristiwa (calender of events) dan diedarkan ke luar negeri melalui Pejabat-pejabat Peadanan Kemajuan Pelancongan (TDC), dan perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri.

Ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kementerian telah pun mengambil tindakan untuk membekalkan filem-filem dokumentasi yang menunjukkan keindahan alam semula jadi Malaysia, serta juga memaparkan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh negara ini untuk dilihat oleh para pelancong asing. Filem-filem ini dibekalkan melalui pejabat-pejabat TDC di seberang laut, Perwakilan-perwakilan Malaysia, serta juga agen-agen pelancongan tertentu di luar negeri. Walau bagaimanapun setakat ini Kementerian hanya membekalkan filem-filem dan risalah-risalah mengenai Malaysia di dalam kapal-terbang Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sahaja, dan tidak di dalam

kapal-kapalterbang dari Syarikat-syarikat Penerbangan lain, memandangkan syarikat-syarikat penerbangan berkenaan mempunyai peraturan mereka sendiri yang menghendaki mereka mempamerkan risalah ataii filem dari negara-negara mereka sahaja.

PEMBAKARAN MASJID DI PAHANG

20. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengelakkan berlakunya jenayah pembakaran masjid-masjid di Malaysia kerana baru-baru ini pihak yang tidak bertanggungjawab telah membakar lima buah masjid di Negeri Pahang.

Tuan Othman bin Abdul: Bagi mengelakkan berlaku jenayah pembakaran masjid-masjid di Malaysia Kerajaan telah mengarahkan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri supaya meningkatkan lagi kawalan keselamatan di masjid-masjid. Dalam hal ini, ahli-ahli jawatankuasa masjid termasuk imam, bilal dan noja (pekerja dalam masjid seperti Siak) adalah bertanggungjawab untuk melindungi bangunan masjid dan surau di kawasan masing-masing dari dikhianati oleh anasir-anasir tertentu.

PENYELUDUPAN DADAH DI PENJARA

21. Tuan Ngoi Thiam Won minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) keadaan pengedaran dadah dalam penjara di semua penjara di seluruh negara; dan
- (ii) berapa kes yang dikesani terlibat pegawai penjara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh Kementerian Dalam Negeri

untuk mengkaji masalah penye-ludupan dadah ke penjara-penjara pada masa ini sedang dalam proses terakhir menyiapkan laporannya. Pihak Kerajaan akan mengambil apa-apa tindakan yang perlu setelah menimbangkan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa khas tersebut.

TUNTUTAN FILIPINA ATAS SABAH

22. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah tuntutan Filipina ke atas Sabah menghadapi masalah dan setakat ini, sejauh manakah perkembangannya.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuntutan Filipina ke atas Sabah merupakan masalah yang nurus diselesaikan sendiri oleh Kerajaan Filipina. Walau bagaimanapun, Malaysia mengalu-alukan kenyataan-kenyataan dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Filipina di bawah pimpinan Presiden Aquino yang boleh membuka jalan kepada penyelesaian kepada isu-isu.

GURU SISWAZAH SAINS

23. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah rancangan melatih guru-guru siswazah sains di Kementerian telah tersilap membuat anggaran sehingga kini terdapat guru-guru siswazah sains (bukan pemegang dermasiswa Kementerian) yang tidak dapat diserap dalam perkhidmatan perguruan; dan
- (b) jika bukan pihak Kementerian yang tersilap, siapakah yang harus bertanggungjawab atas hal ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kelebihan guru-gun,! siswazah sains hingga tidak dapat diserap dalam perkhidmatan perguruan bukannya kesilapan perancangan Kementerian Pendidikan. Untuk makluman, Kementerian ini hanya merancang pengambilan guru-guru siswazah sains yang diberi biasiswa Kementerian Pendidikan. Kementerian ini tidak boleh melarang bukan pemegang biasiswa Kementerian Pendidikan daripada mengambil kursus-kursus perguruan di universiti, kerana pilihan sedemikian adalah hak mutlak mereka masing-masing. Demikian juga universiti tidak boleh menyekat pilihan mereka.
- (b) Dengan ini, tidak seharusnya mana-mana pihak disalahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MESIN CETAK DAN PENERBITAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat di-bacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (3hb Disember, 1987)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa,

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bagan.

4.08ptg.

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan): Tuan Pengerusi, di Fasal 4, seksyen SA (2)

pihak yang dituduh harus memberi bukti-bukti bahawa langkah-langkah telah diambil untuk menentusahkan berita berkenaan supaya membuktikan tidak ada niat jahat maka wartawan-wartawan di bawah seksyen baru ini akan dipaksa ke mahkamah untuk memberitahu sumber-sumber mereka dan dengan ini perhubungan suci di antara • wartawan-wartawan dan sumber-sumbernya tidak dapat perlindungan lagi. Tetapi yang penting sekali ialah isu niat jahat yang akan assume, dengan izin, atau pun dianggap dahulu mengenai kebetulan berita.

Tuan Pengerusi, judicial process, dengan izin, harus melibatkan diri dengan due process of the law, dengan izin, serta faktof-faktor kes tertentu. Common Law System, dengan izin, yang diamalkan.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bagan, Yang Berhormat bercakap berkenaan perkara ini nampaknya menyentuh dasar. Adakah Yang Berhormat hendak minta sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat supaya Fasal 4 ini dimansuhkan atau dibatalkan sama sekali di atas dasar?

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Pengerusi, seksyen baru ini ada pindaan termasuk satu seksyen yang penting oleh kerana niat jahat. Itu adalah bertentangan dengan Common Law kita oleh kerana seseorang tidak boleh berdosa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat saya bertanya tadi, adakah tujuan Yang Berhormat hendak meminta supaya Fasal 4 ini dibatalkan? Di atas sebab dasar 'the principles'nya, adakah sebab itu?

Tuan Teoh Teik Huat: Bukan, bukan. Oleh kerana jikalau Seksyen in; dimasukkan, Fasal-fasal ini dimasukkan, wartawan-wartawan dan orang lain tidak boleh dilindungi.

Tuan Pengerusi: Kalau begitu nampaknya di atas dasar. Kalau di atas dasar maka tidak boleh ditimbangkan dengan kerana dalam bacaan yang kedua tadi, dasarnya telah pun diterima.

Tuan Teoh Teik Huat: Saya tahu, Tuan Pengerusi, oleh kerana Seksyen baru ini bertentangan dengan Common Law kita.

Tuan Pengerusi: Ya, itu dasar.

Tuan Teoh Teik Huat: Ini bukan dasar, Tuan Pengerusi, oleh kerana jikalau.

Tuan Pengerusi: Saya memutuskan itu dasar. Jikalau sekiranya itu dasar, maka mengikut Peraturan 57 (4) iaitu cara meminda Bil ataupun Rang Undang-undang tidak boleh di terima jikalau sekiranya pindaan yang diminta itu akan memberi ataupun menjadi sia-sia (frivolous) dan oleh sebab perkara ini di atas dasarnya telah pun diterima maka tidak boleh lagilah di bawah Jawatankuasanya hendak minta supaya ditinggalkan apa yang telah pun di terima di dalam dasar tadi. Saya harap Yang Berhormat dari Bagan faham. Jikalau sekiranya Yang Berhormat cakap di atas detailnya, boleh.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Pengerusi, sekarang saya merujuk kepada Seksyen 8 (b) dan (c). Sekali lagi pindaan ini akan menggugurkan proses keadilan kehakiman di negara kita. Oleh kerana, dengan izin, the presumption of guilt, dan hukuman ke atas pihak yang telah terbukti tidak berdosa seperti dibicarakan di Mahkamah Di bawah Seksyen 8.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bagan, saya minta maaf, apa Yang Berhormat cakap tadi adalah dasar. Oleh sebab kita sekarang bercakap di bawah Jawatankuasa, kita boleh menghadkan kepada Jawatankuasa sahaja. Dengan de-

mikian jikalau sekiranya Yang Berhormat tidak boleh mengeluarkan butir-butir, maka saya minta maaf, saya akan minta Yang Berhormat tidak boleh mengemukakan cadangan (pindaan) ini.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Bandar Kuching?

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jikalau Yang Berhormat hendak minta penjelasan, tidak boleh. Yang Berhormat boleh bercakap di atas point of order.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, atas point of order?

Tuan Pengerusi: Ya, bercakap atas point of order.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay, terhadap pindaan kepada Rang Undang-undang asal. Sekarang kita pada tahap peringkat Jawatankuasa dan Ahli Yang Berhormat dari Bagan pun mengemukakan satu cadangan untuk meminda seksyen.

Tuan Pengerusi: Bukan, dia bukan meminda itu, dia minta buang sama sekali.

Tuan Sim Kwang Yang: Bukankah ini satu pindaan juga kepada Rang Undang-undang asal, walaupun hendak dibatalkan?

Tuan Pengerusi: Jikalau sekiranya kita tengok di dalam "Erskine May, the House of Commons", ada 3 perkara, jika dibuang sama sekali tidak dibenarkan.

Tuan Sim Kwang Yang: Sekiranya begitu kenapa dia dibenarkan untuk membuat ucapan yang panjang lebar semalam?

Tuan Pengerusi: Barangkali Pengerusi kelmarin hendak mendengar apa dia butir-butir yang hendak dikemukakan di dalam Jawatankuasa. Bukan di dalam dasar.

Tuan Sim Kwang Yang: Sekiranya dia menyentuh untuk membatalkan sama sekali, ini tidak menjadi satu pindaan.

Tuan Pengerusi: Jikalau sekiranya dengan pindaan itu dia membuktikan bahawa pindaan itu di atas Jawatankuasa, ataupun 'detailed' iaitu perkataan-perkataan yang dibuat itu tidak kena umpamanya, bolehlah. Kalau sekiranya di atas dasarnya, principlenya, kalau dia minta supaya dipinda di atas itu tidak boleh kerana bercanggah dengan keputusan kita, yang kita buat dalam bacaan yang kedua dan yang demikian, cadangan yang dibuat ini ialah akan menjadi sia-sia.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, penerimaan Dewan yang mulia ini pada peringkat bacaan kedua, ialah untuk menerima Rang Undang-undang ini pada prinsipnya secara seluruh Rang Undang-undang ini, tetapi sekarang pindaan untuk membatalkan satu seksyen yang spesifik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandar Kuching, saya telah membuat keputusan, kalau sekiranya di atas dasar, tidak boleh.

Tuan Ting Chek Ming: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Ting Chek Ming: Oleh kerana saya mengemukakan satu usul untuk membatalkan ini, saya mesti diberi peluang untuk menjelaskan mengapa seksyen ini patut dibatalkan dan jikalau tidak membahaskan, memberi sebab-sebab mengapa, macam mana kita boleh membuktikan seksyen ini tidak baik untuk Rang Undang-undang ini.

Tuan Pengerusi: Saya akan membenarkan jikalau sekiranya mengikut peraturan. Kalau Yang Berhormat bercakap di atas dasar tidak mengikut.

Tuan Ting Chek Ming: Tidak, ini spesifik mengenai seksyen ini.

Tuan Pengerusi: Saya tidak boleh terima, Yang Berhormat, saya. . . .

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangitn*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani, bercakap atas apa? Yang Berhormat boleh bercakap di atas point of order sahaja.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tidak, saya hendak.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab Ahli Yang Berhormat dari Bagan bercakap di atas dasar di dalam Jawatankuasa untuk mengemukakan cadangannya untuk meminda Fasal 4, maka saya tidak boleh terima cadangannya itu, maka cadangan itu saya tidak kemukakan. Saya tarik balik dan tidak boleh dikemukakan di bawah Peraturan Mesyuarat 57.

Sekarang saya kemukakan semula Fasal 4 untuk dibahaskan. Ya, sila Yang Berhormat dari Sungai Petani.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Bismillah-hirramanirrahim. Tuan Pengerusi, izinkan saya membahaskan seksyen baru 8A dari kaca mata Islam.

Tuan Pengerusi, di dalam seksyen SA baru ini terdapat "jika dalam apa-apa hasil penerbitan ada disiarkan dengan niat jahat, apa-apa berita yang tidak benar, berita-berita yang tidak benar". Di dalam hul ini, di dalam Islam sangat jelas sekali diterangkan di dalam Al-Quran di dalam Surah Al-Hudjurat, Ayatke-6. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta bercakap dengan detailnya.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad; Ya.

Tuan Pengerusi: Janganlah bercakap fasal lain. Saya suka hendak dengar itu, tetapi malangnya di dalam Jawatankuasa ini saya tidak boleh membenarkan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tujuan saya hendak menyokong tentang niat jahat, apa-apa berita yang tidak benar, kerana perkataan-perkataan "niat jahat, apa-apa berita yang tidak benar" disambung lagi dengan SA (2): "Bagi maksud-maksud seksyen ini, hendaklah dianggap ada niat jahat sekiranya tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa sebelum penerbitannya tertuduh telah mengambil langkah-langkah yang munasabah. . . ." Jadi, yang ini adalah selaras dengan kehendak Islam kerana Islam tidak mahu seseorang itu berbohong. Tidak mahu seseorang itu membuat fitnah.

Di dalam Al-Quran jelas menunjukkan seperti dalam Surah Al-Hudjurat, ayat 6, dan saya hendak jelaskan di sini, Tuan Pengerusi, atas keraguan-keraguan yang telah dibangkitkan, iaitu seseorang yang telah menyiarkan, pada pendapat saya mengikut Seksyen SA (2) ini, mana-mana berita yang disiarkan di dalam akhbar-akhbar ataupun majalah-majalah, berita-berita itu diselidik lebih dahulu. Apabila diselidik lebih dahulu dan diketahui sah beritanya, maka dimasukkan, itulah sepatutnya bagi sesebuah berita yang hendak diketahui oleh orang ramai. Kadang-kadang berita yang dicari itu susah hendak dapat. Saya mengambil contoh, katalah berkenaan dengan kes BMP umpamanya hendak disiarkan. Berita-berita angin didengar dan dia cuba hendak mengesahkan berita itu, dia pergi ke pejabat-pejabat yang

berkenaan dan bertanya dengan pejabat-pejabat berkenaan. Setelah terdapat bukti-bukti yang nyata bahawa pejabat-pejabat berkenaan enggan memberikan berita kepadanya, maka sudah tentulah mungkin apabila disiarkan berita BMF itu ia akan mendapat pembelaan yang secukupnya. Itulah tujuan saya membangkitkan perkara ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, adakah kita sudah beralih hanya kepada Fasal 4 dan tidak boleh kepada Fasal 3?

Tuan Pengerusi: Yang dikemukakan kelmarin ialah Fasal 4.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Fasal 4, terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya hendak menimbulkan perkara tentang Fasal 4 ini dan berkehendakkan sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada apabila seseorang itu dianggap ada niat jahat ianya selepas dipastikan bahawa berita itu tidak betul—setelah dipastikan tidak betul dan daripada pihak yang mana? Sama ada berita itu dipastikan, telah dinyatakan tidak betul daripada pihak Kerajaan dahulu ataupun telah dipastikan tidak betul daripada pihak mahkamah ataupun dipasti tidak betul daripada pihak pentadbiran untuk membolehkan ianya dianggap mempunyai niat jahat, ataupun adakah ia dianggap mempunyai niat jahat apabila Kerajaan terus menggunakan Seksyen SA (1) itu? Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, kalau kita lihat

seksyen SA, 8e dan 8c ada kaitannya. Dengan sebab itu sesuatu yang akan diambil tindakan kepada pihak-pihak yang dianggap berniat jahat adalah ditentukan oleh mahkamah sendiri.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

^a Fasal 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5—

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi.

^b **Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Saya hendak merujuk kepada Fasal 5, Seksyen 9 Akta ibu ini di mana pindaan dicadangkan bagi menggantikan "pegawai kanan yang berkuasa" dengan "Menteri" dan juga dalam Seksyen 9A (1) yang baru itu ada menyebutkan juga "yang mungkin meringgemparkan fikiran orang ramai". Jadi saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang menjawab tentang tafsiran kepada perkara-perkara yang menggemparkan orang ramai.

Pertamanya, saya setuju sangat dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dalam ucapannya semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa pihak yang mentafsir undang-undang tidak perlu sama sekali menimbangkan sebab-sebabnya undang-undang itu digubal, dan kata pakar undang-undang ini menurut Yang'Amat Berhormat, yang perlu ialah pentafsir undang-undang mentafsirkan perkataan-perkataan yang terdapat dalam undang-undang dan disambung semula oleh Yang Amat Berhormat perkataan itu adalah penting daripada niat, walaupun jelas ada tujuan-tujuan yang tertentu yang

mendorongkan pembentukan undang-undang itu. Ini yang saya ambil daripada ucapan Yang Amat Berhormat.

Saya bersetuju sangat dengan ucapan Yang Amat Berhormat kerana apabila saya memikirkan ucapan itu pendek kata niat dan tujuan di sebalik undang-undang itu adalah mustahak. Jadi perlu bagi saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah" sebenarnya niat di sebalik perkataan-perkataan yang tertulis itu yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai kerana yang tersirat sekarang ini lebih penting daripada yang tersurat dan ini juga satu pendapat yang disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj kepada saya.

Apabila saya berjumpa dengan Yang Teramat Mulia, dia pun kata setuju dengan pendapat seperti ini kerana ketika dia menggubal Akta Keselamatan Dalam Negeri dahulu dalam tahun 1960, kalau tidak silap saya—saya pun tidak ada di situ masa itu—yang mana disebutkan dalam affidavitnya ke mahkamah baru-baru ini dia kata niatnya ketika itu bukanlah untuk menyekat "opposition" yang legitimate ataupun untuk stifle dan membunuh "lawful dissent". Tetapi dia kata sekarang ini niatnya lain, perkataan-perkataan dalam undang-undang dahulu itu ditafsirkan untuk tujuan-tujuan yang agak dia tidak terima.

Saya rasa yang mustahak kita kali ini kalau tidak terangkan sekarang dan masukkan dalam *Hansard* umpamanya keterangan-keterangan yang jelas, nanti 10-20 tahun akan datang terpaksa pula kita dapat affidavit daripada bekas Perdana Menteri ataupun Penggubal Undang-undang ini pergi ke mahkamah dan katakan tujuannya bukan begini dan apabila adanya jarak yang begitu jauh, maktumlah rambut sama hitam, hati

lain-lain, kalau jarak di antar a satu hati dengan hati yang lain itu sampai satu zaman atau satu jenarasi mungkin termaklumlah keadaan berubah dan akan menimbulkan tafsiran yang lain-lain.

Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang apa yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai, Apakah garis panduan dan penjelasan yang terperinci kepada soal-soal yang menggemparkan orang ramai—minta maaf, fikiran orang ramai. Kalau menggemparkan orang ramai, kadang-kadang bukan kerana fikirannya yang tergepar, dia tergepar sendiri, tetapi ini fikiran orang ramai, kerana fikiran inipun susah hendak baca, walaupun rambut sama hitam tetapi hati lain-lain, hendak baca hati, hendak baca fikiran memang susah.

Jadi sebagai satu cara hendak memudahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tentang perkara ini. Saya berikan satu contoh.

Umpamanya, beberapa jawapan kepada soalan-soalan ini akan dimasukkan dalam *Hansard* nanti yang di masa akan datang kita boleh jadikan bahan untuk menjadi sebagai rujukan kita untuk menyatakan ini niat kita, ini yang tersirat. Jadi semua faham, semua jelas—yang tersurat pun jelas, yang tersirat pun jelas dan tidak adafah nanti orang yang sudah pencen itu datang balik, tidak sedap, tidak manis dari segi masyarakat Melayu yang sudah pencen itu sepatutnya kira duduklah, sebab ianya orang lama, orang tua, dan kalau kita bergaduh dengan orang tua pun memang tak sedap.

Saya ingin merujuk kepada peristiwa Prebet Adam Jaafar umpamanya, di mana soalan-soalan ini boleh dijawab oleh Yang Berhormat Menteri untuk memberikan fahaman kepada saya. Apa maksud sebenarnya perkara-perkara yang menggemparkan fikiran orang ramai.

Tentang peristiwa Prebet Adam Jaafar di Jalan Chow Kit pada malam 18hb Oktober, 1987 dan 19hb Oktober 1987, khabar-khabar angin mengenai peristiwa itu menggemparkan fikiran orang ramai dan perasaan hati orang ramai.

Pada pagi 19hb Oktober, 1987 saya dan rakyat Malaysia membaca berita dalam suratkhbar yang dikeluarkan oleh BERNAMA yang menyatakan ada tiga orang yang bersenjatapi berada di kawasan Chow Kit. Inipun sudah menggemparkan, satu khabar angin menggemparkan fikiran orang ramai dan juga berita yang dikeluarkan oleh BERNAMA ini yang tidak pula betul, menggemparkan lagi orang ramai sehinggakan ada di kalangan anggota-anggota pentadbiran Kerajaan sendiri yang mengambil balik anak-anak mereka daripada sekolah.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Saya hendak sampai kepada soalan saya ini. Saya tidak memperkecilkan orang-orang yang meletak tanggungjawab sebagai ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak, tetapi berita yang dikeluarkan oleh BERNAMA itu sebagai sebuah agensi Berita Nasional yang keluar dalam suratkhbar tidak dapat mententeramkan fikiran orang ramai, jadi itulah yang menggemparkan. Soalnya, adakah penerbitan berita seperti ini salah di bawah Akta ini? Lain kali nanti kalau suratkhbari dapat berita macam itu mereka fahamlah mereka tidak boleh cetak, tambahan lagi mungkin salah walaupun datang, daripada BERNAMA kerana ia boleh menggemparkan fikiran orang ramai, mengikut tafsiran "fikiran orang ramai".

Tuan Pengerusi, saya pun tidak pernah ada chance bercakap di hadapan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan bimbang!

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Terima kasih, inilah kali pertama. Soalan kedua saya kalau tidak salah berita ini mengapa fikiran orang ramai masih tergepar selepas keluar berita itu?

Ketiga, kalau berita itu sendiri salah apakah tindakan Kerajaan di bawah Akta ini terhadap akhbar yang mengeluarkan berita keluaran agensi Berita Nasional kita? Dan kita tahu berita itu salah. Sudahkah tindakan diambil—itu soalan lain. Kadang-kadang lambat sedikit hendak ambil tindakan kepada orang kita sendiri.

Soalan keempat, kerana BERNAMA tidak mempunyai akhbar sendiri, apakah jaminan suratkhbar tidak terkena hukuman kalau menggunakan BERNAMA sebagai puncanya?

Soalan kelima, adakah keluaran berita oleh BERNAMA melalui media elektronik dan teleprinter dan khususnya teleprinter itu dianggap termasuk di bawah tafsiran bahan yang dicetak?

Soalan keenam, mengapa Kerajaan sendiri melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika itu tidak segera member! butir-butir yang jelas tetapi menunggu sehingga 3.30 petang, hanya beberapa minit sebelum Adam Jaafar ditangkap untuk menyiarkan butir-butir sebenar mengenai peristiwa itu, sedangkan butir-butir ini boleh disampaikan kepada rakyat dan negara awal-awal lagi? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika itu memikirkan penyiaran berita yang benar dan tepat akan lebih menggemparkan orang ramai?

Balik kepada satu lagi contoh Tuan Pengerusi, tentang karya. Hasil karya kreativiti yang juga boleh dianggap termasuk di bawah bahan-bahan

cetak. Katakan saya melihat drama di televisyen (RTM) baru-bani ini dan dalam salah satu babak drama itu adanya dialog di antara seorang pegganas "Bintang 3" dengan seorang perwira bangsa atau yang mana komunis Bintang 3 ini dalam dialognya, dia kata, "Mana salahnya perjuangan saya sedangkan saya juga menentang musuh negara saya ini." Ini sudah seolah-olah membawa fahaman bahawa fahaman komunis keganasan Bintang 3 boleh dikatakan sebagai perjuangan kebangsaan juga. Ini sudah tentu menggemparkan fikiran orang ramai. Lebih-iebih lagi kerana ia keluar melalui media elektronik Kerajaan. Adakah ini juga termasuk dalam perkara yang dikatakan menggemparkan fikiran orang ramai?

Akhir sekali, satu contoh sahajalah. Mungkin katakan saya hendak menulis sebuah buku, juga basil karya pemikiran seorang insan dan buku ini menganalisa dengan kritikalnya. Pada pendapat sayalah, dasar-dasar dan mengkritik strategi-strategi Kerajaan, bolehkah tidak? Saya fikirlah pada saya mungkin ada kesan-kesannya kepada pembaca. Maklumlah sebagai bekas Menteri dan sebagainya tentulah ada kebijaksanaan dalam tulisan-tulisan dan pendapat-pendapat saya, kalau adalah. Saya tidak tahulah ada yang tidak hendak beli, tidak apalah. Jadi dari segi kalau saya menulis buku itu dan tergepar pula fikiran orang ramai, adakah buku macam itu dan saya akan diambil tindakan di bawah Akta ini. Ini untuk saya dan saya rasa rakan-rakan saya yang telah pencen serta juga pihak akhbar untuk memahami apakah sebenarnya yang dimaksudkan di belakang perkara yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai.

Saya menyatakan ini, sebab maklumlah kita hendak supaya direkodkan. Kalau ini direkodkan dalam *Hansard* itu, nanti bakal-bakal Ahli Parlimen Johor Bahru yang

mengambil tempat saya dan dalam 10 tahun yang akan datang, 20 tahun akan datang, Menteri-menteri yang akan datang, pegawai-pegawai Kerajaan yang akan datang, Hakim-hakim yang akan datang jugalah semua sekali bokeh sekurang-kurangnya ada bahan rujukan dan boleh memahami apa yang tersirat dan bukan hanya bergantung kepada apa yang tersurat, kerana kita telah masuk ke ambang zaman undang-undang yang mana kita hendak menjelaskan sebenarnya apa maksud dan tujuan kita, satu tujuan yang baik, dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat member! penjelasan untuk memuaskan hati. Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, Wakil Johor Bahru telah bercakap tentang yang tersirat dan yang tersurat. Kadang-kadang yang tersirat itu- lebih merbahaya daripada apa yang tersurat. Jadi yang tersirat inilah yang kita hendak teliti dari segi kaca mata Kementerian Dalam Negeri.

Bercakap tentang perkataan "menggemparkan", kita kena tahu banyak perkara yang boleh menggemparkan. Kalau Wakil Johor Bahru misalannya menang walkathon dunia, menggemparkan rakyat, takkan Kerajaan bodoh hendak tangkap. (*Tepuk*) Menggemparkan orang ramai, menggemparkan rakyat yang hingga meletakkan keselamatan negara terancam itu yang diambil berat. Bukannya misalannya benda-benda yang menyeronokkan, itu juga menggemparkan tetapi menggemparkan bagi member! kebaikan. Jadi masalah Adam Jaafar yang telah dibangkitkan.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, kalau saya baca perkara ini, mengikut Undang-undang, ada tersebut "yang mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan atau yang mungkin menggemparkan fikiran

orang ramai". Jadi tidak ada ditunjukkan bahawa yang menggemparkan fikiran orang ramai, yang boleh membawa mudarat kepada ketenteraman awam, jadi macam mana Yang Berhormat membaca depan, lepas kebelakangan. Baca ikut itulah, kita ingat kita baca sepertimana yang tersurat.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini serupa juga macam mana bekas Perdana Menteri kita buat ISA dahulu. Ada yang tersurat, ada yang tersirat. Yang tersiratnya yang tidak ada di dalam surat ialah keselamatan negara. Jadi harap bekas Menteri kita fahamlah berkenaan hal ini. (*Tepuk*)

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, saya ingat ini bertentangan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Pada peringkat akhir ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan ini, dia menyebut dan saya baca: "Dengan pindaan ini pengeluar dan pengimport bahan cetak akan tahu dengan jelas apa yang baik bagi negara kita". Jadi kalau tidak terang sangat, macam mana mereka hendak tahu dengan jelas?

Jadi janganlah kita berselindung dengan tersurat/tersirat, nanti susah kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, saya ingat semua Wakil-wakil yang hadir dalam Parlimen ini tahu yang sebenarnya Undang-undang ini digubal semata-mata untuk menjaga keselamatan negara (*Tepuk*) dan juga untuk menyelamatkan rakyat jelata. Tidak ada niat lain daripada itu. Jadi saya fikir apa-apa yang telah dipercakapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Dalam Negeri dalam teksnya semalam adalah semata-mata

menentukan tentang hal-hal yang bersangkutan paut dengan keselamatan negara. Jadi tidak usahlah dibawa perkara-perkara lain yang tidak ada bersangkutan paut dalam hal ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingat oleh kerana apa yang telah dipercakapkan tadi bukan benar-benar menyentuh perkara-perkara yang patut diubahsuai dalam Fasal 5 ini.....

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Ini bukan soal hendak mengubahsuai dalam Jawatankuasa

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau hendak bercakap minta kebenaran dahulu.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Dari segi pindaan dalam perjalanan Jawatankuasa, kita minta penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya tidak bertujuan untuk mengubahsuai. Kalau hendak ubahsuai, kita ubah, kita bincangkan dalam peringkat dasar, di peringkat Majlis, tetapi ini Jawatankuasa. Jadi saya harap Timbalan Menteri faham bahawa ini Jawatankuasa, kita berbincang minta penjelasan daripada Timbalan Menteri. Kalau jawapannya bahawa itu juga, bahawa hanya untuk keselamatan negara dan tak hendak menjawab yang lain supaya dijadikan bahan rujukan untuk kita pada masa yang akan datang, anak-cucu-kita pada masa akan datang, tak apalah, saya terima, cakaplah, tetapi jangan katakan bahawa Jawatankuasa tujuannya untuk mengubahsuai—tidak. Jadi kita tahu peranan Jawatankuasa, Tuan Pengerusi, dan dalam Jawatankuasa hari ini kita membincangkan butir-butir dengan serius. Jangan kata ini Jawatankuasa dan saya ada tujuan untuk mengubahsuai—tidak, tidak sama sekali, kerana kita di peringkat Jawatankuasa. Jadi jangan kita salah gunakanlah atau salah kata yang tak kena.

Perdana Menteri (Dato' Sen Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Pengerusi, oleh kerana penjelasan diminta dan saya yang membuat ucapan semalam dan ucapan inilah yang menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru, ingin saya tegaskan disini bahawa perkataan yang saya gunakan ialah "niat", bukan yang tersirat dan yang tersurat. Saya kata "niat". Niat ini kadang-kadang jelas nampak kepada orang dan dalam undang-undang yang dibuat biasanya niat undang-undang itu dijelaskan di dalam ucapan yang dibuat oleh Menteri yang membentangkan undang-undang itu di dalam Dewan. Mungkin perkataan yang digunakan di dalam Undang-undang itu boleh ditafsir dengan cara-cara yang lain, tetapi kalau cara-cara yang lain tafsiran itu bertentangan dengan niat yang telah dijelaskan oleh pihak Menteri yang mengemukakan Undang-undang itu, maka yang patut digunakan ialah niat yang dijelaskan itu, bukan perkataan-perkataan yang mungkin boleh ditafsir dengan berbagai tafsiran mengikut pandangan seseorang. Jadi tidak ada yang tersirat dalam undang-undang yang telah dikemukakan ini, semuanya jelas.

Saya tak nampak kenapa Ahli Yang Berhormat perlu mendapat lagi banyak penjelasan berkenaan dengan kes-kes yang "hypothetical", yang belum jadi. Kalau kes yang jadi itu, ianya tak termasuk di dalam undang-undang ini yang baru sahaja digubal, malangnya Adam ini tembak orang sebelum kita gubal undang-undang. Kalau dia tembak selepas dan perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku, maka undang-undang ini berkuatkuasa. Tetapi hendak menguatkuasakan undang-undang ini kepada sesuatu perkara yang telah lepas dahulu, BERNAMA punya laporan umpamanya, ini tidak mungkin. Kalau ada undang-undang yang boleh menguatkuasakan kebelakangan

macam itu, susahlah bagi semua orang di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri ada lain lagi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya perkataan-perkataan, "perhubungan dengan mana-mana negara atau Kerajaan asing", dalam bahasa Inggerisnya, "the relationship with any foreign country or government", dalam seksyen 9 (1) dibatalkan.

Sukacita saya mengambil perhatian Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan mencadangkan untuk meminda, iaitu membatalkan perkataan, "perhubungan dengan mana-mana negara atau Kerajaan asing" atau "the relationship with any foreign country or government", dengan izin, dalam Fasal 5, seksyen 9 (1), perkataan-perkataan tersebut digugurkan kerana perkataan-perkataan itu adalah tidak perlu diadakan. Di samping itu saya juga merasa bahawa penggunaan peruntukan itu boleh disalahtafsirkan dan Kerajaan mungkin terdedah kepada anggapan atau tuduhan memihak kepada suatu negara dalam pertikaian di antara dua negara. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dipinda dengan dibatalkan perkataan-perkataan yang sama, iaitu "perhubungan dengan mana-mana negara atau Kerajaan asing" yang terdapat dalam Fasal 5 (a), sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan seperti saya baca tadi hendaklah diluluskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 5 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 6—

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya perkataan-perkataan "perhubungan dengan mana-mana negara atau Kerajaan asing", dan dalam bahasa Inggerisnya "the relationship with any foreign country or government" dalam seksyen 9A dibatalkan dan alasannya adalah seperti yang telah saya nyatakan dalam Fasal 5 (a).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dipinda dengan dibatalkan perkataan-perkataan yang terdapat dalam Fasal 6, iaitu pada seksyen baru 9A seperti berikut, "perhubungan dengan mana-mana negara atau Kerajaan asing", sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan seperti saya baca tadi hendaklah diluluskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 6 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7 dan 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9—

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, berkenaan Fasal 9, saya rasa sangat terkejut di atas Fasal ini kerana tersebut keputusan Menteri adalah muktamad. Saya rasa ini sangat tidak adil dan melanggar "constitutional rights", dengan izin, oleh sebab kita Parti DAP pun ada satu majalah iaitu "Rocket". Sekarang tempoh masa permit itu sudah habis

dan kita pun minta membaharui lesen ini. Kalau keputusan (decision) Menteri atas kebenaran tidak diberi, ini akan jadi satu "decision" muktamad, dan saya rasa ini tidak adil. Kalau diberi, saya rasa ianya sangat baiklah tetapi untuk keadilan kepada semua orang di negara kita, khasnya penerbit (publishers) dan pencetak, saya rasa seksyen baru 13A dalam Fasal 9 lebih baik ditarik balik.

Dan juga saya hendak tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan adakah ini telah dirujuk kepada "judiciary"¹¹ untuk mendapat pandangannya atau tidak, oleh kerana saya ingat ini ada melanggar peranan kehakiman atau "independence", dengan izin. Saya rasa ini sangat mustahak dan lebih baik kalau Timbalan Menteri berkenaan ada menghubungi hakim-hakim untuk mendapat satu pandangan. Kalau para hakim tidak bersetuju, saya ingat ini tidak sihat untuk negara kita.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, demokrasi negara kita adalah dibangunkan atas tiga asas (foundation) atau tiga "pillar" seperti disebut semalam oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu "Legislative, Executive dan Judiciary". Kalau satu "pillar" ada dilemahkan (weakened), misalnya judiciary is weakened, bangunan masyarakat kita, bangunan demokrasi akan jatuh. Ini sangat serius. Oleh sebab itu, saya bercadang bahawa Fasal 9 di dalam Bil tersebut dibatalkan sama sekali. Itu tujuan saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Fasal 9 Bil tersebut 'dibatalkan sama sekali, sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan yang saya baca tadi hendaklah diluluskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.52 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Polis 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari beberapa seksyen dalam Akta Polis 1967 perlu dipinda dengan tujuan untuk mengemaskinikan undang-undang tersebut supaya dapat pihak polis mengambil tindakan yang lebih berkesan ke atas pihak-pihak yang tidak mematuhi undang-undang dalam menganjurkan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan. Dalam masyarakat kita perhimpunan, perjumpaan dan perarakan boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan dan ketenteraman awam jika ia bermaksud mencabar dan mengancam pihak-pihak yang tertentu.

Dalam masyarakat kita yang majmuk, tindakan melahirkan perasaan tidak puas hati melalui perhimpunan berkemungkinan mencetuskan perbalahan antara kaum. Bagi maksud-maksud mengawal perhimpunan, perjumpaan dan perarakan, Akta Polis memperuntukkan di bawah seksyen 27 peraturan yang perlu dipatuhi oleh penganjur dan orang-orang yang mengambil bahagian. Seksyen ini juga

menetapkan peraturan dan syarat mengenai kelulusan lesen mengadakan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan dan kuasa polis untuk menyuraikan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang tidak sah.

Seksyen berkenaan juga memperuntukkan kesalahan yang boleh dijatuhkan ke atas mereka yang didapati bersalah. Dari pengalaman pihak polis, terdapat beberapa kelemahan dalam peruntukan itu yang menyebabkan pihak berkuasa tidak dapat bertindak dengan berkesan ke atas mereka yang melanggar undang-undang. Di antara peruntukan yang dikenalpasti mempunyai kelemahan ini termasuklah:

- (1) Mengikot undang-undang yang sedia ada sekarang ini orang-orang yang bertanggungjawab mengadakan perhimpunan awam tidak dapat didakwa dan hanya pemegang lesen sahaja yang selalunya didakwa. Pemegang lesen tidak semestinya merupakan orang-orang yang penting dalam organisasi yang menganjurkan perhimpunan haram berkenaan.
- (2) Hukuman yang boleh dikenakan ke atas orang yang disabitkan kesalahan adalah terlalu ringan dan ini boleh menggalakkan wujudnya satu budaya yang menggunakan demonstrasi sebagai alat untuk menonjolkan kepentingan mereka. Ini bukanlah satu trend yang sihat
- (3) Kelemahan dalam undang-undang yang ada sekarang ini telah diperalatkan oleh pihak yang dilarang mengadakan perhimpunan di tempat awam untuk menganjurkan perhimpunan itu di tempat persendirian dan dengan menggunakan pembesar suara, perbincangan dan ucapan yang diadakan telah dapat didengar

oleh orang-orang yang berada di luar tempat persendirian tersebut. Dengan cara ini perhimpunan yang diadakan di tempat persendirian itu menjadi satu perhimpunan awam.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari kelemahan-kelemahan itu Kerajaan yakin bahawa perkara ini perlu diatasi dengan segera supaya keselamatan dan ketenteraman awam dapat terus dipelihara. Kajian yang teliti telah dibuat ke atas masalah ini dan Kerajaan dengan ini memperakukan supaya pindaan dibuat kepada sekisyen 27 Akta Polis berkenaan. Secara ringkasnya pindaan itu adalah seperti berikut:

Fasal 3 (a)

Fasal 3 (a) ini bertujuan meminda sekisyen 27(1) untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis untuk mengarahkan perjalanan perhimpunan perjumpaan dan perarakan di tempat awam. Pada masa sekarang kuasa ini terletak kepada pegawai-pegawai kanan polis berpangkat Inspektor ke atas. Pindaan ini adalah perlu supaya polis dapat bertindak dengan segera dan berkesan.

Fasal 3 (b)

Fasal 3 (b) mewujudkan sub-sekisyen baru (2A), (2fi), (2c) dan (2o) yang memperuntukkan syarat-syarat bagi memohon lesen untuk mengadakan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan di tempat awam. Mengikot peruntukan yang dipinda ini sebarang permohonan untuk mengadakan perhimpunan hendaklah dibuat oleh suatu pertubuhan atau sesama tiga orang individu. Tujuan pindaan ini adalah untuk menentukan supaya mana-mana perhimpunan adalah dianjurkan oleh sesebuah organisasi atau sekurang-kurangnya oleh tiga orang.

Fasal 3(c) dan 3(d)

Fasal 3(c) bertujuan untuk mengkanunkan semula subseksyen 4(a) yang sedia ada dan Fasal 3(d) bertujuan untuk memperkenalkan subseksyen baru 4A bagi menggantikan subseksyen 4(b) yang sedia ada.

Fasal 3(e) dan 3(f)

Fasal 3(e) meminda subseksyen 5 seksyen 27 yang memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan ke atas sesiapa yang hadir dalam mana-mana perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang tidak dikeluarkan lesen. Fasal 3(f) pula bertujuan meminda subseksyen yang sama untuk memperuntukkan bahawa orang-orang yang ada sangkut-paut memanggil, mengumpul ataupun mengarah satu-satu perhimpunan, perjumpaan dan perarakan tanpa lesen adalah melakukan kesalahan. Pindaan ini dibuat dengan tujuan untuk memastikan supaya orang-orang yang terlibat tidak terlepas daripada tindakan undang-undang.

Fasal 3(g)

Fasal 3(g) mewujudkan tiga subseksyen baru iaitu subseksyen (5A), (5s) dan (5c). Subseksyen (5A) memperuntukkan bahawa seseorang yang dituduh tidak boleh membela dirinya dengan alasan bahawa ia tidak mengetahui yang perhimpunan, perjumpaan dan perarakan itu adalah satu perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang haram.

Walau bagaimanapun, seseorang yang berada di tempat perhimpunan, perjumpaan dan perarakan itu secara kebetulan dan tidak berniat untuk mengambil bahagian boleh menggunakan alasan itu untuk membela dirinya.

Ini diperuntukkan dalam subseksyen (5B). Subseksyen (5c) pula memperuntukkan bahawa kesemua ahli-ahli pengelola mana-

mana pertubuhan yang terlibat dalam sesuatu perhimpunan haram adalah melakukan satu kesalahan kecuali jika mereka dapat membuktikan bahawa mereka tidak tahu-menahu mengenai perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang diadakan itu atau telah pun mengambil tindakan untuk menghalang atau telah mengumumkan pendirian yang mereka tidak bersetuju dengan keputusan mengadakan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan itu.

Fasal 3(h)

Fasal 3(h) menggantikan subseksyen (8) Seksyen 27 yang menetapkan denda minima \$2,000 ringgit dan maksima \$10,000 ringgit dan penjara tidak lebih dari satu tahun. Hukuman sekarang ialah denda tidak melebihi \$500 ringgit atau penjara tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Fasal 4

Fasal 4 mewujudkan seksyen baru 27A, 27B dan 27c untuk mengawal perhimpunan di tempat-tempat bukan tempat awam. Di bawah peruntukan ini polis boleh memberhentikan mana-mana aktiviti yang dijalankan di tempat persendirian jika didapati perhimpunan, perjumpaan dan perarakan itu memudaratkan keselamatan atau ketenteraman awam. Polis juga boleh menyuraikan orang-orang yang berkumpul di luar premis persendirian itu jika bilangan orang-orang yang berkumpul itu melebihi 20 orang. Pihak polis juga diberi kuasa untuk menyuraikan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang diadakan di dalam atau di luar premis persendirian itu; dan jika mereka yang terlibat tidak mematuhi arahan polis untuk bersurai, pihak polis diberi kuasa untuk menggunakan kekerasan

yang munasabah. Kesalahan dan hukuman di bawah seksyen baru ini adalah denda minima \$2,000 ringgit dan maksima \$10,000 ringgit dan penjara tidak lebih dari satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan kepada Seksyen 27 Akta Polis itu, Kerajaan juga mencadangkan pindaan kepada dua seksyen yang lain iaitu Seksyen 26 dan Seksyen 30.

Seksyen 26 Akta Polis yang ada sekarang menetapkan kuasa untuk mengadakan sekatan jalanraya kepada pegawai kanan polis berpangkat Inspektor ke atas. Oleh kerana bukan di semua tempat ada pegawai kanan polis, maka peruntukan ini telah menghadkan tindakan yang boleh diambil) oleh pihak polis. Peruntukan ini telah menghalang pihak Polis bertindak dengan segera. Untuk mengatasi masalah ini adalah perlu pindaan dibuat supaya kuasa ini diberikan kepada mana-mana pegawai-pegawai polis supaya tindakan segera dapat diambil untuk mengadakan sekatan jalanraya.

Seksyen 30 dalam Akta Polis pula memperuntukkan kuasa kepada Pesuruhjaya Polis atau Ketua Polis Negeri dengan persetujuan Menteri bagi melarang penggunaan bendera, sepanduk dan pembesar suara. Bagi membolehkan pihak polis bertindak dengan segera, maka peruntukan ini dipinda supaya kuasa ini dapat dijalankan oleh Pesuruhjaya Polis atau Ketua Polis Negeri sahaja tanpa mendapat persetujuan Menteri terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kali yang kedua saya membentangkan Rang Undang-undang Polis (Pindaan) yang Kerajaan tidak dapat berbangga dengannya. Sepatutnya bukan sahaja Kerajaan begitu juga rakyat keseluruhannya tidak boleh berbangga dengan pindaan Rang Undang-undang ini. Sebabnya saya berkata demikian ialah kerana ia membuktikan bahawa

terdapat dalam masyarakat kita individu-individu dan kumpulan-kumpulan yang belum dewasa politik mereka, yang tidak tahu mengawal diri sendiri, yang tidak menghargai sikap liberal Kerajaan. Orang yang sudah dewasa akan tahu mengawal diri tanpa dikawal oleh undang-undang yang ketat. Mereka tidak akan membuat sesuatu yang mereka tahu boleh membawa keburukan kepada masyarakat. Mereka bertanggungjawab dan tidak akan membuat apa-apa yang boleh menjejaskan kesetabilan dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya golongan ini sentiasa mencari loopholes dalam undang-undang supaya mereka boleh melakukan sesuatu yang tidak baik tanpa Kerajaan dapat membuat apa-apa kepada mereka melalui undang-undang.

Oleh kerana denda yang dikenakan adalah rendah umpamanya, mereka sanggup melanggar undang-undang dan membayar denda dengan tidak berasa malu sedikitpun. Bahawa tindakan mereka memburukkan keadaan politik dan ekonomi negara tidak sedikitpun menghalang mereka. Yang penting bagi mereka ialah parti mereka dan politik parti mereka. Jika negara Malaysia mendapat gambaran sebagai sebuah negara yang tidak tenang dan tidak menarik kepada para pelabur, ini sangat disukai oleh mereka ini. Biarlah rakyat menderita kerana tidak ada peluang kerja asalkan mereka boleh mendakwa bahawa Malaysia tidak demokratik, tidak stabil dan tidak dapat menarik para pelabur. Mereka berharap dengan cara ini mereka dapat memburukkan imej Kerajaan untuk kepentingan politik parti mereka.

Mereka inilah yang sering menceritakan kepada orang-orang asing kononnya keadaan di Malaysia sangat buruk. Mereka berbohong mengenai keadaan di Malaysia untuk mendapat simpati kepada perjuangan

parti mereka. Bahawa ini menjejaskan pembangunan negara dan rakyat Malaysia tidak menjadi masalah kepada mereka. Jika dikatakan mereka tidak setia, mereka amat marah. Tetapi apa lagi yang hendak dipanggil mereka ini?

Mereka tahu jika mereka dapat memaksa Kerajaan bertindak keras ke atas mereka, tindakan Kerajaan ini juga boleh dijadikan isu politik. Oleh itu mereka sengaja mempermainkan undang-undang yang ada untuk memaksa Kerajaan mengadakan undang-undang yang lebih keras. Kemudian mereka mengecam Kerajaan dan menyoal mengapa membuat undang-undang yang begitu keras. Mereka akan berkata Kerajaan tidak demokratik, walhal merekalah yang sengaja menjolok Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menghadapi dilemma dalam perkara ini. Jika undang-undang tidak diperkukuhkan, mereka ini akan membuat bermacam-macam untuk mencetuskan huru-hara dan ketegangan dalam negara kita. Jika Kerajaan mengukuhkan undang-undang, Kerajaan akan dikecam dengan berbagai tohmahan dan tuduhan. Kerajaan akan dituduh tidak liberal.

Tetapi Kerajaan ini tidak akan lari daripada tanggungjawabnya. Biar apa juga tohmahan dan fitnah yang dilemparkan terhadapnya, Kerajaan akan terus menjalankan tugasnya dan bersikap bertanggungjawab. Kepada individu-individu yang tidak menghargai sikap liberal, Kerajaan tidak perlu liberal.

Bersikap liberal kepada individu ini samalah seperti memberi bunga kepada kera. Kecantikan bunga tidak menawan hati kera dan ia biasanya mengoyak-ngoyakkan bunga itu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat tidak pihak DAP akan berkata bahawa dengan adanya pindaan

kepada Akta Polis ini, maka negara akan menjadi tidak demokratik. Mereka berkata "loceng maut" berbunyi lagi kerana kematian demokrasi. Mereka akan menambah bahawa pelabur-pelabur asing tidak akan datang ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika benar seperti kata DAP bahawa dengan berbagai Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan ini dahulu, loceng maut sudah berbunyi terhadap demokrasi Malaysia, bagaimanakah demokrasi boleh mati berkali-kali. Dengan DAP berkata bahawa loceng maut telah berbunyi sekali lagi, bermaknalah undang-undang yang diluluskan dahulu tidak membunuh demokrasi (*Tepuk*). DAP sebenarnya mengakui bahawa demokrasi masih hidup di Malaysia dan akan terus hidup, melainkan parti DAP memerintah. "

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pelabur-pelabur asing tidak mengambil kira sama ada wujud atau tidak demokrasi dalam negara-negara yang mereka ingin melabur. Perkara utama bagi mereka ialah kestabilan politik dan Kerajaan yang kuat dan boleh menguatkuasakan undang-undang. Jika kita mengkaji dengan ikhlas, kita akan mendapati bahawa pelaburan asing yang terbesar di rantau Timur ini ialah dalam negara-negara yang kurang atau tidak begitu demokratik, tetapi mempunyai Kerajaan yang kuat yang dapat menentukan kestabilan politik dalam negara. Tidak sesiapa pun yang mahu melabur dalam sesebuah negara yang begitu demokratik sehingga setiap hari tunjuk perasaan berlaku dan Kerajaan jatuh dua bulan sekali. Para pelabur tidak melabur kerana ingin menegakkan demokrasi di negara-negara di dunia ini. Para pelabur datang kerana keuntungan yang boleh diperolehi. Keadaan kacau-bilau yang disebabkan oleh penyalahgunaan hak-hak demokrasi tidak akan menarik mereka. Sebab itulah Kerajaan

yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan kesejahteraan rakyat negara ini perlu menentukan kestabilan walaupun ini bermakna sedikit-sebanyak kebebasan yang boleh disalahgunakan oleh sebilangan kecil daripada ahli-ahli politik yang frustrated terpaksa dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sebabnya pindaan undang-undang ini dibuat kepada Akta Potis. Ia bertujuan menentukan tindakan polls lebih cepat dalam menjaga ketenteraman dan keselamatan negara,

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini, suatu kawalan yang lebih berkesan dapat diwujudkan untuk mengawasi perhimpunan, perjumpaan dan perarakan. Dengan kawalan ini adalah diharapkan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang diadakan pada masa hadapan akan berjalan dengan lebih bertanggungjawab dan mengikut batasan-batasan yang wajar demi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Polis 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

S.I.Sptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin membantah dengan sekeras-kerasnya tentang cara Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang Akta Polis (Pindaan) 1987 ini. Saya berbuat demikian bukan

sahaja bagi pihak diri saya dan DAP, tetapi saya yakin juga bagi pihak semua orang Malaysia yang berfikirannya secara liberal dan terbuka.

Rang Undang-undang ini adalah suatu rang undang-undang yang sangat mustahak kerana ia jika diluluskan akan mengubah corak dan sistem demokrasi berparlimen kita secara radikal. Tetapi Rang Undang-undang ini hanya diberi kepada Wakil-wakil Rakyat beberapa hari sebelum ia dibaca untuk kali yang kedua di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, manakah ada masa untuk membaca dan berbincang Rang Undang-undang (Pindaan) ini dengan teliti dan membuat analisa secara mendalam dengan pihak-pihak dan badan-badan tertentu. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana tidak memerlukan masa yang banyak untuk membaca dan menganalisa Rang Undang-undang (Pindaan) ini, kerana mereka tidak berminat mempertahankan sistem demokrasi berparlimen. Tetapi bagi kami yang ada di dalam parti DAP, kami tidak boleh duduk diam-diam sahaja dan mengecewakan rakyat Malaysia yang mencintai demokrasi. Sebab itu kami berpendapat bahawa masa yang lebih banyak patut diberi kepada kami untuk memahami kandungan-kandungan dan implikasi

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Larut bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Point of order—36(10). Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ada mengatakan "ahli-ahli di sebelah sana tidak mahu mempertahankan demokrasi". Menurut Peraturan Mesyuarat 36(10) ini menyakitkan hati ahli-ahli Dewan.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, itu terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Chian Heng Kai: Terima kasih. Sebab itulah kami berpendapat masa yang lebih banyak patut diberi kepada kami untuk memahami kandungan-kandungan dan implikasi-implikasi Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Nampaknya Kerajaan tidak mahu menghormati Dewan yang mulia ini sebagai suatu badan melulus Rang Undang-undang yang terpenting. Ia hanya mahukan Dewan yang mulia ini menjadi satu rubber stamp, dengan izin, pihak Eksekutif. Rupanya Ahli Yang Berhormat dari Johor Bharu adalah betul apabila beliau berhujah di Dewan yang mulia ini beberapa minggu lalu bahawa Kerajaan sekarang tidak lagi bersifat liberal sejak rakan-rakan beliau yang dalam "Team B UMNO " meninggalkan Kabinet. Tuan Yang di-Pertua, yang lebih serius lagi ialah bahawa Kerajaan sengaja membentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) ini apabila 10 Ahli-ahli Yang Berhormat masih ada di bawah tahanan ISA, terutamanya Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya kebebasan yang kini ada dalam negara kita telah terhad kerana ada banyak undang-undang yang sangat oppressive telah dan sedang dikuatkuasakan. Contohnya kita ada Akta Polis, kita ada Akta Keselamatan Dalam Negeri, kita ada Akta Rahsia Rasmi, kita ada Akta Hasutan, kita ada Akta Pertubuhan, kita ada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan kita akan ada Akta Penerangan dan sebagainya.

Dengan membentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Polis ini adalah jelas bahawa Kerajaan

masih tidak berpuas hati dengan kuasanya yang sedia ada. Ia sedang cuba menghapuskan juga sisa-sisa demokrasi. Tujuan Rang Undang-undang (Pindaan) ini antara lain ialah member! kuasa yang lebih besar kepada pegawai Polis biasa. menambah penalti, mengetatkan kawalan terhadap aktiviti-aktiviti politik yang sah. Saya tidak mahu mengapa Kerajaan mahu memberi kuasa yang lebih besar kepada pegawai Polis biasa sedangkan pada hakikatnya kuasa mereka sekarang sudah cukup besar. Saya harap Kerajaan akan memberi satu penjelasan yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya khawatir kuasa yang lebih besar ini akan mengakibatkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak Polis. Saya bimbang kes-kes penyalahgunaan akan bertambah dengan pesatnya selepas Rang Undang-undang (Pindaan) ini diluluskan.

Cadangan untuk menambahkan penalti adalah bertujuan untuk menakutkan, menekan dan menindas tokoh-tokoh politik dan ahli-ahli parti-parti politik yang aktif dan berpotensi terutamanya mereka dari parti-parti Pembangkang. Keahlian Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri akan terpaksa dikosongkan sebaik sahaja mereka dituduh di bawah Seksyen 27 Akta Polis ini dan disabitkan. Bagi pemimpin-pemimpin parti yang berpotensi, mereka tidak akan layak menjadi calon-calon di dalam pilihanraya dalam tempoh 5 tahun.

Fasal 4 Rang Undang-undang pindaan ini bertujuan membolehkan pihak Polis mengharamkan apa-apa juga aktiviti berlangsung di atas atau di dalam mana-mana tanah atau premis yang tidak merupakan tempat awam jika pihak Polis berpendapat bahawa aktiviti itu mungkin memudaratkan kepentingan keselamatan negara atau membangkitkan kecauan keamanan. Apakah definisi

"kepentingan keselamatan negara"? Siapakah akan mentafsirkan definisi ini? Sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan, maka seorang pegawai Polis biasa boleh menyuruh mana-mana 3 orang yang duduk di sebuah kedai kopi dan berbincang hal-hal mereka sendiri supaya bersurai sekiranya ia berpendapat bahawa aktiviti mereka mungkin memudaratkan kepentingan keselamatan negara. Saya memang bimbang pada satu hari.

Tuan Ghazali bin Ahmad (Jerai): (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada Yang Berhormat yang bangun. Minta penjelasankah?

Tuan Chian Heng Kai: Minta apa?

Tuan Ghazali bin Ahmad; Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Chian Heng Kai: Saya tidak beri. Saya memang bimbang pada satu hari nanti mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di dalam bangunan pertubuhan-pertubuhan sendiri pun akan diharamkan. Sebenarnya ini sudah berlaku di Pulau Pinang pada 1hb November tahun ini.

Tuan Hashim bin Safin: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chian Heng Kai: Saya tidak beri.

Tuan Hashim bin Safin: Sebab tadi dia cakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Chian Heng Kai: Sila duduk! Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini sudah berlaku di Pulau Pinang pada 1hb November tahun ini di mana mesyuarat DAP yang diadakan di dalam Ibu Pejabat DAP sendiri disuruh bersurai. Bolehkah pihak berkuasa memberi saya satu penjelasan yang memuaskan? Mana boleh kita member! kuasa yang begitu luas dan mutlak kepada seorang pegawai Polis biasa? Apakah kita mahu menubuhkan sebuah negara Polis? Jika Rang Undang-undang (Pindaan) ini diluluskan, saya bimbang perhimpunan-perhimpunan kami dari pihak Pembangkang iaitu DAP, PAS dan lain-lain yang bertujuan menentang kezaliman, penyelewengan dan sebagainya akan diharamkan atas alasan ia akan memudaratkan kepentingan keselamatan negara.

Sudah pasti Kerajaan dan parti-parti pemerintah seperti UMNO, MCA, MIC dan sebagainya boleh mengadakan perhimpunan-perhimpunan di mana-mana sahaja dan secara bermaharajalela tanpa halangan. Inilah corak demokrasi Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, demi demokrasi, demi kebebasan yang sebenar, demi keadilan, saya mencadangkan supaya keputusan Rang Undang-undang ini ditangguhkan selama-lamanya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh.

5.25 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Tasek Chenderoh): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sebentar, Yang Berhormat Menteri hendak membawa satu usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN)

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Terima kasih. Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wataala kerana dengan limpah dan keizinanNya saya

berpeluang mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Akta Polis (Pindaan), 1987 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyatakan sokongan saya ke atas Akta ini, izinkan saya menyatakan penghargaan saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri dan kepada semua pihak yang terlibat dengan penggubalan Akta ini. Tindakan Kerajaan untuk meminda Akta ibu atau Akta Polis, 1967 ini adalah suatu yang sungguh membina dan amat munasabah.

Mengenai pindaan ke atas beberapa bahagian dalam Akta ibu itu jelas membuktikan betapa tingginya hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan Polis di negara ini di samping memberikan beberapa kemudahan kepada orang ramai tatkala berurusan dengan pihak Polis. Hakikat ini dapat dilihat dari semangat yang ditunjukkan menerusi maksud dan tujuan yang terkandung dalam Akta Polis (Pindaan), 1987 ini.

Misalnya, dengan memperluaskan kuasa daripada pegawai kanan Polis kepada mana-mana pegawai Polis mendirikan sekatan jalan sudah pasti akan dapat mempertingkatkan tahap kecekapan bertindak di kalangan anggota Polis untuk mencegah segala bentuk kejadian jenayah di negara ini.

Yang kedua, dengan memperluaskan kuasa daripada pegawai kanan Polis kepada mana-mana pegawai Polis untuk mengeluarkan lesen atau memberikan kebenaran kepada orang ramai atau pertubuhan-pertubuhan bagi mengadakan perhimpunan atau perjumpaan, sudah pasti akan memudahkan orang ramai berurusan dengan Polis bagi menjalankan apa jua kegiatan yang dibenarkan oleh Perlembagaan dan undang-undang.

Yang ketiga, dalam menambahkan kadar penalti kepada pesalah-pesalah itu sudah pasti akan dapat membendung mereka yang berani mencabar kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan.

Yang keempat, dengan memperluaskan kuasa daripada pegawai kanan Polis kepada mana-mana pegawai Polis untuk bertindak memberhentikan sesuatu aktiviti seperti yang tersebut di dalam Seksyen 27A adalah suatu yang membina ke arah menjamin ketenteraman orang ramai dan keamanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh Fasal-fasal dalam Akta ini, sukalah saya menarik perhatian Kerajaan mengenai beberapa perkara dalam perkhidmatan Polis di negara ini. Pertama, berkenaan dengan perkhidmatan Polis wanita. Saya berharap jumlah anggota Polis wanita ini perlulah ditambah lagi memandangkan jumlah yang ada sekarang ini tidak mencukupi padahal tenaganya amat diperlukan khususnya untuk menentang penjenayah-penjenayah wanita yang kian bertambah. Kita tahu apabila seorang penjenayah wanita ditangkap, maka anggota Polis wanitalah yang lebih layak untuk memeriksa tubuh penjenayah-penjenayah itu. Kalau bilangan anggota Polis wanita itu tidak ditempatkan di semua Balai-balai Polis di negara ini, siapakah yang akan ditugaskan untuk memeriksa penjenayah wanita yang telah ditangkap dan dibawa ke Balai Polis itu? Tidakkah wajar seorang anggota Polis lelaki yang ditugaskan untuk memeriksa penjenayah wanita terutama di tempat-tempat yang sulit dan sensitif.

Keadaan ini berlaku di kawasan saya, di Balai Polis Lenggong. di mana salah sebuah Balai Polis yang ada di kawasan saya ini iaitu di Lenggong, sampai kini wataupun sudah berkali-kali saya berurusan dengan OCPD di

daerah tetapi mereka tidak mampu, jawabnya kurang anggota. Sebab itu saya bawa ke Parlimen ini di hadapan Menteri yang berkenaan supaya ditambah anggota dan saya percaya banyak lagi Balai-balai Polis yang tidak ada anggota Polis wanita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi pada masa ini Kerajaan sedang memesatkan pembangunan industri pelancongan. Walaupun saya menyokong satu usaha Kerajaan untuk memajukan industri pelancongan bagi menambah sumber pendapatan negara tetapi harga keamanan, keselamatan adalah lebih mahal daripada hasil yang disumbangkan oleh para pelancong. Oleh itu, kita perlu berwaspada agar pelancong-pelancong yang datang ke negara ini benar-benar untuk melancong, bukan untuk membawa berbagai-bagai masalah kepada negara dan rakyat, terutama mereka yang memang berniat jahat untuk melakukan perbuatan jenayah di negara ini. Oleh itu, sekali lagi kita memerlukan pengawalan yang rapi.

Pelancong-pelancong yang datang itu ada lelaki ada perempuan. Siapakah yang kita hendak tugaskan untuk mengawasi pelancong-pelancong perempuan? Tentulah anggota polis wanita kita. Lebih-lebih lagi Pasukan-pasukan Polis yang ditempatkan di kawasan-kawasan pintu masuk pelancongan negara kita ini, bukan sahaja dikehendaki mencukupi lelaki dan perempuan, tetapi kalau boleh mereka ini dalam usaha hendak mempertingkatkan kecekapan polis, hendaklah diberi latihan mempelajari berbagai-bagai bahasa. Kalau mereka sudah banyak boleh berbahasa di dalam berbagai-bagai bahasa, saya berpendapat sudah pastilah mereka akan dapat menjalankan tugas lebih cekap dan lebih disiplin untuk memeriksa

pelancong-pelancong yang disyaki masuk ke negara kita ini. Oleh sebab itu, saya berharaplah supaya anggota Pasukan Polis daripada kalangan wanita ini hendaklah ditambah lagi,

Perkara yang kedua, berkenaan dengan bangunan Balai Polis yang terlalu uzur. Umpamanya, Balai Polis Kali. Kuala Kangsar, di kawasan saya. Saya sudah dua tiga kali bercakap fasal Balai Polis Kati di Parlimen. Walau bagaimanapun, pihak Menteri yang berkenaan telah memberi jaminan bahawa Balai Polis ini memanglah dalani perhatian Kerajaan tetapi hingga kini saya tidak nampak riak bilakah akan dibuat. Balai Polis Kati yang ada ini bukan sahaja uzur, sebenarnya tidak boleh dipakai lagi. Lock-upnya sudah runtuh dan tempat-tempat mandi semuanya sudah rosak. jahanam. Jadi rumah Ketua Balai Polis itulah dijadikan Pejabat Polis di situ menjalankan operasi. Sarjan Polis itu terpaksa berpindah menyewa rumah awam. Saya tanya, "Fasal apa Tok Sarjan pindah?" Dia kata "rumah saya ini terpaksa jadi pejabat." Saya rasa bukan sahaja pilu, tetapi rasa malukan diri, sebab sebagai salah seorang anggota Kerajaan, kita gagal memperbaiki bangunan polis walaupun sudah rosak begitu lama. Untuk menjaga maruah bersama. saya berharaplah pihak Kerajaan tolonglah memberi perhatian kepada Balai Polis Kati ini supaya Datuk Sarjan itu boleh pindah balik duduk di rumahnya dan tidak menyewa lagi,

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh Fasal 2. Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 26 Akta untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai-pegawai polis mendirikan sekatan-sekatan jalan. Pada masa sekarang hanya pegawai kanan polis sahaja yang mempunyai kuasa tersebut. Pindaan ini adalah dialu-alukan memandangkan jumlah pegawai-pegawai kanan polis adalah amat terhad, sedangkan kejadian-

kejadian jenayah kita tahun demi tahun kian bertambah. Misalnya seperti yang dilaporkan di dalani Buku Anggaran Belanjawan. Program dan Prestasi bagi tahun 1988 adalah seperti berikut:—

"Tahun 1986 bilangan penjenayah yang ditahan oleh polis—183; tahun 1987 meningkat kepada 246 dan diramalkan dalani tahun 1988 pada 269.

Bilangan tangkapan dalam 1986—9,095; dalam tahun 1987—11,456 dan diramalkan di dalam tahun 1988—16,877."

Dengan memperluaskan kuasa atau menurunkan kuasa itu kepada mana-mana pegawai polis di mana jumlahnya lebih banyak daripada bilangan pegawai-pegawai kanan polis, maka kecekapan bertindak akan dapat dipertingkatkan bagi mencegah atau menghalang pergerakan penjenayah yang menggunakan jalanraya. Tidaklah seperti apa yang disebutkan oleh wakil dari Bukit Mertajam. Dia kata, tambah kuasa, dia tidak faham baca undang-undang. Bukan tambah kuasa tetapi meluaskan, menurunkan kuasa. Dia tidak faham makna "tambah" dengan "meluas", tetapi dia sudah lari. Pendeknya, semakin cepat perintah mendirikan sekatan jalanraya itu dapat dibuat, semakin berkesan tindakan mencegah pergerakan penjenayah itu dapat dilakukan oleh pasukan polis. Dia hendak melambatkan, pihak Bukit Mertajam ini, dia suka Kerajaan tidak cekap menentang penjenayah. Makin banyak penjenayah, makin banyak modal dia, Makin aman negara ini, makin ruyub pengaruh DAP. Ruyub maknanya lemah. Ini yang dia takut. Kita hendakkan aman. Bila negeri kita aman, rakyat sudah yakin percaya, bilangan 24 ini akan turun, Ini dia takut.

Namun demikian, untuk menangkap seorang penjenayah itu tidak semudah seperti yang disangka atau tidaklah senang seperti yang difikirkan kerana penjenayah-penjenayah itu memang pintar dan bijak menggunakan tipu muslihat. Kadang-kadang yang sudah dikurung di dalam penjara pun berjaya melepaskan diri. Itulah kebijaksanaan penjenayah ini. Duduk dalam kurung pun terlepas. Kebanyakan penjenayah-penjenayah itu memiliki senjata yang amat merbahaya kerana mereka bersikap membujur lalu melintang patah. Kepintaran mereka boleh dilihat dari kecekapan mereka menggunakan kenderaan. Bukan sahaja laju, malah kenderaan itu silih berganti, misalnya daripada motosikal kepada kereta dan kadang-kadang kereta itu bertukar-tukar daripada satu jenis kepada satu jenis yang lain, padahal kereta itu bukan kepunyaan mereka sendiri. Kadang-kadang nombor kereta itu berubah-ubah. Demikianlah kepintaran penjenayah itu sehingga boleh mengelirukan anggota polis kita yang mengadakan sekatan jalanraya. Oleh yang demikian, kuasa untuk mengadakan sekatan jalan belum mencukupi jika kita tidak dapat mengatasi kepintaran penjenayah-penjenayah itu/ Untuk mencapai prestasi yang baik dalam gerakan mencegah pergerakan penjenayah yang menggunakan jalanraya itu, pada pandangan saya, ada beberapa pendekatan yang boleh difikirkan oleh pihak polis.

Pertamanya, bagi menghilangkan kekeliruan ke atas nombor-nombor kereta yang palsu, pihak polis patutlah menasihatkan kepada tuan-tuan punya kereta supaya menuliskan dengan terang nombor-nombor kereta di setiap sudut cermin-cermin kereta. Walaupun hari ini telah banyak tuan-tuan punya kereta telah menulis nombor keretanya pada cermin-cermin itu, tetapi masih banyak lagi!

yang tidak mengambil indah, yang tidak membantu polis bagi menyelamatkan kereta mereka sendiri,

Saya rasa satu kempen untuk menulis nombor di cermin-cermin ini patut dipertingkatkan kerana dengan mengadakan nombor yang sah di cermin-cermin ini, kita akan dapat melawan kepintaran penjenayah yang suka menukar nombor dari satu nombor ke satu nombor. Barangkali kalau dia hendak mencuri kereta satu dozen, nombor palsu dia sudah siap. Hendak lalu Balai Polis ini pasang nombor yang lain, sampai sana dia pasang yang lain. Kita tengok nombor, ini bukan, pas, pas. Kita dapat maklumat nombor 4467, kereta yang datang nombornya 7798, lepas. Dia bijak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta ringkaskan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vjandran): Sekurang-kurang yang boleh 5 minit.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Seminit?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 5 minit.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Oh! 5 minit. dan pemeriksaan hendaklah dibuat ke atas nombor yang tercatat pada cermin-cermin kereta itu, tidak hanya melihat kepada tempat nombor yang biasa sahaja. Dengan yang demikian kita akan dapat mengesan dengan tepat kereta-kereta yang lalu-lalang di jalanraya berdasarkan maklumat yang diterima oleh pihak polis.

Yang kedua, satu unit penembak tetap di kalangan anggota-anggota polis hendaklah diwujudkan dan

mereka yang sudah terlatih itu hendaklah ditempatkan sekurang-kurangnya seorang pada setiap masa di pusat-pusat pemeriksaan itu kerana banyak kes yang dilaporkan menerusi media-massa penjenayah-penjenayah yang terserempak dengan pusat pemeriksaan itu berjaya melepaskan diri sekalipun beberapa tembakan telah dilepaskan oleh anggota polis yang berkawal kerana tembakan itu tidak tepat pada sasarannya kerana mereka ini bukan penempak tepat, orang biasa, lebih kurang pandai sedikit daripada saya. Kalau polls ini tembak lapan, saya tembak dua. Itu sahaja, tetapi mereka yang tepat sepuluh dia boleh tembak, sepuluh bagi, sepuluh kena. Oleh itu, pasukan penembak tepat ini adalah suatu pendekatan yang boleh mengatasi kepintaran penjenayah, yang cuba melepaskan diri daripada sekatan polis.

Yang ketiga, pasukan yang ditugaskan untuk mendirikan sekatan jalan itu patutlah mempunyai disiplin yang tinggi, terutama dari segi menjaga keselamatan diri mereka sendiri. Apa yang sering kita dapati anggota-anggota polis yang ditempatkan di suatu pusat pemeriksaan itu duduk berkelompok atau berdekatan di antara satu sama lain. Keadaan yang seumpama ini amat membahayakan keselamatan diri mereka. Jika penjenayah itu menggunakan bom tangan atau machine-gun maka sudah pasti seluruh anggota serentak akan terkorban. Perkara ini patutlah diberi perhatian yang serius kerana kita tidak mahu mendengar berita anggota polis kita menjadi mangsa penjenayah sebelum melawan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Keempat, apabila sekatan jalan itu dibuat pada waktu malam, anggota-anggota polis kita menggunakan lampu picit untuk memberhentikan kenderaan. Saya fikir cara ini tidak

patut lagi diamalkan kerana jika berlaku sesuatu insiden sama ada tembakan yang dilepaskan oleh penjenayah yang terserempak dengan anggota polis itu, tentulah polis itu mudah menjadi mangsanya. Saya mencadangkan supaya lampu-lampu isyarat secara moden hendaklah digunakan dan lampu picit itu adalah cara tradisional.

Kita sekarang ini sudah zaman kereta api, bukan zaman kereta lembu. Kita masih duduk dengan cara kereta lembu, atas sedikit daripada zaman dahulu, pakai damar, sekarang ini pakai torchlight. Suluh, suluh pam, ditembak oleh orang, habis. Ini disiplin yang kena jaga.

Saya selalu balik malam-malam dari Kuala Lumpur Lenggong sebab itu saya bercakap ini dari pengalaman sendiri. Kalau di tempat-tempat sekatan jalanraya itu ada lampu-lampu isyarat seperti lampu-lampu isyarat yang digunakan oleh ambulan atau lain-lain, keselamatan anggota yang ditugaskan mendirikan sekatan jalanraya itu akan lebih terjamin. Boleh lagi, Tuan Speaker, sedikit lagi?

Timbalan Vang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):
Gulungan.

Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Satu fasal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai seksyen 27(2A). Seksyen baru (2A) iaitu berbunyi:

"(2A) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah subseksyen (2) hendaklah dibuat oleh suatu pertubuhan atau bersesama oleh tiga orang individu."

Saya tidak nampak apa manfaatnya kelonggaran itu dibuat iaitu selain daripada pertubuhan, dibolehkan juga oleh tiga orang individu untuk mendapatkan lesen. Saya rasa amatlah

sukar untuk memastikan permohonan yang dibuat oleh tiga orang individu itu bebas dari pengaruh sesuatu pertubuhan walaupun ada peruntukan di bawah subseksyen (2s), pihak polis boleh menolak sebarang permohonan oleh tiga orang individu jika dia tidak berpuas hati bahawa perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu tidak dibentuk oleh sesuatu pertubuhan.

Saya mencadangkan supaya subseksyen (2A) perkataan "atau bersama oleh tiga orang individu" itu dipotong terus kecuali setelah mendengar penjelasan yang munasabah dan memuaskan oleh pihak Kerajaan.

Maka dengan ini, saya menyokong Akta Polis (Pindaan) 1987 ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat berucap, suka saya menyatakan di sini bahawa saya terpaksa menghadkan ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada 10 minit sahaja dan dalam pada itu saya berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat menumpukan kepada tajuk perbahasan di hadapan kita, tidak boleh meleret-leret meratarata sebab masa dihadkan 10 minit sahaja.

Saya jemput Yang Berhormat dari Larut.

5.47 ptg.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang kepada saya berucap mengenai Rang Undang-undang Polis 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju dengan wakil DAP, Ahli dari Bukit Mertajam yang mengatakan masanya tidak cukup untuk membaca Rang Undang-undang Reran a diberi dua atau tiga hari sebelum itu. Ini

disebabkan oleh orang-orang DAP tidak cekap, seperti orang-orang Barisan Nasional membaca Rang Undang-undang dan kerana mereka tidak suka pada undang-undang.

Kedua, ianya berkata negara tidak lagi liberal sekiranya undang-undang ini diluluskan. Yang sebenarnya Perdana Menteri telah liberal dan telah memberi kebebasan yang banyak kepada parti-parti Pembangkang setelah ianya menjadi Perdana Menteri dan tidak siapa pun memuji beliau bila beliau melepaskan tahanan politik bila menjadi Perdana Menteh tetap bila ISA diperketatkan dan menangkap beberapa orang baru-bam ini, semua orang mengeji beliau, melainkan saya seorang sahaja bersetuju dengannya (*Ketawa*).

Tuan " Yang di-Pertua, usaha membentangkan Akta ini bukan bertujuan menindas, gila kuasa atau tamak tetapi bertujuan kerana hendak menjaga kepentingan orang awam, rakyat jelata, termasuk juga DAP dan PAS.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri tidak akan membentangkan undang-undang ini dan undang-undang semalam jika kita mempunyai latarbelakang seperti di England umpamanya, kita telah memperkatakan, dengan izin, the maxim audi alteram partem, right to be heard, natural justice, judicial review dan lain-lain telah pun dipersoalkan semalam, memang sesuai dengan latarbelakang dan adat resam di negara tersebut kerana mereka tidak mempunyai orang-orang macam DAP dan PAS dan mereka tidak perlu kepada ISA, OSA dan undang-undang seperti yang dibahaskan ini.

Deniikian juga di Jepun, mereka tidak berkehendakkan ISA, atau undang-undang seperti yang dibahaskan ini kerana semua rakyat taat kepada negara. Semasa saya di Mahkamah Agung di Jepun, saya

terpegun kerana sudah sekian lama tidak ada perbincangan kerana banyak masalah diselesaikan oleh Tok Penghulu, Ketua Kampung dan Pegawai Daerah ataupun Ketua Bahagian melalui Tribunal ataupun natural justice secara Jepun dan begitu juga dengan cara Audi alteram Partem. Mengikut 3 hakim yang menemui saya mereka juga tidak ada masalah macam DAP dan PAS, kalau pun ada perbincangan di Mahkamah, hanya mengenai kontrak di antara Jepun dengan Australia, Malaysia, England atau negara-negara lain. Saya yakin kalau rakyat kita berlatar belakang seperti di Jepun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan membentangkan Rang Undang-undang Polis dan Rang Undang-undang OSA dan juga undang-undang hukum gantung kepada pengedar dadah.

Tuan Yang di-Pertua, tiap kali Rang Undang-undang dibentangkan, DAP selalu menuduh bahawa Kerajaan menekankan kebebasan dan menindas mereka. Kerajaan tidak berniat untuk menindas mana-mana pihak, tetapi dalam bahasa Melayu orang Melayu berkata "siapa yang makan cabai, orang Kedah kata cabai, dialah merasa pedas". Kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak zalim, tidak menekan dan walaupun kuasa diberi kepada Polis, dan kepada sesiapa pun kuasa itu tidak boleh digunakan secara *ultra vires* lebih daripada yang diberi. Dalam bahasa Latinnya "*delegates non potest delegare*, dengan izin, Soal-soal itu tidak boleh bertindak lebih daripada kuasa yang diberi kepadanya, dengan ringkasnya, dan undang-undang lain pula akan dikenakan kepada orang-orang yang ber "*delegatus non potest delegare*".

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa maknanya itu Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Kuasa yang diserahkan ataupun yang diberikan kepada seseorang itu tidak boleh melebihi apa yang diberi, kalau dia seumpamanya, dengan izin, acting *ultra vires*, he also wil be prosecuted. Cukuplah itu sahaja. Terima Kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato* Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.52ptg.

Tuan Hashim bin Satin (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turwt membahas Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Polis 1967.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya sekali lagi menyanjung langkah Kerajaan untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan dan ketenteraman awam dalam keadaan yang sama. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat melihat apa-apa yang dibuat ini adalah berdasarkan pengalaman dan pahit maung yang telah dialami oleh rakyat Malaysia yang telah diperhatikan oleh Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menjamin ketenteraman dan keselamatan awam, di mana berlakunya tindak-tanduk, perbuatan, kegiatan, pergerakan beberapa kelompok parti-parti politik tertentu yang memungkinkan berlaku kehuru-haraan dan berlaku pergaduhan di kalangan masyarakat, adalah memberi inspirasi kepada Kerajaan untuk meminda Akta ini demi keselamatan ke semua, termasuk orang-orang yang sentiasa menentang Kerajaan. Jadi tidak timbul soal loceng maut, kerana loceng maut itu hanya berlaku di dalam mimpi mereka yang terlalu takut kepada bayang-bayangnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada satu hujah yang diberi ataupun selalu diberi oleh wakil-wakil DAP ini bila bercakap soal ini mewakili rakyat Malaysia. Satu pengakuan yang amat dayus dan bohong sekali kerana kitalah sebenarnya mewakili rakyat Malaysia sebahagian besar dan sentiasa menjaga kepentingan awam dan juga satu tuduhan yang amat mendukacitakan yang menandakan bongkak, sombong pihak DAP yang mengatakan kita tidak pernah memerhatikan bahawa pindaan ini merugikan rakyat. Yang sebenarnya ini adalah satu tuduhan yang melulu, yang menyebabkan pihak DAP ini bertindak sebegitu rupa.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian dalam perkara ini kepada Fasal 4, pindaan kepada Seksyen 27, yang melahirkan seksyen baru 27A, 27a dan 27c. Ini adalah berdasarkan pengalaman-pengalaman yang berlaku dan dibuat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab, sama ada PAS terutamanya yang lebih rapat dan yang lebih arif mengetahui dan saya rasa tidak kurangnya juga dengan DAP.

Di dalam peruntukan ini, kuasa untuk menghentikan aktiviti-aktiviti tertentu yang diadakan, selain daripada sesuatu tempat awam, perkara ini telah diambil kesempatan yang sebegitu rupa sekali oleh parti-parti politik, terutamanya PAS yang suka saya menceritakan bahawa PAS ini begitu rupa mengambil kesempatan daripada kejahilan orang awam, orang ramai. Mereka sentiasa mengadakan perjumpaan, ceramah di satu tempat, di rumah-rumah orang tertentu, diberinya upah kepada tuan rumah ataupun tuan kawasan rumah tersebut, kemudian mereka memungkah orang-orang kampung, orang-orang tua, makcik-makcik yang tidak tahu apa-apa di atas niat memperjuangkan Islam, jihad, pungut derma jihat dan sebagainya. Ini mereka memperalatkan dan perkara

ini tentunya menganiaya rakyat, bukan boleh menolong rakyat, apatah lagi kalau di tempat ceramah dengan sengaja diatur begini.

Mereka membangkitkan soal-soal yang memanaskan darah dan menyeru perkara-perkara yang boleh menyebabkan berlaku ketegangan di antara mereka yang mendengar, inaka perkara ini memang patut diambil tindakan untuk menyekat. Tetapi apa yang berlaku selama ini pihak Polis sendiri agak sukar untuk melakukannya kerana mereka mendakwa bahawa kawasan yang mereka buat, kawasan mereka, hak mereka. Dengan adanya peruntukan ini tentunya boleh menjamin, kerana berdasarkan pengalaman yang lepas-lepas, semasa pilihanraya atau sebelum pilihanraya yang lepas, PAS sentiasa mengambil kepentingan ini untuk kepentingan politik mereka. Jadi, kita jua dapat melihat misalnya, peristiwa MEMALI. Perbuatan ini telah dilakukan kerana belum ada peruntukan ini. Mereka boleh berkumpul lebih daripada 20 orang dan bahkan beratus orang untuk berkumpul dengan satu perkara yang bertujuan mengembangkan agama, mengajar agama, tetapi apa yang berlaku adalah di sebalik itu.

Nawaitu mereka dapat kita kenali dan sudah dapat kita melihat bagaimana peristiwa MEMALI itu satu peristiwa yang menyedihkan. Merupakan satu titik hitam di dalam sejarah politik kita dan saya yakin dan percaya, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan ini, barangkali dapat kita mengelakkan peristiwa MEMALI kedua, ketiga dan sebagainya.

Satu lagi yang sedang berlaku sekarang di mana PAS ini setelah kecewa di dalam pilihanraya yang lepas masih lagi berusaha untuk menngumpulkan orang-orang dari kawasan-kawasan lain—timbulnya pondok-pondok haram tanpa

berunding dengan pihak berkuasa Kerajaan Negeri, dari segi penggunaan tanah, penggunaan api, "penggunaan air, pembinaan masjid, madrasah, surau dan semuanya melanggar peraturan-peraturan yang ada. Mereka mengatakan hak mereka, tanah mereka, mereka beli 10 ekar, 20 ekar dan sebagainya. Di kawasan Bukit Gading, ada sekelompok kumpulan yang sentiasa mengumpul orang-orang, penyokong-penyokong PAS yang tidak berdosa, yang tidak tahu apa, dikumpulkan di satu kawasan, tanah yang mereka beli lebih kurang 10 ekar, dan mereka sentiasa menghasut untuk menentang Kerajaan. Bukan nawaitu untuk mengajar ajaran agama tetapi untuk berkumpul demi menentang Kerajaan. Jadi, dengan adanya peruntukan ini boleh memberi kesempatan kepada pihak Kerajaan, khususnya Polis mengambil tindakan awal untuk mencegah daripada berlaku perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pindaan seksyen 26, dengan memotong perkataan "kanan" yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Polis untuk mengadakan sekatan-sekatan jalan raya. Ini adalah satu perkara yang baik untuk menyebabkan ataupun membolehkan Pegawai-pegawai Polis bertindak dengan cekap, cepat, selamat dan secara serentak bila berlaku perkara-perkara yang berbangkit di kawasan-kawasan ataupun di daerah-daerah tertentu. Saya dapat melihat jikalau perkara ini tidak diberi kuasa, tentunya akan melambatkan sedangkan perkara yang berlaku barangkali memerlukan tindakan yang cepat dan cergas.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada Fasal 5, pindaan kepada seksyen 30 yang memberi kuasa kepada Ketua Polis Negeri, Polis Daerah ataupun

sesiapa yang diturunkan kuasanya untuk manahan ataupun menyekat, mengambil tindakan kepada perkara-perkara yang juga sentiasa berlaku sebelum daripada ini di mana sepanduk-sepanduk, bendera-bendera, poster, tulisan, pembesar suara digunakan secara bebas oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan mereka tetap mengatakan hak mereka di kawasan mereka, hak di kawasan tanah dan bangunan mereka tetapi kita dapat melihat pembesar suara ini tentunya dapat merangkumi kawasan yang luas, boleh mengganggu ketenteraman awam, apatah lagi kalau di dalam ceramah, di dalam ucapan mereka memaki-hamun Kerajaan, pembesar-pembesar, pemimpin-pemimpin tanpa alasan. Perkara ini patut kita sekat penggunaan-penggunaan ini.

Saya tertarik misalnya apa yang dibuat oleh PAS. Saya suka bercakap secara terus terang, penggunaan tulisan, sepanduk ini kadang-kadang memalukan kita sampai mengatakan PAS itu Allah, parti Allah dan sebagainya. Ini patut dikawal. Jadi dengan adanya peruntukan ini membolehkan Ketua Polis Negeri atau Ketua Polis Daerah atau Pegawai-pegawai Polis bertindak cara tegas, secara cepat untuk mengelakkan perkara-perkara ini tidak berlaku. Jadi dalam hal ini saya lagi sekali mengatakan bahawa segala pindaan yang dibuat ini adalah untuk menjamin ketenteraman awam, untuk membolehkan Kerajaan bertindak dengan tepat, cergas dan selamat, tindakan yang dibuat tidak lain dan tidak bukan untuk memberi manfaat kepada semua pihak.

Saya rasa patutlah kita menyokong tindakan-tindakan ini kerana ianya terbukti memberi kebaikan kepada keseluruhan rakyat yang cintakan keamanan, yang ingin melihat keharmonian dan kesejahteraan berlaku di negara kita. Kita ketepikanlah pandangan-pandangan mereka

yang tidak pernah memandang baik, menganggap baik, apa-apa yang dibuatkan oleh Kerajaan dan dengan menggunakan istilah-istilah yang negatif sekati terhadap tindakan-tindakan yang dibuat oleh Kerajaan.

Dengan ini, saya turut menyokong pindaan-pindaan yang telah dibuat itu.

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Batu Gajah.

6.03 ptg.

Tuan Ting Chek Ming (Batu Gajah): Tuan Speaker, pertamanya, Parti DAP tidak setuju dengan hujah-hujah untuk meminda Rang Undang-undang Polis (Pindaan). Yang baru-baru ini dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kedua, Tuan Speaker, sekarang kera telah datang ke Parlimen dan melalui proses Parlimen untuk menghancurkan bunga ini dengan cara meminda Rang Undang-undang Polls (Pindaan). Bunga ini adalah parliamentary democracy dan pihak DAP adalah menghargai atau treasure, dengan izin. Pihak DAP hendak mengusir kera keluar daripada Parlimen, walaupun 9 orang Ahli Parlimen DAP masih ditahan di bawah ISA.

Tuan Speaker, Rang Undang-undang Polis (Pindaan) telah menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang bersifat menekan atau, dengan izin, oppressive, bankrupt dan tidak lagi menghormati mana-mana pihak yang tidak bersetuju dengannya.

Pembentangan Rang Undang-undang Polis (Pindaan) juga menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional bersedia menyalahgunakan Parlimen untuk mencapai tujuannya yang amat tidak suci iaitu menafikan hak-hak asasi rakyat yang sah, yang dijamin oleh Artikel 10 (1) (a), (b) dan (c) Perlembagaan Persekutuan.

Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, under Article 10 (1), it states:

- (a) every citizen has the right to freedom of speech and expression;
- (b) all citizens have the right to assemble peaceably and without arms;
- (c) all citizens have the right to form associations.

Kerajaan Barisan Nasional mahu-menghapuskan semua orang yang tidak sukakannya atau

Tuan Hashim bin Satin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat! nanti sekejap. Ya, Yang Berhormat dari Tanah Merah minta apa?

Tuan Ting Chek Ming: Duduklah — jangan buang masa.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan!

Tuan Ting Chek Ming: Duduk! jangan buang masa.

Tuan Hashim bin Safin: Saya pun ada Perlembagaan di sini, jangan baca sekerat.

Tuan Ting Chek Ming: Sit down! Jangan kacau.

Timbalan Yang di Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay! teruskan Yang Berhormat.

Tuan Ting Chek Ming: Thank you.

..... atau yang membantah kezaliman dan penyelewengannya.

Pemotongan perkataan "kanan" di Fasal 2 dan Fasal 3 (a) adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis mendirikan sekatan jalan di bawah Seksyen 26 (1) Akta ibu. Sekiranya penguatkuasaannya tidak dilakukan dengan baik, ia akan menyulitkan orang ramai

serla mungkin mengakibatkan kehilangan atau kerosakan harta benda rakyat jelata.

Adalah sangat dahsyat untuk memikirkan bahawa seorang anggota polls biasa yang baru sahaja tamat latihan diberi tanggungjawab yang berat seumpama ini, yang menjejaskan kebebasan dan hak-hak asasi rakyat jelata. Sebelum jriipun terdapat kes-kes penyalahgunaan kuasa oleh Polls. Contohnya dalam tahun 1985, Pefdana Menteri sendiri telah dibenarkan oleh pihak Polis untuk mengadakan perhimpunan-perhimpunan raksasa di seluruh negara, tetapi pihak Pembangkang dinafikan hak ini.

Fasal 3 (g), (5A) pula memberi kuasa luas kepada pihak Polis untuk menangkap dan mendakwa orang-orang yang tidak berdosa, yang menghadiri perjumpaan atau mengambil bahagian dalam sesuatu perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang merupakan perhimpunan haram. Walaupun orang-orang itu tidak tahu yang perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu adalah suatu perhimpunan haram ataupun tidak tahu fakta-fakta atau hal-hal keadaan yang menjadikan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu suatu perhimpunan haram. Adakah adil untuk mendakwa orang yang tidak berdosa bagi sesuatu kesalahan yang tidak dilakukannya pada hakikatnya.

Pada pandangan saya Fasal 3 (g), (5A) dan Fasal 3 (g), (5B) adalah bercanggah kerana Fasal 3 (g), (5) mengatakan tidaklah menjadi sesuatu pembelaan, tetapi mengikut Fasal 3 (g), (5s) adalah menjadi satu pembelaan.

Fasal 3 (g), (5c) telah meminda, dengan izin, "the burden of proof kepada si pembela.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut prinsip utama, dengan izin, "the cardinal rule of the criminal law atau

Undang-undang jenayah adalah menjadi tanggungjawab pihak pendakwa untuk membuktikan bahawa orang yang didakwa itu benar-benar bersalah (beyond reasonable doubt), dengan izin, akan tetapi Fasal tersebut telah memusnahkan prinsip utama itu dengan memindahkan "the burden of proof" kepada pihak orang yang didakwa, maka adalah amat ketara bahawa Kerajaan Barisan Nasional sedang cuba menubuhkan sebuah negara dengan sebuah parti sahaja atau dengan izin, "one party State" sepertimana diamalkan, di beberapa negara Amerika Latin atau Fiji, sebuah rejim yang Perdana Menteri telah membela dengan sesungguhnya daripada disingkirkan dalam Persidangan Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Polis (Pindaan) ini adalah amat menekan dan ia akan menjadikan Malaysia sebuah negara Polis kerana selepas pindaan-pindaan ini diluluskan suara bantahan atau, dengan izin, "the voice of dissent" seperti parti-parti Pembangkang dan Badan-badan Pendesak akan hidup dengan ketakutan sepertimana berlaku di negara Jerman di bawah Rejim Hitler di mana suara pembantah takut akan pihak S. S atau Gestapo. Perkara yang sama berlaku apabila Russia berada di bawah pemerintahan kuku besi Stalin. Apakah kita akan mempunyai seorang Hitler No. 2 atau Stalin No. 2 di negara kita?

Tuan Pengerusi, Fasal 3 (h) (8) juga bersifat sangat menekankan, ia akan merampas kuasa budi bicara kehakiman apabila menjatuhkan hukuman. Pindaan

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan.

Tuan Ting Chek Ming: Tidak beri, duduk! Jangan buang masa saya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Penakut.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat dari Batu Gajah.

Tuan Ting Chek Ming: Don't disturb. Mind your own business. Ia akan merampas kuasa budi bicara kehakiman apabila menjatuhkan hukuman. Pindaan seumpama ini merupakan satu ancaman terhadap setiap warganegara, terutamanya Wakil-wakil Rakyat kerana seorang Wakil Rakyat terpaksa memikir dua kali beliau ingin berjumpa dan berucap kepada penghuni-perighuni, penyokong-penyokong, malah ahli-ahli partinya.

Fasal 3 (i) 8A adalah sengaja diperkenalkan untuk menjadikan Seksyen 173A dan tidak boleh dipakai. Seksyen 294 Kanun Prosedur Jenayah juga tidak boleh dipakai dan relevant. Akibatnya ialah yang pertama ia menafikan mahkamah kuasa budi bicaranya untuk menjatuhkan hukuman bersifat non-custodial, dengan izin, Tuan Speaker.

It will leave the court without any choice any more to pass the non-custodial sentence or minimum fine and a jail sentence becomes mandatory.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Ting Chek Ming: Kedua, ia ditujukan terhadap warganegara-warganegara khasnya Wakil-wakil Rakyat, orang perseorangan, yang berani dan lantang menentang

Kerajaan seperti Tan Sri Ahmad Noordin, bekas Ketua Audit Negara, para akademik yang terlibat dalam pergerakan hak-hak asasi yang dijemput untuk berucap atau menghadiri mana-mana Seminar atau Majlis selain daripada menghadapi risiko hilang kerja dan pencen mereka kerana apabila disabitkan kesalahan, mahkamah wajib mengenakan denda sekurang-kurangnya \$2,000 atau dipenjarakan secara mandatory.

Pindaan di bawah Fasal 4 memperkenalkan Seksyen baru 27A (1) yang berbunyi:

"Jika apa-apa aktiviti berlangsung di atas atau di dalam mana-mana tanah atau premis yang tidak merupakan suatu tempat awam".

Pindaan tersebut pasti akan menjejaskan hak-hak rakyat untuk berhimpun secara aman, menubuhkan persatuan walaupun aktiviti-aktiviti itu adalah untuk mempertahankan hak-hak dan harta-benda mereka sendiri sepertimana terjamin oleh Artikel 10 (1) (b) dan (c) Perlembagaan Persekutuan. Berkenaan perkara

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Ting Chek Ming: Lagi 2 Fasal.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Setengah minit sahaja diberi.

Tuan Ting Chek Ming: Berkenaan dengan Fasal 4, Seksyen baru 27.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Tanah Merah.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan. Dua kali sudah sebut Fasal Artikel 10 Perlembagaan.

Tuan Ting, Chek Ming: (*Bangun*)

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan. Jangan tuduh sahaja.

Tuan Ting Chek Ming: Tuan Speaker, saya tidak beri penjelasan, sebab tidak ada masa.

Tuan Hashim bin Safin: Kita boleh hujah ini, baca sekerat begini! tidak acilah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia tidak beri. Yang Berhormat, dia tidak mahu hujah Yang Berhormat. Teruskan Batu Gajah.

Tuan Ting Chek Ming: Perkataan-perkataan di Fasal 4, Seksyen baru 27A (1) yang telah saya sebut dan perkenan-perkenan di Fasal 27A (3) yang berbunyi:

"maka aktiviti yang berkenaan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu aktiviti haram" adalah terlalu kurang jelas dan terlalu luas.

Perkataan-perkataan begitu tentulah akan disalahgunakan oleh pihak-pihak berkuasa, maka jika pindaan ini diluluskan, dengan izin, A man's house is no longer his castle.

Fasal 4, Seksyen 27A (4) telah memindah the burden of proof, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa telah cukup. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Ting Chek Ming: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Kota Setar.

6.15ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang-di-Pertua, saya bangun untuk ^membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Polis 1987 seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nierangkap Menteri Dalam Negeri pada, hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana saya berpendapat bahawa pihak Polis sangat memerlukan kuasa-kuasa tertentu bagi menjaga ketenteraman awam.

Saya sangat bersimpati dengan pihak yang berkumpul beramai-ramai untuk berbincang perkara-perkara atau isu-isu yang tidak akan mengancam ketenteraman awam ataupun jika mereka tidak berniat demikian tetapi bagi golongan seperti ini saya rasa tidak ada apa-apa kebimbangan oleh kerana mereka boleh diberi kebenaran oleh pihak Polis yang berkuasa. Apa yang kita hendak elakkan ialah golongan atau kumpulan-kumpulan tertentu yang mempunyai niat yang boleh menimbulkan kekacauan dalam masyarakat. Sekiranya kita membiarkan sesiapa sahaja untuk berhimpun dan menunjukkan perasaan tanpa kira akibatnya, maka kemungkinan besar perkara ini akan merebak dan menjejaskan kestabilan negara.

Pada waktu itu keadaan akan menjadi serius dan keamanan susah hendak dikawal. Kita bersedia maklum bahawa satu daripada sebab-sebab yang mencetuskan Peristiwa 13 Mei 1969 dahulu ialah kerana terjadi banyak tunjuk perasaan dari berbagai pihak yang tidak dapat dikawal oleh Polis kerana tidak ada peruntukan undang-undang berkenaan dengannya.

Kita tidak mahu melihat lagi keadaan di mana pihak Polis tidak dapat berbuat apa-apa apabila tunjuk perasaan dan rusuhan dilakukan oleh

pihak yang tidak bertanggungjawab. Sebaiknya, kita ingin melihat keadaan di mana pihak yang ingin membuat perarakan atau tunjuk perasaan faham atas perbuatan mereka dan mereka ini boleh dibawa ke mahkamah sekiranya didapati rnelanggar peraturan.

Saya tidak setuju dengan hujah-hujah pihak Pembangkang yang mengatakan bahawa Wakil-wakil Barisan Nasional tidak ingin mempertahankan prinsip-prinsip demokrasi. Sebenarnya, kesemua Wakil-wakil Barisan Nasional cintai demokrasi, sebab itulah mereka akan menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Polis ini supaya ketenteraman dapat dijamin. Sekiranya kita terus membiarkan keadaan di mana kumpulan-kumpulan minoriti yang tidak berpuas hati dengan dasar-dasar Kerajaan dan bertindak sesuka hati mereka, umpamanya mengadakan perarakan yang boleh menimbulkan ketakutan orangramai maka sudah tentu ada pihak yang lain yang akan menentangny. Ini akan mencetuskan perbalahan dan rusuhan akan berlaku. Demokrasi sebenarnya sangat mementingkan keamanan di mana tidak ada kewanitaan maka demokrasi tidak akan hidup.

Saya tidak setuju dengan pendapat Wakil Batu Gajah yang mengatakan bahawa pihak Barisan Nasional mahu menghapuskan sesiapa yang tidak bersetuju dengannya. Dakwaan ini tidaklah betul, sekiranya pihak Barisan Nasional ingin menghapuskan semua Pembangkangnya maka saya percaya Dewan yang mulia ini tidak akan mempunyai Ahli Pembangkang langsung, termasuklah Wakil Batu Gajah sendiri.

Saya juga kesal apabila mendengar dakwaan Wakil Batu Gajah bahawa negara kita ini adalah sama seperti Jerman di bawah pemerintahan Nazi atau Soviet Union di bawah Stalin.

Adakah Ahli tersebut faham berkenaan pemerintahan Nazi di Jerman atau Soviet Union di bawah Stalin. Kalau pemerintahan negara ini adalah bercorak sedemikian maka mungkin Wakil Batu Gajah sudah lama mati di gas chamber. Tetapi perkara ini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak percaya pihak Polis akan menyalahgunakan kuasa-kuasa mereka di bawah pindaan kepada Akta ini, kalaulah perhimpunan dan perarakan diadakan dengan niat yang baik maka tidak ada sebab mengapa pihak Polis tidak akan membenarkannya. Lagi pula pihak Polis mempunyai tanggungjawab yang lebih besar bagi menjaga keamanan. Setiap ancaman terhadap ketenteraman akan menjadi masalah Polis, jadi kita tidak boleh menyalahkan anggota-anggota Polis apabila berlakunya kekacauan sekiranya mereka tidak mempunyai kuasa untuk bertindak.

Akhir sekali, saya berpendapat bahawa mana-mana langkah Kerajaan untuk menjaga ketenteraman perlulah diberi sokongan. Kita tidak mahu melihat di mana pihak berkuasa terlalu liberal sehinggalah perarakan dan rusuhan membawa kepada peperangan dan perpecahan negara seperti yang berlaku di beberapa negara asing seperti Sri Lanka dan Fiji. Keadaan di Sri Lanka contohnya tidak akan menjadi buruk seperti sekarang sekiranya pihak Kerajaan negara itu telah mengambil langkah-langkah yang positif 5 atau 10 tahun dahulu bagi menghalang rusuhan dan percetusan peperangan kaum seperti yang berlaku sekarang.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, baru sebentar tadi Dewan ini telah diminta oleh Perdana Menteri untuk meluluskan satu undang-undang yang nie-mautkan sama sekali segala kebebasan suratkhbar walaupun terhad yang wujud di negara ini. Kini kita diminta sekali lagi meluluskan satu undang-undang yang akan secara berkesan menghapuskan sama sekali hak rakyat untuk berhimpun, menganjurkan apa-apa mesyuarat atau perarakan di mana-mana tempat, baikpun tempat awam atau tempat persendirian tanpa menghiraukan sama ada perhimpunan mesyuarat atau perarakan itu dianjurkan untuk sesuatu tujuan sah atau tidak dan seterusnya menghantarkan orang-orang yang melanggar peruntukan ini walaupun tidak ke penjara, didenda tidak kurang dari \$2,000.

Kita bukan berada di dalam keadaan perang atau darurat yang dahsyat yang memerlukan Dewan ini meluluskan undang-undang yang begitu "extreme". Dengan menghendakkan sesuatu perhimpunan, mesyuarat atau perarakan bagi sesuatu tujuan yang sah di sisi undang-undang, memperoleh kebenaran Polls merupakan satu sekatan yang amat buruk -ke atas hak demokrasi untuk berhimpun dan bermesyuarat secara bebas. Tetapi untuk memenjarakan mereka yang terlibat secara tidak langsung yang tidak didapati di perhimpunan, mesyuarat atau perarakan merupakan satu tindakan tidak lebih daripada terrorise rakyat sehingga mereka menyerahkan hak asasi demokratik mereka ini.

Kami dalam DAP tidak dapat menerima alasan kononnya cadangan pindaan-pindaan ini kepada Akta Polis adalah perlu untuk memelihara ketenteraman awam. Cadangan-cadangan pindaan hanya boleh dilihat sebagai satu tindakan yang bersifat untuk

terrorise rakyat dan pertubuhan-pertubuhan sah daripada menganjurkan atau menghadiri apa-apa perhimpunan atau mesyuarat yang mengkritik Kerajaan dan dasarnya.

Pindaan-pindaan ini adalah bertujuan untuk melindungi Kerajaan dan bukan untuk memelihara ketenteraman awam. Parti DAP sedar bahawa perhimpunan dan mesyuarat-mesyuarat telah dianjurkan oleh berbagai pertubuhan, termasuk UMNO sendiri tanpa permit Polis dan perhimpunan-perhimpunan dan mesyuarat-mesyuarat ini tidak mencetuskan huru-hara atau menyebabkan ketidak ketenteraman awam. Malah apa yang berlaku adalah sebaliknya, iaitu mereka yang tidak bertanggungjawab yang telah mengambil kesempatan akan perhimpunan-perhimpunan yang sah dan aman ini untuk mencetuskan kegemparan dan kegelisahan awam. Pihak Polis seharusnya menangkap pengacau-pengacau ini, bukan mereka menganjurkan perhimpunan dan mesyuarat secara aman dan sah di sisi undang-undang. Kerajaan dan pihak Polis hendaklah cukup ikhlas dan berani untuk membuat satu "distinction" yang jujur tentang siapakah pesalah-pesalah atau "culprit" dan siapakah yang tidak bersalah atau tidak berdosa serta dihadapkan ke mahkamah pesalah-pesalah itu tanpa mengira betapa tingginya jawatan yang disandang dan bukannya datang ke Parlimen dan minta Parlimen meluluskan undang-undang ini untuk memenjarakan orang-orang yang tidak bersalah dan tidak berdosa.

Cadangan pindaan-pindaan ini kepada Akta Polis dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan merupakan langkah-langkah yang tidak dapat dipertahankan yang bertujuan "crack down" serta "paralyse" mereka yang berani menggunakan hak demokrasi mereka untuk menentang secara

terbuka Kerajaan dan dasar-dasarnya. Sekiranya tindakan-tindakan ini adalah merupakan petanda akan keyakinan Kerajaan untuk mengadakan pemerintah yang berkesan, maka adalah jelas dan nyata Kerajaan yang memerintah kini adalah tidak efektif dan merasa dirinya sebagai tidak selamat sehingga ia memerlukan undang-undang seperti ini diluluskan semata-mata untuk melindungi dirinya daripada kritik dan rakyat. Kerajaan yang memerintah kini nampaknya adalah, dengan izin, "ailing dan failing" dan telah hilang "steamnya" sendiri sehingga ia dapati kesukaran untuk mendapati rakyat menerimanya dan dasarnya dan kini ia terpaksa meluluskan undang-undang yang amat tegas dan "repressive" untuk memelihara keselamatan dan "credibility."

Kita tidak ragu-ragu bahawa pindaan-pindaan yang repressive ini akan meluluskan disebabkan Kerajaan mempunyai meajority yang besar di dalam Dewan ini, tetapi biarlah saya mengingatkan Kerajaan bahawa kepentingan-kepentingan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara tidak boleh diselesaikan dengan mewujudkan undang-undang yang bersifat "repressive". Cara tunggal dengan mana Kerajaan boleh berharap untuk memelihara kestabilan dan "credibility" serta ketenteraman awam ialah harus bersikap jujur dan ikhlas terhadap dirinya sendiri, berani untuk menerima hakikat yang ia harus mengubah dirinya dahulu, menerima hakikat bahawa dasar-dasar dan tindakan-tindakannya serta in actionnya telah menyebabkan ~rasa ketidaktentuan dan rasa tidak gembira di negara ini. Kerajaan yang memerintah ini begitu pantas menyalahkan rakyat, khususnya mereka yang berani menegur Kerajaan secara terbuka atas kepentingan-kepetingan dan masalah-masalah yang wujud di negara ini dan disebabkan ini para pelabur asing begitu enggan untuk

melabur di negara ini. Bukan sahaja pelabur-pelabur asing yang enggan melabur di sini, malah lebih ramai lagi rakyat Malaysia yang meninggalkan Malaysia khususnya dengan berlakunya tangkapan 106 orang di bawah Akta ISA baru-baru ini.

Saya difahamkan sejak baru-baru ini banyak kedutaan asing di negara ini telah menerima permohonan-permohonan yang begitu banyak untuk mendapatkan taraf pbmastautin tetap di negara-negara Wrasebut. Mereka yang tidak fikir untuk meninggalkan negara ini, kini sedang memikir untuk meninggalkan negara ini. Mereka yang mempunyai taraf pemastautin tetap negara-negara lain yang sudahpun luput, kini sedang mengambil langkah untuk membaharuinya.

Kami dalam DAP tidak bersetuju dengan tindakan yang diambil oleh mereka ini, tetapi kami memahami sebab-sebab yang menyebabkan mereka mencari tempat beredat di negara lain. Kerajaan sepatutnya menanya dirinya mengapa ini berlaku dan bukan sekadar menidakkan tindakan mereka ini dengan menyatakan bahawa tindakan-tindakan ini adalah "isolated instances" kerana "personal frustration", dengan izin, ataupun sesiapa sahaja adalah bebas untuk meninggalkan negara ini sekiranya mereka tidak suka hidup di negara ini. Terdapat sebab yang menyebabkan mereka ini berbuat demikian dan sekiranya Kerajaan ingin bersikap jujur dengan dirinya, maka ia haruslah bertanya dirinya bagaimana Kerajaan telah menghampakan mereka ini. Bukan sahaja Kerajaan tidak suka dengan mereka yang berani secara terbuka menentang atau tidak bersetuju dengan mereka, tetapi kini telah menjadi rahsia terbuka bahawa Kerajaan tidak suka hati dengan pihak kehakiman. Kerajaan tidak suka dengan cara-cara hakim-hakim kita mentafsirkan undang-undang bahawa

hakim-hakim telah melemahkan kemahuan pihak eksekutif. Semalam Perdana Menteri kita telah meletakkan kesalahan ini ke atas "Common Law System" dan Kerajaan telah didorong untuk menerima pandangan bahawa seorang ini adalah gila sekiranya ia mengikuti "Common Law System".

Saya bercadang di sini untuk memulakan satu perbahasan mengenai apakah itu "Common Law System" dan bagaimana sistem ini menjadi asas sistem perundangan kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, itu tidak kena mengena dengan Rang Undang-undang ini. Teruskan kepada tajuk.

Tuan Gooi Hock Seng: Ini tentang Police Act dan ia ada peruntukan-peruntukan yang perlu

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat telah bercakap berkenaan dengan Common Law, tetapi kita berbincang atas tajuk Rang Undang-undang meminda Akta Polis.

Tuan Gooi Hock Seng: Ya, saya faham, Tuan Yang di-Pertua, sebab ada peruntukan di bawah Rang Undang-undang ini adalah perlu pada masa akan datang Kehakiman ada tugas untuk mentafsirkan peruntukan-peruntukan sebagaimana peruntukan atau Clause 27 yang akan saya terangkan nanti.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, saya beri satu minit lagi, masa sudah lebih.

Tuan Gooi Hock Seng: Saya yakinlah dalam hal ini Karriar Peguam Negara cukup layak untuk menerangkan kepada Perdana Menteri apakah itu Common Law System dan bagaimana Common Law System itu berfungsi dalam konteks perundangan

kita dan saya pasti kekeliruan Perdana Menteri itu mengenai sistem ini akan hilang. Tetapi apa yang mendukacitakan kami adalah selepas 30 tahun sistem perundangan kita dimajukan, selepas kita mempunyai 3 orang Perdana Menteri, Malaysia akan menjadi salah sebuah negara dunia di mana Perdana Menteri sendiri tidak yakin kepada sistem perundangan negara kita sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat dan Kangar.

6.32 *ptg.*

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun sekali lagi untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Polis, 1967 pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi prinsipnya saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi izinkan saya mengemukakan beberapa pandangan dan pendapat untuk perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, kalau boleh dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita semua sedia maklum di masa-masa lampau terdapat begitu ramai perhimpunan-perhimpunan haram diadakan di negara ini oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab khususnya daripada sebuah parti pembangkang di mana kita ketahui bahawa parti itu menggunakan tanah ataupun hakmilik tanah mereka sendiri untuk mengadakan perjumpaan dan diadakan sekatan dengan membina pagar-pagar dan pintu gerbang dan hanya ahli-ahlinya yang dibenarkan

untuk memasuki tanah tersebut mendengar ceramah-ceramah yang diadakan.

Buat sekarang ini tidak terdapat undang-undang di negara kita yang membolehkan pihak Polis untuk memasuki tanah-tanah tersebut, bertindak terhadap mereka yang menganjurkan perjumpaan haram sedemikian rupa. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita semua sedia maklum, di negara kita yang merdeka ini kita mempunyai undang-undang di mana melalui undang-undang ini kita di beri hak untuk memiliki harta termasuk tanah dan rumah, termasuk juga hak jaminan miliknya, dengan izin, the enjoyment of the said property.

Dengan itu, tidak seorang pun yang boleh memasuki tanah kepunyaan kita sendiri ataupun memasuki rumah kita sendiri tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada tuan rumah ataupun tuan tanah tersebut. Itu jelas. Tetapi bagi pihak Polis untuk menjalankan siasatan jenayah mereka berhak memasuki rumah kita ataupun tanah kepunyaan kita dengan syarat pihak Polis terlebih dahulu mendapat perintah daripada mahkamah. Itu diketahui umum. Itu adalah undang-undang negara kita sekarang.

Pada hari ini, kita melihat satu pindaan yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memasukkan satu seksyen iaitu seksyen 27A yang mana ini merupakan kali yang pertama kita melihat satu undang-undang yang mungkin dianggap sebagai satu cabaran kepada hak kita memiliki dan memiliki hak jaminan milik kita itu iaitu the enjoyment of our property, dengan izin. Dengan itu, saya inginlah mengemukakan pandangan dan pendapat saya terhadap cadangan untuk memasukkan seksyen baru 27A. Dengan izin, saya membacakan seksyen 27A yang baru itu:

"Kuasa untuk menghentikan aktiviti-aktiviti tertentu yang diadakan di tempat selain daripada di suatu tempat a wan.

27A. (1) Jika apa-apa aktiviti berlangsung di atas atau di dalam mana-mana tanah atau premis yang tidak merupakan suatu tempat awam (bermakna hak tanah milik persendirian) dan —

- (a) aktiviti itu ditujukan kepada, atau dimaksud untuk disaksikan atau didengar atau disertai oleh, orang-orang di luar tanah atau premis itu, atau dari segala hal keadaan ia dapat difahamkan sebagai ditunjukkan atau dimaksudkan sedemikian; atau
- (b) aktiviti itu menarik kehadiran dua puluh orang atau lebih dari luar tanah atau premis itu; atau
- (c) aktiviti itu mungkin memudaratkan kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau membangkitkan kecauan keamanan.

maka mana-mana pegawai polis boleh. . . .".

Jelas membuktikan kepada kita bahawa ada tiga perkara di bawah Seksyen 27A yang membolehkan seorang Pegawai Polis memerintahkan orang-orang yang terlibat dalam aktiviti ataupun dalam sebarang aktiviti yang tersebut di atas tadi memberhentikan aktiviti tersebut dan boleh juga memerintahkan semua orang yang dijumpai di atas atau di dalam atau di luar tanah atau premis itu bersurai.

Saya berpendapat bahawa Seksyen 27A (a), (b) dan (c) telah memberi suatu kuasa yang amat luas kepada

pihak Polis. Memandangkan bahawa sepertimana yang saya telah jelaskan di negara kita ini kita mengutamakan undang-undang memberi hakmilik harta kepada seseorang individu itu, jadi saya berpendapat eloklah kalau kita hendak memperkenalkan satu undang-undang yang memberi kuasa kepada pihak Polis untuk bertindak memasuki harta hakmilik per-sendirian, eloklah kita menumpukan perhatian kita kepada aktiviti yang mungkin memudaratkan kepentingan keselamatan Persekutuan atarmembangkitkan kekacauan keamanan.

Saya berpendapat bahawa inilah faktor yang utama yang sepatutnya ditegaskan. Dengan lain perkataan, saya mencadangkan bahawa (a) dan (b) dikekalkan, tetapi perkataan "atau" selepas perkataan "aktiviti itu menarik kehadiran dua puluh orang atau lebih di luar tanah atau premis itu;" digantikan dengan perkataan "dan". Dengan itu, kita menumpukan bahawa jika aktiviti itu mungkin memudaratkan kepentingan keselamatan Persekutuan ataupun membangkitkan kekacauan keamanan dan salah satu daripada aktiviti-aktiviti yang tersebut di bawah (a) dan (b) di atas, bolehlah pihak Polis mengambil tindakan untuk memberhentikan aktiviti-aktiviti itu atau memerintahkan orang bersurai.

Cadangan yang kedua, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa perkataan "Pegawai Polis" tadi itu digantikan dengan "Pegawai Kanan Polis" kerana saya berpendapat jika kita sanggup memberi kuasa kepada Polis untuk memasuki tanah kepunyaan kita sendiri, seharusnya seorang Pegawai Kanan Polis diberi kuasa untuk berbuat demikian, bukan seorang Pegawai Polis biasa yang bermakna termasuk Konstabel.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ketiga saya ialah tentang hukuman.

Adalah didapati bahawa mengikut cadangan untuk meminda Akta Polis ini, dicadangkan bahawa hukuman dinaikkan daripada denda \$500 kepada denda tidak kurang daripada \$2,000 tetapi tidak melebihi \$10,000 dan hukuman penjara bermakna penjara mandatori tidak melebihi satu tahun.

Saya berpendapat bahawa cadangan tentang hukuman ini adalah amat berat sekali. Kerana dalam undang-undang di bawah Seksyen 5A baru ada diperuntukkan bahawa tidak menjadi satu pembelaan kepada seorang yang dituduh itu, untuk dia mengemukakan faktor bahawa dia tidak tahu yang perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu adalah satu perhimpunan haram.

Saya berpendapat bahawa jikalau seseorang tidak boleh membela diri kerana dia tidak tahu yang perhimpunan ataupun perarakan itu adalah satu perhimpunan haram, dia tidaklah seharusnya diberi hukuman yang begitu berat sepertimana yang telah dicadangkan.

Saya mencadangkan agar hukuman itu dikurangkan kepada tidak kurang daripada \$10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun. Dengan ini kita memberi kuasa kepada pihak mahkamah untuk menggunakan budibicara mereka mengambil tahu tentang faktor-faktor kes yang tersebut untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dituduh tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Itulah cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk perhatian Yang Amat Berhormat. Dengan itu saya sudahlah ucapan saya dengan menyokong Rang

Undang-undang itu serta dengan mengemukakan pandangan dan cadangan saya.

Timbalan Ynag di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

6.42 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut memberikan pendapat mengenai Rang Undang-undang untuk meminda Akta Polls 1967 ini.

Saya mendapati fasal-fasal yang telah dikemukakan daripada Fasal 1 hingga 5 merupakan fasal-fasal yang ternyata bertujuannya sangat baik dan jelas iaitu bag! memastikan keamanan negara ini terus terkawal. Akta yang telah ada dibuat pada tahun 1967 dan Akta yang hendak dipinda ialah pada tahun ini. Maka ia bermakna telah 20 tahun Akta ini berlalu. Menyedari masa yang begitu lama, sudah barang tentulah perubahan masa, perubahan keadaan, suasana politik serta ekonomi negara ini turut berkehendakkan satu perubahan bagi menjamin keamanan dan juga untuk memastikan negara ini akan terus damai di masa-masa yang akan datang.

Rekod yang telah ditunjukkan oleh Polis memperlihatkan kepada kita bahawa segala yang telah mereka jalankan, memperlihatkan satu bukti yang sungguh baik dan mengagumkan. Saya bukanlah merupakan penyokong Kerajaan yang membabi-but, tetapi adalah satu kesedaran yang saya rasa perlu saya beritahu bahawa walaupun kebebasan itu diberi secara agak lulus baik dalam konsep bersuara, bergerak serta menubuhkan persatuan, tetapi kita meminta dan kita tuntutan bahawa mana-mana pertubuhan dan juga organisasi terutamanya PAS dan juga DAP janganlah mengangap serta

menyalahgunakan hak-hak kebebasan itu sebagaimana yang telah diterakan dalam Perlembagaan. Hatta lembu pun dikandangkan, orang yang salah pun dipenjarakan. Orang gila pun ada kandangnya, ini pula satu negara yang besar. Saya tidak mahu suatu keadaan apabila dan di mana kebebasan itu kemukakan dalam bentuk yang begitu banyak, begini umum maka ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan kelembutan, tolak ansur serta kebaikan budi bicara Kerajaan ini untuk kebebasan serta kepentingan mana-mana pihak yang tertentu sahaja.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa kalaulah sekiranya Akta ini tidak diptndah maka sudah^barang tentulah perkara-perkara yang buruk akan berlaku. Sejarah telah membuktikan bahawa 13hb Mei berlaku kerana terlalu bebas bersatu, bergerak dan mengeluarkan pendapat. Begitu juga baru-baru ini ura-ura perhimpunan besar yang hendak diadakan mencetuskan suasana yang tegang, kerana kebebasan itu terlalu besar diperolehi.

Begitu juga di masa-masa yang akan datang, kita melihat pergerakan parti-parti politik, khususnya PAS dan DAP janganlah dibiarkan terlalu berleluasa, sudah cukup bukti-bukti yang telah mereka jalankan untuk mengadakan perhimpunan, perjumpaan dan juga mengeluarkan pendapat baru-baru ini terutama diambang pilihanraya 1986 menjelaskan kepada kita bahawa kebebasan itu memungkin-kan satu suasana yang tidak baik dan juga yang boleh memudaratkan.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Fasal 3 (g), akan memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Polis untuk menahan ataupun melarang mana-mana perhimpunan sangatlah kita sokong yakni tidaklah diberikan sahaja kepada Pegawai Polis Kanan, tetapi mengarah-

kan perjalanan perhimpunan, perjumpaan atau pergerakan juga. diberikan kepada mana-mana pegawai Polis.

Saya melihat kalaulah Pegawai Kanan Polis sahaja yang diberikan kuasa sedangkan masalah perhimpunan, perjumpaan haram begitu banyak diadakan, maka perlulah diperkembangkan dan diagih-agihkan kuasa itu sesuai dan selaras dengan tuntutan haram yang telah dibuat oleh parti-parti pembangkang khususnya PAS dan DAP yang ter nyata tidak bertanggungjawab.

Baru-baru ini dalam pilihanraya mereka begitu angkuh sehinggakan api merah, traffic light pun dia langgar. Perhimpunan beribu-ribu orang. Di kawasan saya sendiri, Marang dan juga di daerah-daerah lain di negeri Terengganu, 30,000 ke 40,000 orang berhimpun sehinggakan menggemparkan suasana, malah diambang pilihanraya telah ada rakyat yang terpaksa beli beras, makanan untuk disimpan selama 3 hari dan juga untuk seminggu kerana bimbang masalah ini akan berlaku menyebabkan pergaduhan dan percetusan.

Maka saya kira adalah sangat elok kita memberi kuasa untuk melarang mana-mana perhimpunan dan juga perjumpaan tanpa budi bicara dan akal fikiran mereka itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Fasal 3 (e) yakni yang memberi kuasa bukan sahaja kepada Polis untuk menangkap ataupun untuk membicarakan orang-orang yang menganjurkan perjumpaan tetapi juga orang yang dijumpai sebagai pengikut ataupun yang menghadiri di situ ataupun ada yang bersangkutan-paut.

Hari ini kita lihat yang banyak terlibat bukan sahaja penganjur-penganjur tetapi mereka yang tidak faham pun termasuk kanak-kanak sekolah dan juga orang ramai yang telah ditipu daya oleh parti-parti

pembangkang ini turut hadir. Kita mahu bicarakan mereka, mahu pastikan mereka itu bahawa mereka tidak mudah ditipu dan diputarbelitkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini. Maka saya rasa Fasal 3 (e) merupakan satu fasal yang sangat baik, sesuai dengan arus perkembangan yang berlaku pada hari ini.

Begitu juga saya turut menyokong penuh Fasal 3 (h) yang menambahkan tambahan penalti yang mana hukuman minimanya \$2,000 dan maksimumnya \$10,000 dan juga diambil kira tentang hukuman penjara selama satu tahun.

Orang-orang yang ada ini kita kira kalaulah semenjak ini diberikan hukuman yang regdah \$200-\$300 saya rasa mereka ini tidak sedar dan tidak insaf din. Maka saya kira hukuman \$2,000 hingga \$10,000 serta penjara satu tahun merupakan bagi saya hukuman yang minima malah saya anggap hukuman ini patutlah ditingkatkan lagi bukan sahaja \$2,000 tetapi daripada \$5,000 sehingga \$50,000 dan penjara 3 tahun.

Begitu juga Fasal 4, Seksyen 27A yang menyentuh tentang mereka yang berhimpun dalam mana-mana tanah ataupun premis. Ternyata bahawa hari ini banyak organisasi-organisasi terutamanya parti PAS yang telah menggunakan tanah tuan rumah, tidak di tempat awam untuk mengadakan perhimpunan. Apabila Polis hendak tangkap dia, dia kata "apa lu susah, ini rumah kita, lu Polis, sebagai anjing Kerajaan sahaja".

Ini jelas saya mempunyai rekod dan bukti yang sah kata-kata mereka itu. Ini tanah kita, kita boleh ambil apa sahaja tindakan yang kita hendak ambil. Kita boleh buat apa sahaja kita hendak buat. Jadi dia menandakan bahawa orang yang memiliki tanah ini sungguh angkuh dan sombong. Maka saya bersetuju kalau sekiranya Fasal 4, Seksyen baru 27A, 27B dan 27c ditambah bagi membolehkan pihak

Polls mengambil tindakan kepada sesiapa sahaja yang memberikan tempatnya ataupun tanahnya dijadikan sebagai tempat perhimpunan mana-mana parti atau mana-mana pihak yang tidak diluluskan perhimpunan oleh pihak Polls.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat masalah penggunaan tanah-tanah yang sebagai tempat ganti kerana tiada dewan dan sebagainya, hari ini berlaku secara berleluasa terutama di Terengganu khususnya yang telah ditaja oleh parti Pembangkang pimpinan Haji Hadi Awang dan juga Mustapha Ali. Saya kira sudah sampai masa dan ketikanya supaya pihak Polis terus menggunakan kuasa yang ada, bukanlah hanya untuk menunjukkan kuasa secara tidak teratur ataupun secara ikut akal sahaja, tetapi adalah atas niat, atas kesedaran bahawa kita merupakan pemerintah yang bertanggungjawab yang bagi menentukan jenerasi kita tidak mudah diputarbelitkan oleh jenerasi-jenerasi yang tidak bertanggungjawab ini.

Tadi Wakil-wakil DAP ada mengatakan bahawa tindakan ini adalah tindakan ekstrim, tindakan kita ini tindakan Nazi seperti tindakan Hitler, seperti orang-orang di Russia. Tetapi kita mesti ingat bahawa kebebasan yang ada pada Hitler di Jerman dan juga di Russia adalah sangat teraniaya dan kalau kita hendak bandingkan dengan Malaysia, kita jauh lebih baik dari negara-negara tersebut. Kalau DAP merasakan Malaysia, negara ini tidak sesuai, tidak aman, sila DAP boleh keluar. Lucutkan kewarganegaraan, tinggalkan, merdeka, bebaslah, terbanglah ke mana-mana yang dia suka. Kita mahu negara yang kita cintai ini tidak disalah ertikan. Kita kata kita bebas, kita kata kita boleh bersuara, kita kata kita

boleh mengeluarkan pendapat. Tetapi kebebasan bersuara, berpendapat serta menubuhkan persatuan itu mestilah dikawal kerana kita lihat DAP hari ini dan juga PAS hari ni begitu mudah menggunakan kebebasan yang diberikan oleh pemerintah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Oleh yang demikian, sebagai mengu- lungnya, saya ingin mengatakan bahawa kita mestilah jangan persalahkan sikap lemah lembut dan tolak ansur Kerajaan ini sendiri. Kalau sekiranya DAP merasakan tidak senang, DAP boleh tinggalkan negara ini. Begitu juga dengan kuncunya PAS itu sendiri. Saya ingin mengingatkan bahawa dalam mana-mana negara di dunia ini, kebebasan adalah tidak mutlak. Jadi, saya mencadangkan serta menyokong penuh Akta yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Dr Mahathir Mohamad, yang kita kasihi ini agar diluluskan sebulat suara di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuching, selepas itu Menteri menjawab.

6.53 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan saya di dalam membahaskan Akta ini untuk meminda Akta Polis dengan menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Marang yang baru-baru ini menyatakan suatu kenyataan yang amat tidak adil iaitu bahawa jikalau ahli-ahli DAP tidak suka negara kita Malaysia ini, jikalau kami DAP fikir bahawa ketenteraman dalam negara kita kurang, DAP boleh lari tinggalkan negara ini. Ini satu kenyataan yang telah mengandungi sebarang tuduhan yang akan

melahirkan perasaan antara kalangan rakyat seperti DAP tidak taat. setia kepada negara kita. Ini suatu gambaran yang saya mahu memberikan sekarang iaitu DAP membuat teguran, DAP mengkritik pihak Kerajaan

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Marangbangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Sekejap, saya akan beri jalan. Sekejap sahaja. DAP membuat teguran, DAP selalu sedaya-upaya untuk member! criticism yang constructive, bukanlah kerana DAP tidak suka negara kita ini. Oleh kerana ahli-ahli DAP suka dan cinta negara ini, kami mahu menjadikan Malaysia sebagai negara lagi baik. Kerana itu motif DAP untuk menjalankan politik negara kita. Janganlah mengotorkan niat DAP ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa di Jerman, rakyat Jerman

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta penjelasan. Bukan Yang Berhormat memberi penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak jelaskan. Di Jerman, rakyat Jerman yang tidak sukakan Hitler tinggalkan Jerman. Di Russia, rakyat yang tidak sukakan pemimpin komunis Russia, dia tinggalkan. Kenapa DAP yang tidak suka kepada pemerintahan ini tidak tinggal. Tinggallah Malaysia.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, pandangan ini amat tidak bertanggungjawab. Jawapan saya ialah

jikalau warganegara Malaysia seperti Ahli Yang Berhormat dari Marang tidak suka pihak DAP yang ingin menjadikan Malaysia sebagai negara yang lagi baik, jikalau mereka tidak suka DAP, tinggalkan Malaysia. Tinggalkan dan pergi Indonesia, tidak ada DAP di sana. Ini Jawapan saya. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup, sila teruskan. Kita, masa tidak cukup.

Tuan Sim Kwang Yang: Selepas kelulusan Rang Undang-undang ini memang Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang tidak mempunyai ataupun tidak dapat menjalankan sebahagian besar dalam tugas kita sebagai Ahli Yang Berhormat tagi oleh kerana susah mahu membuat perhimpunan dengan pengundi-pengundi. mahu mengadakan mesyuarat DAP Cawangan-cawangan ataupun peringkat negeri. Dan dengan kelulusan tadi, suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) susah mahu mengeluarkan apa-apa kenyataan awam kepada pihak awam, susah mahu memberi apa-apa mesej kepada orang ramai untuk merunding, membincang dengan orang ramai ke atas isu-isu politik yang besar—susah. Walaupun Yang Amat Berhormat PerdanaMenteri tadi bercakap bahawa DAP akan menuduh bahawa demokrasi sudah mati tetapi mereka masih sini, masih tidak mati, boleh berucap. Ini benar, tetapi ini pun satu tanda bahawa walaupun pihak Kerajaan akan meminda dan meluluskan Rang Undang-undang supaya menggubalkan undang-undang baru untuk menghakiskan dan mengongkong mereka yang menentang pihak Kerajaan, pihak Kerajaan tidak akan berjaya sama sekali. Oleh kerana suara menentang pihak Kerajaan, bukan ditimbulkan daripada niat jahat

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay.

Tuan Zubir bin Kmbong: Saya ingin minta penjelasan, daripada Yang Berhormat dari Bandar Kuching, apakah sehingga ke hari ini dapatkah Yang Berhormat dapat memberi contoh-contoh di mana Kerajaan telah menangkap ataupun mengongkang ataupun menyekat mana-mana orang terutama daripada parti Pembangkang yang menentang Kerajaan? Tetapi yang saya tahu dan daripada rekod yang ada ia tidak menunjukkan bahawa orang yang menentang itu ditangkap, tetapi orang yang ditangkap ialah orang yang mencetuskan perasaan perkauman, yang boleh membangkitkan ketegangan kaum, yang boleh menimbulkan kemarahan di antara kaum yang mana kelakanya akan mewujudkan suatu perbalahan di antara kaum di negara ini. Dan di antara orang-orang yang terlibat seperti itu amat malangnya terdiri daripada parti DAP, pemimpin DAP. Apakah hanya kerana kebetulan dia sebagai seorang pemimpin dalam parti DAP maka dia telah membuat satu generalisation, dengan izin

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu sudah cukup, sudah bercakap dua tiga minit. Jika demikian sangat susahlah

Tuan Zubir bin Embong: Soalan saya belum habis lagi

Tuan Sim Kwang Yang: Ini bukan soalan, tetapi ucapan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Kedua-dua Yang Berhormat, beri dia habiskan soalnya.

Tuan Zubir bin Embong: Apakah itu satu generalisation yang terbit daripada perasaan kecewa, sakit hati, dendam dan sebagainya? Ini lebih menggambarkan sebagai perasaan marah semata-mata, bukan berdasarkan kepada satu rasional, berdasarkan kepada satu pemikiran yang waras. Cuba terangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini sudah mengemukakan pandangan DAP terhadap perkara ini iaitu orang yang ditangkap seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Ketua Pembangkang dan Yang Berhormat dari Jelutong tidak berkait dengan keselamatan negara kita dan mereka hanya dijadikan sacrificial lamb, dengan izin, kepada perjuangan dalam UMNO sahaja. Saya mahu menafikan bahawa mereka telah bertanggungjawab kepada suasana iklim yang tegang baru-baru ini diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini tidak dapat dibanggakan. Saya bersetuju. Saya amat bersetuju kerana ianya akan menjadikan satu milestone, dengan izin, kepada iklim politik yang amat repressive.

Memangnya Yang Amat Berhormat akan menafikan bahawa hak-hak demokratik di bawah Perlembagaan negara kita telah dirompak ataupun dihapuskan sama sekali, tetapi sebagai satu contoh, penggantungan lesen untuk menerbitkan tiga suratkhbar dengan penahanan ramai orang khususnya pemimpin-pemimpin masyarakat, telah melahirkan ataupun mengeluarkan perasaan amat takut di kalangan khususnya wartawan-wartawan dan hari ini dalam New Straits Times, Laporan Parlimen Dewan Rakyat, kita boleh membaca, dengan izin, "Act enables Government to act fast and firm" yang melaporkan

jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri — "Backbenchers support Press Bill", laporan meliputi ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional, tidak ada satu perkataan dari DAP, tidak ada satu perkataan dari PAS pun. Adakah tidak ini satu tanda bahawa demokrasi sudah dibahayakan?

Saya tahu, saya tidak dapat salahkan wartawan-wartawan. Reports, dengan izin, by Sabri Shariff, dia pun telah dituduh di bawah ISA dan Azmi Anshan. Bukan mereka salah oleh kerana undang-undang dengan kekerasan sebegitu besar sudah menakutkan semua wartawan-wartawan. Mereka tidak mahu ikut contoh wartawan dari "The STAR" yang sekarang menganggur dan dengan perkembangan yang sama di bawah Akta Polis yang dipinda sekarang, rakyat Malaysia pun akan takut menjalankan, mengamalkan hak-hak asasi untuk berhimpun dengan tanggungjawab, mengeluarkan dengan mengemukakan pandangan kepada pihak Kerajaan untuk mungkin menentukan ataupun mengenalpastikan kelemahan yang mungkin ada dalam pelaksanaan dasar-dasar oleh pihak Kerajaan. Dan dengan ini kelemahan-kelemahan pihak Kerajaan tiadak akan didedahkan dan akan terus dijalankan sehingga akibat yang teruk berlaku.

Maka, saya mahu gulung untuk membaca dari seorang pemimpin di Africa yang mahu menentukan keadaan di negara beliau juga pada masa Idi Amin dari Uganda — ini dilaporkan pada tahun 1976, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"In any country there must be people who have to die. They are the sacrifices any nation has to make to achieve law and order".

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mahu nyawa warganegara Malaysia hilang, saya

tahu dia bukan seorang yang begitu teruk tetapi dia mahu kebebasan hak asasi rakyat Malaysia dihilangkan sebagai pengorbanan kepada apa yang beliau mensifatkan sebagai "law and order". Dia berniat baik, semua orang mahu "law and order" tetapi the road to hell is scattered with good intentions, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri, sila menjawab.

7,04mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, pihak saya selaku mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri mengucapkan ribuan terima kasih kepada 10 orang wakil yang telah berucap dalam pindaan Akta Polis ini, iaitu Wakil dari Bukit Mertajam, Tasik Chenderoh, Larut, Tanah Merah, Batu Gajah, Kota Setar, Bukit Bendera, Kangar, Marang dan juga Bandar Kuching.

Wakit dari Bukit Mertajam telah menegaskan bahawa Kerajaan telah mengubah sistem demokrasi negara ini secara radikal. Tetapi kalau kita lihat daripada tahun 1981 sehingga hari ini, Kerajaan telah bersikap begitu liberal tetapi sikap liberal Kerajaan itu telah dipersia-siakan terutama oleh DAP sendiri sepertimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi: "Seperti memberi bunga kepada kera, hancur bunga itu dikoyak-koyakkan".

Di dalam masyarakat yang faham akan demokrasi, tidak perlu undang-undang. Kebebasan boleh ada jika semua orang bertanggungjawab, tetapi undang-undang perlu bila ada orang-orang yang tidak tahu mengawal diri. Dengan sebab itu undang-undang diperlukan. Wakil dari Bukit Mertajam juga telah menuduh Kerajaan akan menghalang mesyuarat-

mesyuarat biasa. Ini adalah sangkaan buruk parti DAP. Kerajaan selalu bertindak dengan berhati-hati, jika tidak, DAP tidak mungkin wujud. DAP patut ingat bahawa ada negara yang parti lawan tidak dibenarkan menang langsung, jika menang, mereka akan dihalang. Ini kita syak ialah jenis Kerajaan yang DAP ingin mencontohi. Dalam parti DAP sendiri, tindakan seperti ini sudahpun berlaku dengan beberapa orang telah pun dikeluarkan daripada DAP sendiri,

Yang Berhormat dari Batu Gajah telah bercakap tentang kebebasan tetapi saya lihat bila dua Wakil DAP bercakap tadi, tidak ada langsung kebebasan diberi sehingga kata-kata kesat: "Sit down, I don't want to be disturbed", dengan izin, diwujudkan. Itu belum lagi berkuasa, kalau sudah berkuasa, saya tidak tahu (*Tepuk*).

Jadi, bercakap tentang kebebasan berucap dan yang hairan pula bila baca tentang Freedom of Speech daripada Federal Constitution, putar-belit, baca yang atas, yang bawah ditinggalkan (*Tepuk*) — tidak gunalah saya baca, tetapi buku itu ada di sini. Jangan hendak bohong Ahli-ahli Dewan yang ada dalam Dewan ini. Kalau Ahli-ahli dalam Dewan ini pun boleh Wakil dari Batu Gajah hendak bohong, saya tidak tahulah kepada rakyat jelata (*Tepuk*). Inilah amalan yang telah dilakukan oleh pihak DAP dan banyak yang telah bercakap tentang masalah Fasal 3 (a) ini, termasuklah Wakil dari K a n g a r

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini sejak bilakah DAP ini menjadi parti yang pembohong? (*Ketawa*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sejak DAP ini ditubuhkan. (*Ketawa*)

Masalah Fasal 3 (a) yang telah dibangkitkan oleh beberapa Wakil tadi, termasuklah Wakil dari Kangar juga, membangkitkan masalah Fasal 3 (a) ini. Kerajaan akan memerhati kuasa yang diberi kepada Polis supaya tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya. Walaupun kuasa diberi kepada mana-mana pegawai Polis untuk mengadakan sekatan jalan raya dan dalam mengawal perhimpunan, perjumpaan, perarakan, tetapi kuasa itu akan dibahagi-bahagikan dengan betul dan ini akan boleh dibuat secara pentadbiran. Kuasa-kuasa ini hanya akan diberi kepada pegawai rendah Polis di tempat-tempat tertentu. Seberapa yang boleh, kelulusan Ketua Polis Negara perlu diperolehi dahulu sebelum sekatan jalan raya dibuat. Kita akan berhati-hati dalam hal ini. Bukanlah kita hendak menjalankan sesuatu perkara itu dengan secara yang tidak berhati-hati kerana kita tahu sendiri apakah implikasi-implikasi yang wujud.

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pula telah menyatakan bahawa macam negara ini dalam keadaan perang. Kalau sudah perang, tak sempat hendak pinda undang-undang, Dewan inipun entah mungkin tidak wujud kerana Kerajaan yang ada hari ini bukan hendak tunggu bila keadaan negara sudah huru-hara, sudah perang, sudah hancursemuanya, baru hendak kumpul masuk Dewan, buat undang-undang. Bagi Kerajaan ialah "Prevention is better than cure", dengan izin. Kita tahu baru-baru ini kita nyaris-nyaris lagi berperang antara sendiri. Sebelum perkara itu berlaku, itu sebabnya terpaksa kita mengambil tindakan.

Ada puka Yang Berhormat dari Bukit Bendera mengatakan bahawa perhimpunan-perhimpunan yang dilakukan baru-baru ini adalah aman

dan damai. Adakah perhimpunan yang dilakukan di tempat-tempat Bangunan Tol baru-baru ini

Tuan Gooi Hock Seng: BoEehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memastikan perhimpunan-perhimpunan yang baru-baru ini adalah menyebabkan kekacauan, brench of peace, di mana?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Kerajaan tidak bertindak tegas, nyaris peperangan saudara dalam negara ini berlaku. Kenapa apa? Kerana perhimpunan-perhimpunan yang dianggap aman oleh DAP itulah yang menyebabkan membaranya semangat rakyat. Misalnya ada pihak-pihak pemimpin DAP sanggup mengapi-apikan penuntut-penuntut universiti, mengajak anak-anak yang sedang belajar itu untuk membalas demonstrasi. Adakah ini kerja yang patut dibuat oleh pemimpin yang bertanggungjawab?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah juga termasuk perhimpunan yang telah dibuat oleh DAP seramai 3,000 orang dahulu yang membawa isu pertukaran Guru Besar dan Penolong Guru Besar yang mana telah menyebabkan saham-saham di negara ini jatuh, adakah itu juga dimaksudkannya?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bolehkan kita masuk salah satu daripada sebabnya yang membarakan semangat, setengan daripada semangat rakyat.

Tuan Gooi Hock Seng: Adakah Timbalan Menteri sedar tentang keadaan tegang yang baru-baru ini adalah disebabkan oleh pihak polis membenarkan UMNO Youth mengadakan satu perhimpunan pada 17hb Oktober. Sebab itu

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, lepas satu, satu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, perjumpaan UMNO pada 17hb Oktober itu adalah bersabit dengan beberapa perhimpunan perhimpunan haram yang dilakukan "sebelum itu. (*Tepuk*) Kalau tidak, perhimpunan itu tidak akan berlaku dan Kerajaan sedar akan ini. Itu sebab kita bertindak dan menahan perhimpunan raksaksa pada 11hb November. Siapa yang meniup semangat ini? Ini yang kita takutkan. Itulah sebab tindakan kita lakukan, pindaan ini dilakukan.

Tuan Yang diPertua: Ya, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Oleh kerana sebelum daripada perjumpaan pada 17hb Oktober itu, sudah ada beberapa perjumpaan-perjumpaan haram termasuk yang dibuat oleh DAP dan Kerajaan membenarkan Pemuda UMNO mengadakan perhimpunan itu iatu di anggapkan sebagai perhimpunan halal. Apakah pada pandangan Kementerian Dalam Negeri sebagai satu perhimpunan yang baik dan diberi keadilan kepada Pemuda UMNO sebagai menjawab ataupun sebagai menunjukkan bahawa tidak selamanya oran-orang Melayu itu dapat diperbodohkan oleh orang-orang bukan Melayu. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri menganggap bahawa sebagai pertubuhan yang bertanggungjawab yang telah pun mengakui bahawa perhimpunan itu akan berjalan dengan aman dan damai, itu sebabnya polis telah memberi kelulusan. Tetapi setelah kita lihat daripada bunga-bunga yang telah

ditanam awalnya itu menyebabkan bara yang begitu panas di tunjukkan pada 17hb Oktober itu, meinbuatkan Kerajaan untuk bertindak untuk menahan perhimpunan raksaksa pada 1hb November dan Akta ISA terpaksa kita lakukan. Dan yang saya hairan pula, ada juga mengatakan bahawa.....

Tuan Chiang Heng Kai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli dari Bukit Mertajam bangun.

Tuan Chiang Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri berpendapat bahawa Perhimpunan di Tokong Keng Ho adalah satu perhimpunan yang haram dan siapakah memanggil perhimpunan itu, sama ada DAP atau pihak lain?

Da to' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya ingat perkara ini sudah terkeluar daripada apa yang kita hujahkan hari ini, Tuan Yang di-Pertua. Ahli dari Bukit Bendera juga memperkatakan bahawa oleh kerana penangkapan ISA ini, maka ramailah rakyat negara ini telah keluar. Tetapi bagi pendapat Kerajaan, perbuatan ramainya orang yang ingin berpindah keluar negeri bukan kerana tangkapan ISA tetapi kerana sikap dan perbuatan pihak-pihak tertentu termasuk DAP yang sering menakutkan rakyat dengan memberi gambaran yang pergaduhan kaum akan berlaku. (*Tepuk*) Akuilah hakikat ini kerana janganlah diputarbelitkan perkara-perkara yang tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lain telah pun menegaskan tentang supaya disiplin polis dipertingkatkan, keadaan pejabat polis juga mesti diperbaiki, perbanyakkan kaum wanita dan sebagainya dalam pasukan polis. Ini akan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Oleh kerana kebanyakan

yang telah berhujah tadi menyokong dan kebanyakan perkara-perkara yang dibangkitkan adalah bertindih antara satu sama lain, dengan sebab itu saya lagi sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam pindaan ini dan lagi sekali saya mengucapkan terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan di bawah Peraturan 12 (1):

Bahawa walau apa-apa pun ketetapan yang telah dibuat oleh Dewan petang ini tadi mengenai waktu persidangan, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Polis (Pindaan) telah diluluskan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan kita ialah usul untuk meminda usul yang telah dikemukakan tadi iaitu Usul di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dipersetujukan,

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa-apa pun ketetapan yang telah dibuat oleh Dewan petang ini tadi mengenai waktu persidangan, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Polis (Pindaan) telah diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua menguruskan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 5—

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, di peringkat Jawatankuasa ini!, suka saya mengemukakan beberapa soalan yang saya anggap adalah penting untuk memperolehi jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang pertamanya ialah mengenai Fasal 3. Saya ingin merujuk kepada Fasal 3 (b) berkenaan subseksyen baru (2A) yang menyatakan bahawa sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah subseksyen (2) hendaklah dibuat oleh sesuatu pertubuhan atau bersama oleh 3 orang individu. Seolah-olah yang saya ingin kemukakan untuk jawapan Yang Berhormat ialah, yang pertama, mengapakah sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen perlu dibuat secara bersesama oleh 3 orang individu oleh kerana di bawah peruntukan yang wujud sekarang keperluan ini tidak ada. Maka mengapakah peruntukan baru ini diperlukan?

Yang kedua, ialah mengenai permohonan yang hendak dibuat kepada pihak polis untuk mendapatkan permit untuk mengadakan satu mesyuarat ataupun satu perhimpunan.

Saya suka mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa lamakah yang diperlukan oleh pihak polis untuk memproses dan meluluskan sesuatu permohonan.

Saya menyampaikan soalan ini oleh kerana pada biasanya, dan ini ialah mengikut pengalaman, apabila kami menyampaikan sesuatu permohonan kepada pihak polis, misalan untuk mengadakan satu jamuan makan malam, ini memerlukan masa yang panjang daripada pihak polis untuk memproses dan diluluskannya dan tidak dapat dinafikan ini menyulitkan pihak kami.

Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan peruntukan yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini di mana semua perhimpunan ataupun mesyuarat yang diadakan memerlukan lesen dari pihak polis, maka saya berpendapat adalah sangat mustahak apabila sesuatu permohonan dibuat maka pihak polis dapat memberi jaminan ini bahawa permohonan ini dapat diproses dan diluluskan dengan secepat mungkin.

Ketiga, ialah boJehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa semua permohonan untuk mendapatkan permit atau kebenaran polis bagi tujuan mengadakan satu mesyuarat ataupun satu seminar ataupun satu forum bahawa sekiranya forum ataupun mesyuarat ataupun perhimpunan ini dapat dijalankan secara aman dan damai dan tidak mengancam keselamatan mana-mana pihak, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi satu

jaminan bahawa permohonan seperti ini akan diberi kelulusan.

Keempat, ialah Fasal 3 bercadang untuk meminda seksyen 27. Tuan Yang di-Pertua, menurut subseksyen baru (5A) dan saya guote di sini, dengan izin:

"(5A), it shall not be a defence that the person charged did not know that the assembly, meeting or procession was an unlawful assembly or did not know of the facts or circumstances which made the assembly, meeting or procession an unlawful assembly".

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah, dengan izin, "it shall not be a defence" dimasukkan di dalam subseksyen baru ini? Mengapakah peraturan, dengan izin, a man is presumed innocent until proven guilty beyond reasonable doubt" tidak dibenarkan? Mengapakah beban dipindah dan peraturan penting undang-undang kita ini dikehendaki?

Soal yang kelima yang saya ingin menyampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ialah mengenai Fasal 3 (g), subseksyen (5c) yang menyatakan:

". . . ., every member of the governing body of the organisation shall be deemed to have taken part or been concerned in covening, collecting or directing. . . ."

Saya hendak bertanya berkenaan dengan "governing body" ini mengapakah every member of the governing body of the organisation shall be deemed to have taken part in the assembly? Mengapakah governing body ini memikul beban yang berat ini. Adakah sekiranya sebuah Cawangan UMNO ataupun Parti DAP ataupun mana-mana parti yang lain yang menganjurkan satu perhimpunan atau perjumpaan tanpa permit polis, Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO atau Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi

Pusat DAP ataupun parti-parti yang lain akan bertanggungjawab ke atas perkara ini dan dihadapkan ke mahkamah, walaupun mereka tidak tahu tentang perhimpunan atau perjumpaan itu?

Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah maksud perkataan "governing bo'dy" ini, sama ada "governing body"¹ ini juga bererti Jawatankuasa sesuatu cawangan parti ataupun sesuatu Jawatankuasa negeri untuk parti yang menganjurkan perhimpunan itu. Sekian.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.26mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Megat Junid bin Megat Ayob):

Tuan Pengerusi, bersabit dengan soalan yang pertama, mengapa pertubuhan dan tiga orang, ini untuk menentukan bahawa permohonan atau permintaan adalah satu permohonan atau permintaan yang serius yang dianjurkan sekurang-kurangnya oleh tiga orang dan mereka haruslah bertanggungjawab di atas perkara ini. Kalau dahulu hanya seorang tetapi pertubuhan dengan tiga orang kerana dengan ini dapatlah polis menentukan bahawa permohonan itu benar-benar permohonan yang serius, permohonan yang boleh dipertanggungjawabkan, Itulah sebabnya maka kita kena tambah pertubuhan dan tiga orang ini.

Tentang berapa lama permit akan diberi, secepat yang mungkin akan diberi oleh pihak polis. Semua permohonan akan diberi layanan dan akan diberi pertimbangan yang sedalam-dalamnya oleh pihak polis dan jika sekiranya ia tidak memudaratkan keamanan negara, tidak memudaratkan keselamatan awam maka polis akan memberi kelulusan.

Tentang masalah pengheretan satu-satu kumpulan atau pengelola sama ada di peringkat atau atasan ataupun di peringkat cawangan, ini terpulang kepada siapa yang bertanggungjawab memohon permit itu. Kalau sekiranya ia merupakan cawangan maka pihak cawangan itu yang bertanggungjawab. Kalau peringkat itu peringkat bahagian, maka bahagian itulah yang bertanggungjawab, tidak semestinya terus. Kalau sekiranya sebuah cawangan UMNO misalnya memohon, tidaklah ertinya Presiden UMNO dipaksa diheret.

Dengan penjetasan ini saya harap pihak yang berkenaan boleh faham.

Fasal I hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang, perhormat, jam sudah 7.30 malam, habis Rang Undang-undang kita yang telah pun diluluskan tadi, maka dengan ini Dewan ditangguhkan sehingga hari Isnin, 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.